

DN.11.12.2000

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin 11 Disember 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah di Kamar Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara mengikut kehendak Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

8 September 2000

1. Y.B. Dato' Hamzah bin Zainuddin

MENGALU-ALUKAN KEDATANGAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat sumpah pada tarikh yang dinyatakan tersebut. Saya berharap Ahli yang baru dilantik itu dapat memberi sumbangan beliau yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara

mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

“7 Disember 2000

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara memersetujukannya:

1. (D.R. 42/2000) Rang Undang-undang Perbekalan 2001;
2. (D.R. 44/2000) Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2000; dan
3. (D.R. 41/2000) Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan)(Pindaan) 2000.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

URUSAN MESYUARAT

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Kadir bin Haji Shekh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Puan Siti Hawa binti Mohd. Nor minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan langkah-langkah yang diambil terhadap warga seni dalam membimbing dan mencungkil bakat-bakat baru bagi melahirkan warga seni berwibawa, mantap, serta melahirkan budayawan yang bertanggungjawab kepada bangsa dan negara.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah menubuhkan Akademi Seni Kebangsaan dengan tujuan untuk mendidik, membimbing dan mengasuh bakat-bakat baru warga seni untuk melibatkan diri secara aktif khususnya dalam bidang seni teater, seni tari, seni muzik dan penulisan kreatif.

Bakat-bakat baru ini akan diberi pendedahan akademik dan tunjuk ajar untuk mendalami ilmu persembahan secara mantap, berkesan dan profesional dengan diberi perhatian yang lebih dalam seni persembahan tradisional dan klasik.

Di samping itu, kementerian turut mengadakan program-program penggalakan seperti pekan teater, festival tari kebangsaan, bintang asli dan sebagainya dengan tujuan untuk mencungkil dan membimbing bakat-bakat baru di kalangan warga seni.

Kementerian turut berusaha memberi pendedahan akademik, percambahan idea dan pertukaran pemikiran di kalangan cendekiawan, budayawan dan penggiat-penggiat seni melalui program ceramah budaya, seminar kefahaman budaya, bengkel kesenian dan kursus kepimpinan budaya, peningkatan ilmu dan pengalaman di kalangan bakat-bakat baru sudah tentu akan menjamin kesinambungan budaya oleh generasi muda agar kebudayaan tidak akan pupus dan terus dimekarkan oleh generasi baru pula.

2. Puan Hajah Che Jam binti Haron minta Menteri Penerangan menyatakan memandangkan televisyen adalah satu alat yang amat berkesan di dalam mendidik minda masyarakat pelbagai lapisan adakah kementerian dapat mengadakan suatu rancangan yang bercorak pendidikan berkenaan asas kemahiran penggunaan komputer yang disiarkan di televisyen (RTM1 dan RTM2) selaras dengan pembangunan IT yang semakin mendesak pada hari ini.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, kempen kesedaran dan membudaya IT telah dilancarkan dalam tahun 1998. Bermula dari tahun itu RTM menerusi slot Selamat Pagi Malaysia telah menyiarkan cara-cara untuk menggunakan komputer. Program ini dibuat dengan kerjasama MIMOS, sehingga hari ini, program-program yang ada hubungkait dengan komputer dan IT masih disiarkan dalam beberapa program seperti Jendela Pagi, Era IT dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penonjolan program yang berkaitan dengan IT sekarang bukan lagi di peringkat asas tetapi lebih kepada perkembangan terbaru dalam IT serta cara-cara untuk mendapat kaedah daripada perkembangan teknologi terkini. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian berapa peratuskah jumlah program berbentuk pendidikan berbanding dengan program yang berbentuk hiburan yang disiarkan melalui TV kita?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu rasa saya tidak berkait, tinggal lagi secara umumnya sebahagian besar dari program atau rancangan yang kita siarkan di udara semuanya mengandungi elemen-elemen pendidikan ataupun ilmu dan keilmuan ini. Dan program-program yang berbentuk dan bercorak hiburan itu tidak lebih daripada kira-kira 15% hingga 20% sahaja, selain daripada itu, sebutlah apa sahaja program yang ada dalam radio, televisyen, elemennya ataupun unsurnya ilmu dan keilmuan itu sentiasa ada di merata tempat dalam pelbagai bentuk dan corak.

Puan Chew Poh Thoi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan saya, adakah filem-filem Cina yang tidak bersiri yang ditayangkan oleh RTM di tapis dengan teliti kerana kebanyakan filem-filem ini adalah berkaitan dengan pelacuran dan juga keganasan. Seperti soalan yang dikemukakan tadi, ini akan mengadakan kesan yang buruk kepada golongan remaja dan juga masyarakat pelbagai lapisan. Dan juga kebanyakan filem-filem ini ditayangkan beberapa kali. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Pada dasarnya semua filem-filem yang ditayangkan melalui TV adalah ditapis oleh:

- (i) Peringkat Lembaga Penapisan Filem Kementerian Dalam Negeri; dan
- (ii) Pada peringkat Kementerian Penerangan sendiri kita juga mempunyai Lembaga Penapis Filem ini.

Dan saya akan siasat sejauh mana Yang Berhormat kata ada unsur-unsur yang dikatakan tadi dan kita memang seboleh-bolehnya mengelakkan daripada perkara-

perkara yang sedemikian disiarkan melalui TV terutama sekali tetapi saya terima ada kalanya perkara-perkara yang terbocor daripada penapisan. Namun begitu kita sentiasa cuba memperbaiki dan meneliti seberapa baik yang mungkin. Terima kasih atas pandangan itu.

3. Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop [Di bawah P.M. 24(2)] minta Menteri Pendidikan menyatakan Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang mengendalikan kursus ijazah dan profesional dalam bidang akaun seperti ACCA dan nyatakan jumlah pelajar bumiputera dan bukan bumiputera.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga Disember 1999 ada sejumlah 199 buah institusi pengajian tinggi swasta yang mengendalikan kursus dalam bidang perakaunan pada peringkat ijazah dan profesional. Jumlah pelajar yang mengikut kursus tersebut ada seramai 8,044 orang. 1,560 terdiri dari pelajar bumiputera dan 6,484 pelajar bukan bumiputera. Terima kasih.

4. Tuan Abdillah bin Abdul Rahim [Di bawah P.M. 24(2)] minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) apakah bilangan atau nisbah pakar-pakar pembedahan kepada penduduk di Negeri Sabah; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menambah jumlah pakar-pakar perubatan dan pembedahan dalam perkhidmatan kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini dengan soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani pada 14 Disember 2000, Yang Berhormat Datuk Faridah binti Abu Hassan pada 18 Disember 2000 dan Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail pada 19 Disember 2000 serentak kerana ianya berkaitan di antara satu sama lain.

Bagi soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Christine Tibok, nisbah di antara penduduk dengan setiap pegawai perubatan atau pengamal perubatan

bagi negeri Sabah adalah seorang kepada 4,249 penduduk dan bagi 1999 ialah seorang doktor bagi 4,120 orang penduduk.

Jumlah pegawai perubatan yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan adalah seramai 6,429 orang. Pegawai perubatan Gred U3 adalah seramai 5,433. Pegawai perubatan pakar gred U2 ke atas adalah seramai 663 dan pegawai perubatan pentadbir gred U2 ke atas adalah seramai 333 orang. Jumlah pegawai perubatan pakar yang berkhidmat di Sabah adalah seramai 14 orang berbanding dengan jawatan sebanyak 57.

Ini bermakna terdapat 43 kekosongan pegawai perubatan pakar di Sabah iaitu berdasarkan kepada kedudukan pengisian pada 30 September 2000.

Di samping itu, kementerian juga menghantar pegawai perubatan kontrak seramai 39 orang dan pegawai perubatan pakar kontrak seramai 34 orang untuk berkhidmat di Sabah.

Keempat-empat Yang Berhormat di atas membangkitkan pertanyaan mengenai masalah kekurangan doktor termasuk doktor pakar. Apakah perancangan untuk mengatasi masalah kekurangan doktor tersebut dan tentang pengambilan doktor dari negara Indonesia untuk berkhidmat di negara ini.

Berdasarkan kepada kedudukan perjawatan dan pengisian pada 30 September 2000, Kementerian Kesihatan mempunyai sebanyak 9,526 jawatan pegawai perubatan dan pengisiannya adalah seramai 6,429, manakala kekosongan adalah seramai 3,097. Ini bermakna kekosongan pegawai perubatan secara keseluruhannya adalah sebanyak 32.5%.

Antara langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi kekurangan doktor yang berkhidmat di hospital dan di klinik kerajaan adalah seperti berikut:-

- (i) Menambahkan bilangan pelajar perubatan di universiti-universiti awam dan swasta tempatan dan juga di luar negara iaitu dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Pada tahun 1999 hanya tiga buah universiti tempatan yang mengeluarkan graduan perubatan iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia. Sementara itu bagi

Universiti Putra Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Malaysia Sarawak akan mengeluarkan graduan masing-masing tidak berapa lama lagi.

Pada tahun 1999, seramai 842 graduan perubatan dihasilkan dan daripada jumlah tersebut seramai 372 orang dari universiti tempatan dan 470 dari universiti luar negara. Sementara itu bagi tahun 2000 dijangkakan pengeluaran graduan tempatan dan luar negara adalah seramai 985 orang.

- (iii) Pegawai perubatan digalakkan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana bagi mendapatkan kelulusan kepakaran dalam bidang-bidang berkenaan sama ada melalui sistem terbuka ataupun secara sepenuh masa iaitu sistem tertutup. Sistem terbuka bermaksud pegawai berkenaan menjalankan perkhidmatan secara biasa di hospital-hospital yang diiktiraf dan dalam jangka masa yang sama, melanjutkan pelajaran dalam disiplin kepakaran tertentu.
- (iii) Sementara itu bagi sistem tertutup pegawai berkenaan diberi cuti belajar bergaji penuh melanjutkan pelajaran di universiti secara sepenuh masa. Bagi bidang-bidang kepakaran atau subspeciality yang tidak diperoleh dalam negara, pegawai berkenaan akan dihantar menjalankan kursus berkenaan di luar negara.

Seterusnya memberikan kemudahan bantuan biasiswa kepada penuntut perubatan sama ada di dalam mahupun di luar negara dengan ikatan kontrak untuk berkhidmat dengan kerajaan selama sepuluh tahun bagi Ijazah Pertama dan ikatan kontrak selama lima tahun bagi Ijazah lanjutan.

Di antara langkah-langkah lain ialah memantau perkhidmatan wajib yang dikenakan kepada pegawai perubatan seperti mana yang diperuntukkan di bawah Artikel 40 dan 41 Akta Perubatan 1971. Di samping itu, kementerian juga mengambil pegawai perubatan atau pakar secara kontrak dari luar negara. Pada masa ini terdapat 337 orang pegawai perubatan kontrak berkhidmat di Kementerian kesihatan. Pegawai

kontrak tersebut yang diambil dari negara seperti Pakistan, Bangladesh, India, Myanmar, Indonesia dan lain-lain lagi dan mereka ini dihantar ke kawasan-kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak untuk berkhidmat.

Kerajaan juga memberikan skim perkhidmatan yang lebih baik kepada pegawai perubatan di mana dari segi gaji, elaun dan lain-lain kemudahan yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan skim perkhidmatan lain seperti jurutera, arkitek, pegawai sains dan lain-lain. Sebagai contoh, dalam Belanjawan tahun 2001 yang dibentangkan baru-baru ini, kerajaan telah menaikkan elaun kritikal pegawai perubatan dari 5% daripada gaji iaitu lebih kurang RM116 sebulan kepada satu kadar tetap sebanyak RM500 sebulan. Kerajaan juga memperbanyakkan peluang dan mempercepatkan proses kenaikan pangkat terutama kepada pegawai perubatan yang mempunyai kepakaran tertentu. Secara perbandingannya, kenaikan pangkat pegawai perubatan adalah lebih cepat dibandingkan dengan pegawai yang setaraf dalam skim perkhidmatan lain.

Pegawai Perubatan yang mempunyai kepakaran akan dinaikkan dari Gred U3 ke Gred U2 dan tempoh berkhidmat selama lebih kurang 7 tahun. Pada masa ini kementerian sedang mendapatkan kelulusan kerajaan untuk mengambil Pegawai Perubatan daripada luar negara terutamanya dari Indonesia, untuk ditempatkan di seluruh negara. Pengambilan Pegawai Perubatan dan pakar daripada luar negara ini adalah melebihi 1000 orang dan akan diambil secepat mungkin apabila mendapat persetujuan daripada kerajaan nanti. Kementerian juga menetapkan supaya Pegawai Perubatan yang telah tamat menjalani latihan siswazah ataupun *housemanship* untuk berkhidmat selama dua tahun di Sabah dan Sarawak.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Adakah wujud pegawai-pegawai perubatan atau doktor kerajaan yang berpengalaman berhijrah ke hospital-hospital swasta sama ada dalam negara atau di luar negara dan apakah puncanya. Terima kasih.

Tuan S.G. Sothinathan: Memang ini menjadi satu fenomena di dalam Kementerian Kesihatan di mana setiap tahun kita mendapat ramai doktor yang meninggalkan perkhidmatan kerajaan dan pergi kepada swasta kerana mendapati bahawa di pihak swasta gaji atau pendapatan di sana lebih lumayan. Dari segi itu, apa

yang kita boleh buat adalah supaya dapat seperti apa yang telah saya katakan dalam Dewan tadi, kita cuba memberikan elaun dan lain-lain kemudahan yang lebih baik pada mereka. Dan juga, memberikan elaun kritikal dan juga gaji yang lebih tinggi. Yang sebenarnya para doktor adalah salah satunya golongan yang mendapat faedah yang terbaik di kalangan kakitangan kerajaan. Tetapi kalau seterusnya mereka masih lagi ingin pergi ke pihak swasta, tiada apa yang boleh kita buat.

Tetapi untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya pada tahun 1998 sejumlah 3,016 pegawai-pegawai perubatan yang telah meletak jawatan untuk pergi ke swasta. Pada tahun 1999, lebih kurang 245 dan pada tahun 2000, setakat ini 230 orang dan juga sebenarnya yang pergi ke luar negara itu bukanlah satu angka yang besar dan kita tidak perlu bimbang. Walau bagaimanapun, sama ada mereka di pihak swasta ataupun di kerajaan, mereka memang memberi perkhidmatan kepada rakyat Malaysia dan mereka sebenarnya dapat memastikan bahawa kita dapat mencapai satu nisbah doktor dengan penduduk yang lebih baik. Dan, kita sebenarnya mempunyai satu *target* untuk mengadakan untuk setiap 800 orang penduduk di Malaysia, kita hendak mengadakan seorang doktor selewat-lewatnya pada tahun 2020.

5. **Datuk Long bin Jidin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejak operasi pencegahan pusat video haram, berapa banyak kah tangkapan dibuat, jumlah yang didakwa dan denda yang dikenakan terhadap pesalah-pesalah tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi tempoh Januari hingga September 2000 tahun ini, sebanyak 4,978 serbuan telah pun dibuat ke atas pusat-pusat mesin perjudian haram dan hasilnya sejumlah 18,836 mesin perjudian yang telah pun berjaya dirampas. Dari jumlah tersebut, 3,028 kes telah pun dihadapkan ke mahkamah dan selebihnya akan dituduh kemudian setelah kertas siasatan lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, hukuman yang dikenakan kepada pengusaha mesin perjudian adalah tertakluk kepada negeri ataupun tempat kesalahan tersebut dilakukan dan akta yang diguna pakai di tempat-tempat berkenaan. Sebagai satu misalan, pengusaha mesin perjudian yang dituduh di bawah seksyen 4(1) Akta Hiburan

Wilayah Persekutuan 1952, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM20 ribu ataupun penjara bagi tempoh tidak melebihi 5 tahun ataupun kedua-duanya sekali. Dan, bagi Akta Loteri 1952 yang digunakan di negeri yang tidak mempunyai Akta Hiburan, maka yang ini mengenakan denda yang tidak melebihi RM10 ribu ataupun penjara 3 tahun ataupun kedua-dua-dua sekali. Terima kasih.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Kita ucapkan tahniah atas operasi video haram dan ini melegakan para ibu bapa sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Soalan saya, apakah operasi seumpama ini akan diteruskan dari masa ke semasa dan adakah kementerian telah mengenal pasti, apakah punca sehingga boleh merebak pusat-pusat video haram begitu pesat sekali di akhir-akhir ini sehingga satu operasi besar-besaran perlu diadakan.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan Negara ini, iaitu terdapat dua jenis mesin yang dikatakan haram. Satu ialah mesin perjudian, satu lagi ialah mesin permainan video, kalau tidak dilesenkan oleh pihak berkuasa tempatan. Jika mesin-mesin video permainan di keluarkan lesen oleh pihak berkuasa tempatan maka pusat-pusat mesin permainan video bukan dikategorikan sebagai haram.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan telah pun melalui operasi-operasi dan serbuan-serbuan, penguatkuasaan oleh pihak Polis Diraja Malaysia telah pun begitu banyak mengambil tindakan terhadap pusat-pusat mesin perjudian yang haram termasuk juga pusat-pusat mesin permainan video yang haram. Selama ini kita dapat mengawal supaya masalah ini tidak dapat merebak hingga ke seluruh negara. Walau bagaimanapun, oleh kerana begitu banyak tempat di seluruh negara, di mana pusat-pusat haram ini telah pun banyak maka kerajaan telah membuat satu keputusan. Mengikut keputusan Jemaah Menteri baru-baru ini, semua pusat permainan video walaupun dilesenkan selama ini oleh pihak berkuasa tempatan, harus berhenti operasinya pada hujung tahun ini.

Dalam perkataan lain, pihak-pihak berkuasa tempatan tidak lagi akan mengeluarkan lesen-lesen ataupun tidak akan memperbaharui lesen-lesen pusat permainan video. Dengan adanya tindakan seumpama ini maka semua pusat-pusat

secara haram yang mengandungi mesin-mesin perjudian akan lebih mudah dapat dibasmikan. Dan, kalau saya ditanya apakah sebab-sebab yang cukup munasabah bagi pengusaha-pengusaha mesin perjudian haram meneruskan operasi haram ialah:

- (i) keuntungan yang begitu besar, yang begitu lumayan sekali;
- (ii) terdapat juga di setengah-setengah tempat di negara kita ada segelintir kecil anggota-anggota penguatkuasaan juga terlibat.

Dengan kedua-dua sebab ini, banyaklah pusat-pusat mesin perjudian yang khususnya di tempat-tempat yang tiada balai polis ianya merebak dengan begitu cepat. Dan, di setengah tempat, walaupun ada pihak penguatkuasa dengan penglibatan segelintir anggota polis tempatan ini secara tidak sah, tidak sah, juga terdapat begitu banyak pusat-pusat perjudian haram. Walau bagaimanapun, saya percaya mulai tahun depan, dengan pihak polis memperhebatkan lagi operasinya dengan keputusan Jemaah Menteri di mana tidak lagi lesen-lesen dikeluarkan kita dapat melihat keadaan ini akan pulih, baik semula. Sekian.

Tuan N. Marimuthu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sila nyatakan satu cadangan bentuk hiburan lain yang boleh diadakan oleh kementerian untuk pemuda-pemuda ini supaya tidak terjerumus ke jenayah lain.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, memang saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat iaitu lebih banyak lagi aktiviti-aktiviti bagi golongan pemuda-pemudi perlu supaya mereka dapat melibatkan diri dan supaya mereka juga dapat dielak melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan jenayah. Saya percaya kerajaan melalui kementerian-kementerian yang berkenaan khususnya Kementerian Belia dan Sukan akan mengadakan lebih banyak aktiviti untuk menggalakkan golongan pemuda-pemudi dapat mengambil bahagian. Dalam aspek lain pula kerajaan memang akan membenarkan supaya permainan-permainan bukan bercorak video yang khususnya macam kuda, di mana anak-anak dapat bermain semasa mereka menemani ibu bapa ke pusat-pusat membeli belah terus akan dibenarkan. Sekian.

6. **Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan, objektif dan fungsi Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan

(LPKP) dan jumlah permit Perkhidmatan Teksi yang telah didaftarkan bagi Negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang hingga kini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan [Datuk Rizalman bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan Malaysia telah ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dengan menetapkan objektifnya seperti berikut:

- (a) menentukan supaya keperluan kenderaan perdagangan mencukupi dan dapat memenuhi keperluan serta memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan mengikut perkembangan semasa;
- (b) menentukan supaya industri kenderaan perdagangan berkembang dengan pesat berasaskan kepada matlamat yang telah ditentukan oleh dasar pembangunan negara; dan
- (c) menetapkan dasar-dasar tertentu berkaitan dengan industri kenderaan perdagangan termasuk penyertaan bumiputera dalam industri ini.

Kedua, Akta LPKP 1997, juga telah menggariskan bidang kuasa dan fungsi LPKP iaitu:

- (a) menimbang dan meluluskan permohonan untuk mendapatkan lesen baru dan membaharui semua kelas lesen kenderaan perdagangan;
- (b) menimbang dan meluluskan permohonan untuk pengubahan kelas lesen dan syarat-syarat ke atas semua kelas lesen kenderaan perdagangan;
- (c) mengenakan syarat ke atas semua kelas lesen kenderaan perdagangan. Syarat-syarat tersebut meliputi penetapan kadar tambang, penentuan peringkat tambang, jadual perjalanan, bilangan penumpang, kawasan operasi, berat muatan, jenis barang-barang, hal-hal pengendalian dan syarat khusus yang lain;

- (d) menggantung atau membatalkan lesen kenderaan perdagangan yang disabitkan kesalahan, melanggar syarat-syarat lesen atau tidak mematuhi Akta LPKP 1987 dan kaedah-kaedah yang diperbuat di bawahnya dan undang-undang bertulis lain yang berkuat kuasa;
- (e) menentukan tempoh kuat kuasa lesen bagi semua jenis kenderaan perdagangan;
- (f) mengeluarkan lesen jangka pendek;
- (g) menggumpalkan rekod akaun penyata kewangan, statistik atau dokumen-dokumen berhubung dengan perniagaan pemegang lesen ke atas semua kelas lesen kenderaan perdagangan; dan
- (h) tugas-tugas yang berhubung dengan penguatkuasaan syarat-syarat lesen kenderaan perdagangan.

Ketiga, sehingga 30 November 2000, lesen teksi yang didaftarkan di negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang hanyalah 92 sahaja. Iaitu 82 untuk negeri Pahang, 1 buah untuk negeri Kelantan, dan, sembilan buah untuk negeri Terengganu. Lesen teksi yang dikeluarkan di negeri-negeri tersebut adalah kecil kerana lebih banyak permohonan lesen kereta sewa di terima di negeri-negeri tersebut. Sehingga 20 November 2000, terdapat sebanyak 6,024 lesen kereta sewa telah didaftarkan. Iaitu 1,955 di negeri Pahang; 2,831 di negeri Kelantan dan 1,238 di negeri Terengganu. Terima kasih.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Apakah LPKP ataupun Kementerian Pembangunan Usahawan menyedari bahawa dalam operasi mengendalikan keusahawanan teksi ini khususnya di Pantai Timur tidak menggalakkan walhal kita banyak meluluskan permit mereka. Jadi, perkhidmatan teksi di sebelah Pantai Timur ini tidak mengagumkan ataupun tidak mendatangkan satu usaha-usaha yang baik kepada usaha-usaha pemandu teksi. Mereka kebanyakannya amat miskin dan daif dari segi pendapatan kerana tidak mempunyai mungkin segi pelanggan ataupun jumlah permit yang dikeluarkan oleh kementerian terlampau banyak.

Jadi, apakah rancangan kerajaan khususnya LPKP supaya memberi satu pendirian baru untuk menilai semula kedudukan permit-permit teksi khususnya di Pantai Timur, sebagai contohnya apa yang berlaku teksi Limo di airport kita. Saya tidak nampak sebarang keputusan yang mutlak diputuskan oleh LPKP sendiri sehingga menjejaskan keseluruhan industri pengangkutan di peringkat airport. Jadi, dari segi jangka panjangnya, apakah pendirian kerajaan dalam hal-hal begini. Terima kasih.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan tadi, pengeluaran lesen khususnya untuk negeri-negeri di Pantai Timur, khususnya lesen teksi, sangat sedikit permohonan yang diterima keseluruhannya cuma 92 lesen sahaja yang telah diberikan untuk negeri Pahang, Terengganu dan juga Kelantan. Sementara lesen kereta sewa ini agak banyak sedikit. Walau bagaimanapun, seperti yang kita telah nyatakan, sehingga 30 November, sebanyak 6,024 lesen telah pun didaftarkan di ketiga-tiga negeri. Pengeluaran ini ataupun pemberian lesen ini adalah bergantung kepada kajian-kajian yang dibuat oleh LPKP itu sendiri dan juga cadangan-cadangan daripada pihak-pihak tertentu termasuklah persatuan-persatuan teksi itu sendiri.

Dan, kita berpendapat bahawa lesen yang ada ini adalah mencukupi dan boleh digunakan oleh pemilik-pemilik lesen ini untuk mencari sumber pendapatan yang mencukupi. Dan, bagi permohonan-permohonan yang baru yang telah diterima di ketiga-tiga negeri ini juga, kita akan sentiasa mengadakan kajian yang menyeluruh sama ada keperluan-keperluannya itu untuk kita meluluskan atau memberikan lesen yang baru untuk memastikan bahawa pendapatan daripada pengeluaran lesen ini akan dimanfaatkan dengan sebaik mungkin oleh seluruh pemandu-pemandu yang berkecimpung dalam bidang perniagaan permit-permit ini.

Seperti yang dikatakan tadi mengenai dengan *airport* Limo ini, kerajaan telah pun membuat keputusan bahawa kita membenarkan teksi-teksi daripada bandar raya untuk memenuhi permintaan daripada penumpang-penumpang di *KLIA airport*. Setakat ini setelah kita membuat keputusan kita merasakan bahawa kelulusan ini adalah baik untuk kepentingan industri perkhidmatan teksi ini khususnya di *KLIA*.

Sebenarnya kita telah mengeluarkan banyak permit kepada pengusaha limo Airport pada masa lalu tetapi apabila kita telah mendapati bahawa keperluan ataupun sungutan ataupun kompelin-kompelin yang kita terima bahawa perkhidmatan teksi ataupun limo di lapangan terbang ini tidak begitu memuaskan maka kerajaan telah mengambil keputusan untuk membenarkan teksi bandaraya beroperasi di kawasan itu. Ini kita akan sentiasa memantaunya sehingga ada peraturan ataupun cadangan-cadangan baru yang boleh memastikan operasi ini berjalan dengan baik dan tidak mengganggu ataupun tidak menghalang ataupun tidak menyusahkan khususnya pelancong-pelancong daripada luar negara yang datang ke negara kita. Terima kasih.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, saya ingin bertanya pada suatu ketika dahulu Kementerian Pembangunan Usahawan telah menyatakan bahawa kerajaan bercadang untuk memberi permit teksi kepada individu. Saya ingin bertanya bilakah hendak dilaksanakan kerana banyak pemandu teksi yang menyewa kereta menunggu-nunggu bilakah pelaksanaan rancangan ini hendak dilaksanakan?

Saya ingin untuk menambah sambil bertanyakan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu “pisang berbuah dua kali” di mana teksi-teksi diberi kepada syarikat yang besar-besar yang ada syarikat lain, yang ada mempunyai perniagaan lain dibenarkan mempunyai teksi. Jadi, jika sekiranya kerajaan dapat memberikan permit ini kepada orang-orang yang menjalankan teksinya sendiri terutama sekali kepada kalangan bekas-bekas pasukan keselamatan polis yang telah diberhentikan, telah tamat pekerjaan mereka diberikan keistimewaan untuk memiliki teksi sendiri. Dengan ini, kita akan dapat menolong mereka untuk meneruskan mencari nafkah untuk menyara keluarga mereka. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Tuan Pengerusi, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya nisbah pemberian permit kepada syarikat dan juga individu dalam negara kita ini buat masa ini ialah syarikat - 70% dan individu - 30%. Baru-baru ini Kementerian Pembangunan Usahawan telah membuat keputusan untuk memperseimbangkan nisbah tadi, maka Kementerian Pembangunan Usahawan telah memutuskan untuk memberikan lesen teksi individu

kepada pengusaha-pengusaha individu di mana 200 lesen kita akan berikan kepada kawasan Lembah Klang dan 100 lesen lagi untuk kawasan Johor Bahru.

Untuk makluman, kerajaan memang benar-benar ikhlas dan jujur untuk membantu khususnya pengusaha-pengusaha atau usahawan-usahawan yang telah lama berkecimpung sebagai pemandu teksi ini khususnya mereka yang telah berkhidmat lebih daripada lima tahun ke atas. Maka oleh sebab itu, kita telah pun mengadakan temuduga-temuduga dan baru selesai pada beberapa bulan yang lepas dan kita akan mengeluarkan lesen pada tahun ini juga lebih kurang 10% daripada jumlah lesen yang telah kita luluskan iaitu 10% di kawasan Lembah Klang pada tahun ini dan 10% di Johor Bahru dan pada tahun hadapan apabila semua sekali kita telah buat kajian dan melalui temuduga yang telah dilakukan baru-baru ini maka kita akan memberikan kelulusan kepada semua lesen-lesen ataupun mereka yang telah memohon dalam permohonan teksi baru-baru ini.

Saya juga setuju supaya apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi diberi kepada bekas-bekas pesara, polis, askar dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kita juga mempunyai syarat-syarat yang tertentu dan kita tidak boleh melonggarkan syarat-syarat iaitu, bagi kelulusan lesen-lesen yang baru ini kita mestilah mengutamakan kepada mereka yang telah lama berkecimpung dalam bidang teksi ini iaitu, sebagai pemandu teksi sekurang-kurangnya telah menjadi pemandu teksi tidak kurang daripada lima tahun.

Jadi, ini tidaklah tertumpu sahaja kepada pihak bekas-bekas askar, polis dan sebagainya, tetapi kepada semua pengusaha ataupun mereka yang berminat dalam bidang ini dan telah menjadi pemandu teksi tidak kurang daripada lima tahun.

Jadi, ini syarat-syarat utama sebab permohonan yang kita terima ini cukup banyak dan untuk itu kita perlulah mengutamakan mereka yang telah lama berkhidmat dan juga menunjukkan perkhidmatan yang baik semasa mereka menjadi pemandu teksi di syarikat-syarikat yang tertentu. Inilah sebenarnya usaha ikhlas kita untuk membantu pengusaha-pengusaha individu yang memerlukan lesen mereka sendiri. Terima kasih.

7. **Puan Melanie Chia Chui Ket** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan sebabnya kerajaan membenarkan syarikat-syarikat telekomunikasi menentukan kadar akses bulanan masing-masing setelah perkara itu menjadi isu pertikaian antara kerajaan dengan syarikat-syarikat tersebut sekian lama.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia

[**Tuan Chia Kwang Chye**]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai usaha untuk menggalakkan persaingan dalam penawaran perkhidmatan telefon mudah alih, kementerian telah memansuhkan peraturan ATUR 1986 ini. Dengan pemansuhan ini, caj-caj yang dikenakan syarikat-syarikat pembekal perkhidmatan telefon mudah alih adalah berdasarkan pasaran.

Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia memerhatikan bahawa oleh kerana persaingan yang hebat, pembekal-pembekal yang telah memperkenalkan pakej-pakej yang menarik untuk pengguna-pengguna di mana terdapat syarikat-syarikat mengurangkan bayaran laluan melebihi 50%. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, daripada jawapan itu maka adakah benar kerajaan tidak akan campur tangan dalam hal ini dan tidak akan keluaran sebarang arahan atau perundangan untuk menghapuskan bayaran akses ini? Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, memanglah terdapat kekeliruan di pasaran dan di kalangan pengguna-pengguna telefon bimbit di mana nampaknya caj akses atau *access fee* ini akan dimansuhkan. Apakah keputusan yang dibuat oleh kerajaan ialah cuma pemansuhan peraturan ATUR 1986, di mana perusahaan atau industri telefon bimbit ini di dalam *Regulation* kerana pada masa itu cuma satu pembekal yang tunggal yang memberi perkhidmatan telefon bimbit pada masa itu.

Dengan persaingan yang begitu hebat sekarang dengan pemberian lebih kurang tujuh lesen kepada syarikat-syarikat telefon, kerajaan telah membuat keputusan supaya peraturan ATUR ini dimansuhkan. Dengan pemansuhan ATUR ini, ini bermakna caj akses yang dikenakan sekarang tidaklah dikawal lagi, yang cuma dimansuhkan ialah *ceiling* atau had yang tertinggi dimansuhkan. Dengan ini harga atau caj yang ditentukan oleh syarikat adalah mengikut pasaran. Tetapi kerajaan

memang yakin bahawa dengan persaingan yang diadakan di pasaran dengan pakej-pakej yang inovatif, kita berharap bahawa pembekal mempunyai pilihan dan dengan ini satu perkhidmatan yang memuaskan dapat diwujudkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Saya rasa dalam hal ini kita agak berbelit-belit sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun lepas sahaja, ada Menteri Kewangan telah memutuskan dan telah ada kenyataan akhbar iaitu, bayaran akses sebanyak RM60 secara maksimumnya dimansuhkan oleh kerajaan. Tetapi, apa yang berlaku sekarang ini, kita nampak penyerahan semula oleh Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia kepada tujuh operator dan kita nampak seolah-olah ada satu perkara yang tidak jelas dilakukan oleh ketujuh-tujuh operator utama telefon selular ini yang telah memberi banyak pertikaian dan salah tanggapan oleh publik pada perkara ini dan perkara ini telah dimaklumkan kepada rakyat jelata melalui beberapa kenyataan akhbar oleh Menteri, Timbalan Menteri dan sebagainya. Jadi, saya mencadangkan supaya satu kata putus perkara ini dapat dilaksanakan dan apakah pendirian kerajaan sebenarnya? Sama ada kerajaan hendak mengikut operator yang memang kita bagi consession kepada mereka ataupun mereka akan mencadangkan kepada kerajaan demi kepentingan mereka tetapi apakah kepentingan pengguna tidak diambil kira secara tepat oleh kerajaan. Sekia, terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan atau Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia tidak pernah membuat keputusan bahawa caj akses ini akan dimansuhkan. Apa yang saya jelaskan tadi adalah apa yang dimansuhkan ialah siling untuk had access fee ini kerana dahulu ceiling access fee yang tertinggi yang boleh dikenakan atau dicajkan oleh Syarikat Telekomunikasi bagi telefon bimbit ialah RM60 dan ini merupakan satu caj akses yang maksimum. Apa yang wujud sekarang ialah kebanyakan caj akses yang dikenakan oleh Syarikat Telekomunikasi ialah kurang daripada RM60 dan inilah satu kadar yang boleh dikatakan mengikut pasaran dan itulah satu persaingan yang sihat dan adalah satu pembekal yang bebas yang diberi oleh syarikat telefon bimbit.

Tuan Yang di-Pertua, jadi dengan penjelasan ini, saya berharap tidak ada kekeliruan lagi bahawa kerajaan telah membuat keputusan atau kerajaan mempunyai hasrat untuk memansuhkan caj akses ini dan inilah mengikut Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, memang ada di bawah Seksyen 133 dan Seksyen 135 di mana kerajaan akan mengeluarkan garis panduan di mana *collusion* atau kegiatan anti *competition* tidak wujud di mana penentuan kadar atau penentuan *market share* atau boikot di antara pembekal dan *competitor* tidak dapat diadakan dan tidak dibenarkan oleh kementerian. Sekian, terima kasih.

8. Puan Safinah binti Jusoh minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah rasional Dasar Alam Sekitar Kebangsaan belum diterima pakai sejak dasar ini siap dirumuskan pada tahun 1995 dan bilakah pihaknya akan menguatkuasakan dasar tersebut.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa Jemaah Menteri pada mesyuaratnya bertarikh 18 Mac, 1998 telah memutuskan untuk menangguhkan penguatkuasaan Dasar Alam Sekitar Kebangsaan kerana adalah tidak wajar pada masa itu dasar ini diterima pakai dalam keadaan kegawatan ekonomi yang dialami negara oleh kerana dikhuatiri perlaksanaannya boleh menambah kos ataupun kerenah birokrasi yang akan membebankan serta menjejaskan daya saing sektor industri. Kementerian sedang membuat penyemakan dan ulang kaji garis panduan dasar tersebut dengan mengambil kira perkembangan terbaru di mana keadaan ekonomi telah mula pulih dan setelah itu akan dikemukakan semula kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan. Adalah dijangkakan Dasar Alam Sekitar Kebangsaan ini akan dikuatkuasakan ataupun dilaksanakan pada tahun 2001 ini, Insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Sejauh manakah keberkesanannya kempen kesedaran alam

sekitar yang telah dibuat oleh pihak kementerian dan apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai setakat ini dalam menangani masalah alam sekitar di negara kita.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, pelbagai usaha telah pun dijalankan oleh pihak kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar di dalam usaha-usaha untuk mempertingkatkan lagi kesedaran dan juga pengawalan mengenai pencemaran alam sekitar. Program-program ini termasuklah program pendidikan, program yang khusus diberikan tumpuan kepada murid-murid sekolah dan juga golongan-golongan NGO di negara kita ini. Dari apa yang dapat kita lihat bahawa tindak balas ataupun *respond* daripada masyarakat mengenai program-program ini dapat dilihat dengan banyaknya aduan-aduan yang telah diterima oleh Jabatan Alam Sekitar mengenai kegiatan-kegiatan yang melanggar peraturan dan Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama daripada pihak-pihak tertentu khususnya pihak berkuasa tempatan sentiasa mengawasi akan pelanggaran-pelanggaran peraturan dan mengambil langkah-langkah serta tindakan yang tertentu untuk menangani masalah ini.

Usaha-usaha ini akan terus dilaksanakan dengan memberikan berbagai-bagai bentuk usaha khususnya dalam bentuk *education* dan *awareness*, dengan izin, serta penguatkuasaan undang-undang dalam kita mengawal dan cuba mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan pencemaran alam sekitar. Adalah diharapkan bahawa dengan kerjasama serta kepekaan masyarakat terhadap isu dan masalah alam sekitar hari ini, kita yakin dan percaya usaha-usaha yang dijalankan ini akan dapat sambutan dan dengan itu kita percaya bahawa masalah-masalah yang akan dihadapi pada masa ini akan dapat dikurangkan dari masa ke semasa.

9. Tuan Abdillah bin Abdul Rahim minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah jumlah kelas-kelas tuisyen swasta yang telah berdaftar dengan kementerian di tiap-tiap negeri dan jumlah pelajar yang mengikuti kelas-kelas ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dat o' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Disember tahun 1999, pusat tuisyen swasta yang telah berdaftar dengan Kementerian Pendidikan ada

sebanyak 1,102 buah. Jumlah pelajar yang belajar di pusat-pusat tuisyen ini ada sebanyak 92,196 orang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada kementerian apakah langkah-langkah yang diambil untuk menentukan supaya jika ada guru-guru di sekolah yang terlibat dalam kelas tuisyen swasta ini prestasi mereka ataupun komitmen mereka di sekolah tidak terjejas.

Soalan kedua saya ialah, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membantu anak-anak murid yang tidak mampu untuk pergi kelas tuisyen swasta, untuk membantu mereka dalam mata pelajaran yang mereka tidak dapat pelajari dengan baik seperti mata pelajaran yang mereka terlalu lemah untuk mengikuti. Sekian, terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat atas prihatin terhadap pengajar dan juga pelajar kita. Bagi pihak Kementerian Pendidikan, kita sentiasa mengawasi bahawa guru-guru yang terlibat di dalam pusat-pusat tuisyen ini mementingkan pekerjaan asasnya terlebih dahulu daripada bekerja sampingan dan pada peringkat ini tidak ada kekeliruan yang timbul bahkan mereka menjalankan kerja seimbang dengan apa yang diharapkan.

Berhubung dengan kelas tuisyen bagi kanak-kanak kita yang terdiri daripada golongan yang kurang berpendapatan, kita mengharapakan bahawa pihak-pihak NGO ataupun pihak-pihak badan tertentu dapat memberi perhatian kerana perkara ini penting, kerana kita takuti dalam proses sebilangan pelajar yang mendapat faedah tuisyen akan mendapat keputusan yang baik, yang tidak mendapat tuisyen tentunya tidak akan mendapat keputusan yang baik. Oleh sebab itu, kita menyeru seluruh rakyat yang sangat aktif untuk membentuk negara ini, perhatikanlah kepada pembangunan kanak-kanak di masa depan kerana pembangunan kanak-kanak ini adalah satu pelaburan yang terpenting bagi negara kita. Bagi saya sendiri, saya selalu merayu kepada UMNO supaya mereka mengadakan kelas-kelas tambahan bagi kanak-kanak di tempat mereka sendiri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Bila kita bercakap tentang kelas tuisyen, ianya lebih merupakan satu *shortcut* kepada kejayaan dalam sesuatu peperiksaan. Adakah kementerian dalam usaha untuk menjadikan anak-anak kita atau anak-anak muda kita lebih kreatif, kemahiran dari segi minda dan juga suka membaca untuk menekankan kerja kursus ataupun kerja projek ataupun kerja harian mereka sebagai markah supaya urusan pembelajaran ini dapat berterusan, tidak berorientasikan peperiksaan sahaja. Apa yang kita lihat, bila kita sebut tentang tuisyen, ianya banyak kepada *exam oriented*. Jadi, oleh itulah kita rasa setakat ini masih gagal untuk melahirkan anak-anak kita di peringkat sekolah rendah lagi sehinggalah ke peringkat sekolah menengah untuk terus membaca, mengkaji dan menyelidik kerana kita tertekan dengan masalah-masalah exam oriented ini. Adakah kementerian, soalan saya, bercadang untuk melebihi kerja-kerja harian ini atau kerja kursus untuk memberikan lebih cerdik anak-anak kita dan terus tertumpu kepada buku dan penyelidikan buat masa akan datang.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat. Bagi pihak pengawasan di luar sekolah, sudah tentulah Kementerian Pendidikan tidak dapat mengikut 100% seperti yang diharapkan. Walau bagaimanapun, ada dua pendapat dalam perbincangan ini. Satu pendapat ibu-ibu atau bapa-bapa yang inginkan anak-anaknya berjaya di dalam mendapat keputusan peperiksaan. Ada lagi satu golongan pula yang mengharapkan bahawa anak-anak mereka berterusan mendapat bimbingan di dalam pelajaran di sekolah seterusnya mereka memanggil *tutors* supaya anaknya memberi kefahaman yang lebih. Di antara dua ini, kita tidak dapat memisahkan di mana pentingnya.

Yang penting ialah kita inginkan anak-anak Malaysia bukan sahaja lulus di dalam peperiksaan, tetapi mereka menjadi rakyat yang matang. Rakyat yang matang iaitu, boleh memikirkan apakah yang baik dan apakah yang tidak baik dan apakah yang dikatakan cerdik dan apakah yang dikatakan kurang cerdik supaya pemahaman mereka dapat meluas supaya mereka dapat bersaing dengan pelajar-pelajar di luar

negara dan juga bila mereka dewasa besok, dapat mempertahankan negaranya sebagai rakyat yang tulen cintakan kepada negara ini.

Jadi pihak Yang Berhormat ingin supaya kefahaman dapat diberi setiap langkah yang kita adakan di kementerian, ini memang diusahakan dan dari peringkat ke peringkat memang kita memanggil guru-guru dan juga guru besar dan juga pengetua-pengetua supaya seminar-seminar menjurus kepada kebijaksanaan ini dapat dilaksanakan dengan tepat dan baik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masa bagi jawab lisan sudah cukup.

[Masa untuk pertanyaan bagi jawab Lisan telah cukup. Jawapan bagi pertanyaan No.10 hingga 45 adalah dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2001

Bacaan Kali Yang Kedua

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Amat Berhormat Tun.

11.06 pagi.

Menteri Kewangan [Tun Dato' Daim Zainuddin]: Bismilahir rahmanirrahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu rang undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2001 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu" dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, pada 27 Oktober 2000 saya telah membentangkan di Dewan Rakyat Belanjawan 2001. Pada pagi ini saya ingin membentangkan belanjawan yang sama di Dewan yang mulia ini. Belanjawan ini bukan sahaja yang pertama bagi abad ke-21 malah ianya merupakan titik permulaan bagi Rancangan Malaysia Kelapan dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga. Oleh itu belanjawan ini amat penting dalam menyediakan landasan kukuh bagi melaksanakan rancangan strategik ke arah mencapai Wawasan 2020.

Krisis kewangan telah menjejaskan usaha kita untuk memacu negara ke arah status negara maju. Alhamdulillah setelah tiga tahun krisis berlalu pertumbuhan ekonomi negara telah kembali melonjak kepada paras lebih tinggi daripada jangkaan asal. Kita telah dapat menggerakkan semula momentum pertumbuhan ekonomi dan kembali melaksanakan inisiatif strategik ke arah mencapai wawasan negara.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi ekonomi negara semakin mantap. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) terus kukuh pada kadar 7.7% dalam suku ketiga tahun 2000. Dengan ini kita telah mencapai pertumbuhan positif selama enam suku tahun berturut-turut. Pertumbuhan ekonomi dipengaruhi oleh kecergasan sektor perkilangan yang mencatat pengeluaran yang tinggi didorong oleh pertumbuhan industri dalam negeri dan yang berorientasikan pasaran eksport. Prestasi pelaburan dan penggunaan swasta turut meningkat dengan ketara.

Semasa saya membentangkan Belanjawan 2001 di Dewan Rakyat, KDNK keseluruhan untuk tahun ini dijangka berkembang pada kadar 7.5%. Bagaimana pun memandangkan purata pertumbuhan KDNK untuk tiga suku tahun ini melebihi 9% besar kemungkinan kadar pertumbuhan ekonomi keseluruhan akan melebihi jangkaan tersebut. Selaras dengan pertumbuhan KDNK yang mantap ini asas-asas ekonomi negara turut bertambah kukuh seperti mana pertunjuk-petunjuk berikut:

- (i) pasaran buruh terus stabil manakala inflasi kekal rendah pada kadar 1.5% dalam tempoh Januari hingga Oktober 2000 meskipun harga minyak mentah dan pengangkutan meningkat;
- (ii) pertumbuhan eksport terus kukuh pada kadar 19.6% dalam tempoh 10 bulan pertama tahun ini menghasilkan lebih dagangan berjumlah RM49.3 bilion. Pertumbuhan ini merupakan pertumbuhan dua digit bagi 19 bulan berturut-turut;
- (iii) penggunaan swasta terus mantap pada kadar 12.1% pada suku ketiga didorong oleh pendapatan boleh guna yang lebih tinggi, kadar faedah yang rendah dan prospek guna tenaga yang semakin cerah;
- (iv) jumlah pelaburan negara meningkat dengan pesat sebanyak 24.2% pada suku ketiga berikutan dengan dorongan fizikal dan

dasar kewangan yang menyokong pertumbuhan ekonomi dalam negeri;

- (v) pelaburan langsung asing (FDI) terus mencatat aliran meningkat. Aliran masuk FDI mengikut asas tunai dalam imbangan pembayaran bernilai RM13.2 bilion dalam tempoh 9 bulan pertama 2000 berbanding dengan RM11.4 bilion bagi tempoh yang sama bagi tahun 1999. Di samping itu nilai cadangan pelaburan asing yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) meningkat dengan ketara sebanyak 101% kepada RM15 bilion dalam tempoh Januari sehingga September 2000 berbanding dengan kemerosotan sebanyak 16.4% dalam tempoh yang sama tahun lepas;
- (vi) jumlah pembiayaan melalui pinjaman bank dan sekuriti hutang swasta terus meningkat sebanyak 54% pada akhir September;
- (vii) sistem perbankan kekal kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko meningkat kepada 13.1% manakala pinjaman tidak dibayar NPL kekal stabil pada 6.7% pada akhir September; dan
- (viii) hutang luar terus berkurangan kepada 51.7% daripada keluaran negara kasar KDNK sementara hutang jangka pendek hanya 12.4% daripada keseluruhan hutang luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, penstrukturan semula sektor perbankan dan korporat terus mencapai kemajuan. Pinjaman aktif Danaharta dalam aktiviti pengurusan pinjaman dan aset telah membolehkan penstrukturan semula atau pelupusan pinjaman dan aset berjumlah RM35.3 bilion dilaksanakan pada akhir September dengan kadar pungutan balik dengan izin, recovery rate mencapai 74%. Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) pula telah menerima 71 permohonan dengan jumlah hutang RM45.9 bilion. Menjelang akhir Oktober sejumlah 39 skim penyusunan semula melibatkan hutang RM25.9 bilion telah dapat diselesaikan dengan persetujuan kedua-dua pihak penghutang dan pemiutang.

Tuan Yang di-Pertua, di samping asas ekonomi yang semakin kukuh kesejahteraan rakyat juga bertambah baik. Pendapatan per kapita rakyat terus meningkat kepada RM12,883 lebih tinggi daripada tahap sebelum krisis ekonomi iaitu RM12,314. Dari segi *priority* kuasa beli dengan izin, *purchasing power parity* keupayaan perbelanjaan rakyat di negara ini turut meningkat kepada USD7,716. Kadar kemiskinan pula dijangka berkurangan daripada 7.6% dalam tahun 1998 kepada 6% pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, suasana ekonomi dunia sedang mengalami perubahan yang pesat. Negara berhadapan dengan cabaran-cabaran globalisasi, liberalisasi dan gelombang digital serta implikasinya terhadap daya saing negara. Dalam hal ini kita perlu beralih kepada ekonomi berasaskan pengetahuan atau k-ekonomi yang menggunakan sepenuhnya teknologi komunikasi dan maklumat dengan izin, *information and communication technology* (ICT). Justeru kita perlu bersiap sedia untuk merebut segala peluang yang terbentang luas di hadapan. Kita perlu mengubah paradigma agar kita lebih berkesan dan produktif bagi menghadapi segala cabaran yang mendatang. Dengan mengambil kira cabaran-cabaran di atas kerajaan perlu merangka strategi pembangunan ekonomi untuk membolehkan negara melonjak bagi mencapai taraf negara maju. Belanjawan 2001 ini menggariskan lima strategi utama seperti berikut:

- (i) mempergiatkan pertumbuhan ekonomi negara;
- (ii) mengenal pasti sektor pertumbuhan baru;
- (iii) meneruskan dasar rangsangan fiskal dan kewangan untuk mendukung pertumbuhan;
- (iv) memperkukuh lagi daya saing negara; dan
- (v) meningkatkan kualiti hidup rakyat .

Daripada lima strategi ini, saya mencadangkan tumpuan khusus kepada tiga teras utama iaitu:

- (i) merangsangkan pertumbuhan ekonomi negara;
- (ii) melaksanakan inisiatif strategik bagi mempertingkatkan daya saing negara; dan
- (iii) meneruskan agenda masyarakat penyayang.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah teras pertama belanjawan kerajaan akan memperhebatkan kegiatan beberapa sektor pertumbuhan baru yang akan mencorakkan ekonomi di abad ke-21. Ini termasuk usaha-usaha mengembangkan kegiatan dalam sektor ekonomi yang berteraskan k-ekonomi, menggalakkan kegiatan industri ICT serta memperluaskan potensi pertumbuhan baru di sektor pertanian terutamanya pengeluaran makanan dan sektor perkhidmatan yang meliputi industri pelancongan, telekomunikasi dan pengangkutan. Penekanan terhadap ICT ialah penting memandangkan implikasi berasaskan ICT adalah perlu untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing negara. Inisiatif ini bermula dengan pembangunan prasarana di Koridor Raya Multimedia (MSC). Untuk memastikan integrasi antara implikasi-implikasi perdana MSC dilaksanakan dengan cekap dan berkesan Multimedia Development Corporation (MDC) telah diberi tanggungjawab untuk membawa syarikat ICT bertaraf dunia yang akan menjadi daya tarikan kepada syarikat ICT yang lain di MSC. Selain daripada itu kerajaan akan meneruskan agenda pembangunan seimbang di antara Koridor Pantai Timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak Usaha-usaha ini akan disokong dengan pemberian insentif cukai dan bukan cukai selain menyediakan peruntukan bagi melaksanakan perancangan dan program pembangunan negara.

Teras kedua ialah untuk meningkatkan daya saing negara supaya dapat berdepan dengan pelbagai risiko dan ketidakpastian dalam suasana ekonomi dan perdagangan luar. Struktur ekonomi yang global telah berubah kepada sistem yang lebih kompleks, canggih dan lebih kompetitif. Oleh yang demikian, dalam belanjawan ini kerajaan memperkenalkan beberapa inisiatif strategik yang akan membawa negara ke arah pencapaian Wawasan 2020. Paling utama ialah belanjawan ini memberi suatu perspektif baru kepada konsep perkongsian strategik dan peranan FDI terutamanya dalam usaha mengukuhkan kedudukan negara dan rantaian nilai ekonomi pasaran antarabangsa. Sehubungan ini kita bersedia menerima penyertaan ekuiti dan pengurusan asing bukan sahaja dalam bidang pengeluaran tetapi juga dalam sektor-sektor strategik seperti ICT, tenaga, pelabuhan, lapangan terbang, kewangan dan kereta nasional. Kita juga mengambil inisiatif strategik untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran, pengedaran dengan izin, transshipment dan

aviation hub di rantau ini serta pembangunan pasaran modal dan memantapkan sistem kewangan.

Teras ketiga pula memberi tumpuan mereruskan agenda sosial. Ini melibatkan usaha-usaha untuk meningkatkan taraf kesihatan, membanteras gejala sosial negatif, membaiki taraf golongan yang berpendapatan rendah termasuk masyarakat Orang Asli dan mereka yang kurang bernasib baik. Usaha-usaha akan diteruskan untuk meningkatkan peranan badan sukarela. Langkah-langkah bagi memulihara alam sekitar akan turut diberi keutamaan. Kerajaan juga akan terus memastikan kemajuan dan kemakmuran negara-dapat dikongsi bersama oleh semua lapisan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, berlandaskan strategi belanjawan yang telah digariskan saya mencadangkan sejumlah RM91.5 bilion diperuntukkan bagi Belanjawan 2001 iaitu pertambahan sebanyak 16.7% berbanding dengan peruntukan asal tahun 2000. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM62.21 bilion atau 68.3% diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus sementara sebanyak RM28.84 bilion atau 31.7% diperuntukkan untuk perbelanjaan pembangunan. Dengan hasil kerajaan dianggarkan sebanyak RM69.6 bilion akaun semasa belanjawan akan mencatat lebih banyak RM89 bilion. Namun demikian setelah mengambil kira perbelanjaan pembangunan dan terimaan balik serta peruntukan luar jangka akaun keseluruhan kerajaan persekutuan dijangka mencatat deposit 4.9% daripada KDNK.

Sebanyak RM32.14 bilion daripada perbelanjaan mengurus peruntukan di bawah pemberian dan kenaan bayaran tetap antaranya ialah bayaran untuk khidmat hutang negara, badan pencen dan ganjaran serta sumbangan kepada kumpulan-kumpulan wang berkanun.

Sebanyak RM16.92 bilion adalah untuk emolumen, RM10.08 bilion untuk perkhidmatan dan bekalan, RM1.15 bilion untuk pembelian kelengkapan serta kemudahan pejabat dan RM1.93 bilion bagi perbelanjaan lain termasuk bayaran balik cukai.

Sebanyak RM10.94 bilion atau 37.9% disediakan bagi meneruskan agenda sosial manakala RM9.43 bilion atau 32.7% untuk sektor ekonomi, RM3.16 bilion atau

11% bagi sektor keselamatan dan RM3.32 bilion atau 11.5% untuk sektor pentadbiran am.

Sejajar dengan usaha-usaha untuk meningkatkan peranan sektor swasta bagi menggalakkan aktiviti dalam negeri sejumlah RM4.73 bilion diperuntukkan bagi pembangunan prasarana meliputi projek-projek pembinaan jalan raya dan jambatan, kereta api, pelabuhan dan penerbangan awam. Punca pertumbuhan ekonomi baru yang melibatkan sektor pertanian dan perkhidmatan termasuk pelancongan turut diberi perhatian. Sektor pertanian khususnya peruntukan sebanyak RM24 bilion untuk meningkatkan kegiatan perladangan dan juga pengeluaran makanan sejumlah RM534 juta bagi sektor pelancongan yang diharapkan dapat menjana pertumbuhan ekonomi dalam negeri dan juga pertukaran asing.

Kerajaan juga akan terus memberi penekanan terhadap penyediaan tenaga mahir supaya mampu berdepan dengan cabaran era kemajuan pesat dalam teknologi maklumat dan persediaan untuk beralih kepada ekonomi berasaskan pengetahuan. Bagi tahun ini peruntukan sejumlah RM1.2 bilion disediakan untuk membina 14 buah institut latihan perindustrian dan 4 pusat kemahiran teknologi tinggi. Pusat-pusat latihan ini yang dijangka siap dalam tahun 2001 akan dapat menampung seramai 17,000 pelatih setahun. Tabung pinjaman latihan kemahiran yang disediakan peruntukan sebanyak RM114 juta mampu membiayai 16,000 orang pelatih. Kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM18 bilion bagi pendidikan. Perbelanjaan ini melibatkan pembinaan sebanyak 287 buah sekolah rendah dan menengah sebagai memenuhi program persekolahan satu sesi. Di samping itu peruntukan ini juga adalah untuk membiayai pertambahan jawatan 11,624 orang guru dan kakitangan lain. kerajaan juga memperuntukkan sebanyak RM1.3 bilion untuk Tabung Pendidikan Tinggi Nasional bagi memberi pinjaman pendidikan kepada lebih daripada 125,000 orang pelajar diploma dan ijazah di IPTA dan institut pengajian tinggi swasta (IPTS).

Tuan Yang di-Pertua, perumahan merupakan kemudahan asas yang perlu disediakan kepada semua. Untuk menggalakkan lagi pembelian rumah, kerajaan dengan membenarkan pencarum KWSP untuk mengeluarkan caruman bagi membeli rumah kedua dengan syarat mereka menjual rumah pertama. Bagi menyediakan perumahan kos rendah, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah diberi

tanggungjawab menyelaras dan melaksanakan kesemua tabung perumahan kos rendah yang telah ditubuhkan serta menangani masalah projek perumahan terbengkalai. Sejumlah RM797 juta disediakan untuk membiayai pelbagai projek perumahan kos rendah termasuk pembinaan 37 ribu unit rumah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi menyelesaikan masalah setinggan.

Bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat di luar bandar, kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM3.08 bilion bagi melaksanakan projek-projek, bekalan elektrik, air dan jalan luar bandar di seluruh negara. Projek luar bandar ini akan memberi manfaat kepada lebih 200 ribu orang, manakala bekalan air be rsih pula 360 ribu. Pembinaan jalan raya di luar bandar sepanjang 4,992 kilometer pula akan memberi manfaat kepada seramai hampir satu juta penduduk.

Kesihatan penduduk luar bandar juga sentiasa diberi perhatian utama. Untuk itu, sejumlah RM1.74 bilion disediakan bagi meningkatkan taraf kemudahan dan perkhidmatan kesihatan dan membina klinik desa dan klinik kesihatan di luar bandar.

Di samping pendidikan pula, sebanyak 428 buah sekolah sebagai langkah merapatkan jurang digital antara bandar dan luar bandar, sebanyak 1,262 buah makmal komputer akan ditubuhkan.

Untuk memastikan rakyat Terengganu terus dibela, kerajaan telah bersetuju melaksanakan Program Pembiayaan Wang Ihsan Negeri Terengganu. Sebagai permulaan, sebanyak RM480 juta telah disediakan bagi melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bagi manfaat rakyat Terengganu, khususnya penduduk miskin di luar bandar. Daripada peruntukan tersebut, sebanyak RM130 juta disediakan di bawah Kementerian Pendidikan, antara lain sebanyak RM50 juta bagi Tabung Pendidikan Terengganu dan RM50 juta bagi membiayai pengurusan Kolej Agama Sultan Zainal Abidin, Terengganu Advanced Technology Institute dan sekolah-sekolah agama. Di bawah Skim Pembangunan Usahawan pula sebanyak RM150 juta diperuntukkan termasuk bagi pinjaman tanpa faedah di bawah TEKUN Terengganu. Sebanyak RM10 juta juga disediakan untuk Tabung Bencana Alam.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi negara di masa hadapan akan dijana melalui berasaskan pengetahuan di semua sektor. Oleh itu, kita perlu menggalakkan pelaburan di dalam ICT. Menyedari kepentingan dan peranan modal

teroka sebagai satu sumber alternatif pembiayaan modal, khususnya dalam ICT, sebuah tabung modal teroka berjumlah RM500 juta turut disediakan. Bagi memastikan tabung ini digunakan dengan sepenuhnya, kerajaan bersedia membenarkan pihak luar yang berkemampuan menguruskan secara *outsourcing*, dengan izin.

Untuk menyelaraskan pembangunan modal teroka, sebuah agensi baru akan ditubuhkan untuk bertindak sebagai, dengan izin, *one stop agency* bagi memastikan industri modal teroka dapat membangun dan berkembang secara lebih teratur dan berkesan. Bagi memajukan lagi industri modal teroka dan ICT kerajaan telah memperluaskan skop kerja penyelidikan di bawah, dengan izin, *Intensification of Research in Priority Areas (IRPA)* kepada syarikat-syarikat modal teroka yang berminat untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan (R&D) di MSC dan mana-mana tempat yang diluluskan oleh kerajaan. Usaha-usaha R&D meliputi juga kerja-kerja memperbaharui, meningkat dan menyesuaikan penemuan teknologi sedia ada.

Untuk meneruskan agenda pembangunan bumiputera, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM1.5 bilion kepada Kementerian Pembangunan Usahawan yang akan disalurkan kepada Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Kraftangan serta Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri. Tumpuan diberikan kepada program latihan dan pembangunan usahawan, pembinaan dan pembelian ruang niaga, pinjaman perniagaan, latihan kemahiran dan teknikal serta penajaan pelajar-pelajar dalam dan luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 2001 ini, kerajaan akan mengambil beberapa langkah pencukaian untuk merangsang kegiatan sektor swasta serta meningkatkan pelaburan dan mengurangkan kos kendalian perniagaan. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan boleh guna dan kuasa beli rakyat serta membantu kebajikan golongan orang kurang upaya. Pelbagai langkah percukaian diambil untuk menyediakan negara menghadapi peralihan kepada k-ekonomi.

Bagi tujuan menggalakkan rakyat Malaysia yang berkemahiran tinggi kembali berkhidmat di negara ini, beberapa langkah diperkenalkan seperti berikut:

- (i) pendapatan yang dibawa balik dalam tempoh dua tahun dikecualikan daripada cukai pendapatan;
- (ii) semua barangan persendirian yang dibawa balik, termasuk dua buah kereta diberi pengecualian cukai; dan
- (iii) isteri atau suami dan anak-anak yang bukan rakyat Malaysia diberi taraf pemastautin tetap dalam tempoh enam bulan.

Untuk mempertingkatkan perbelanjaan penggunaan swasta, kadar rebat pembayar cukai individu dinaikkan dari RM110 kepada RM350 mulai Tahun Taksiran 2001. Rebate bagi isteri juga dinaikkan daripada RM60 kepada RM350. Golongan pembayar cukai layak mendapat rebat dinaikkan daripada kumpulan pendapatan bercukai RM10 ribu kepada RM35 ribu ke bawah. Langkah ini akan meningkatkan pendapatan boleh guna RM1.23 juta pembayar cukai.

Seterusnya bagi menggalakkan penggunaan komputer, saya mencadangkan langkah-langkah berikut:

- (i) pembelian komputer baru oleh syarikat kepada pekerjanya yang kini dianggap sebagai manfaat berupa barangan, dengan izin, *benefit-in-kind* tidak dikenakan cukai pendapatan, sementara perbelanjaan syarikat itu pula dibenarkan sebagai potongan cukai;
- (ii) kakitangan kerajaan dibenarkan membuat pinjaman komputer setiap lima tahun sekali; dan
- (iii) sumbangan dalam bentuk tunai dan bukan tunai kepada program membudayakan ICT dibenarkan sebagai potongan cukai.

Untuk memastikan pelaburan swasta turut berkembang dengan pesat, termasuk di sektor strategik, kerajaan akan terus menawarkan pakej galakan istimewa bagi menarik pelaburan bermutu tinggi. Di samping itu, skim galakan pelaburan semula diperbaiki dengan memberi insentif elaun modal dipercepatkan bagi mendorong sektor swasta terus melabur semula dengan aktiviti yang digalakkan.

Bagi sektor pertanian, syarikat-syarikat yang menceburi bidang pengeluaran pemakanan diberi potongan cukai ke atas pendapatan berkanunnya bersamaan dengan

jumlah pelaburan. Sebagai pilihan, syarikat induk boleh menggunakan kerugian syarikat subs idinya itu ditolak dari pendapatannya sendiri. Di samping itu syarikat yang mengeluarkan bahan makanan pula, diberi pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya selama 10 tahun mulai tarikh dari tahun pertama ia membuat keuntungan.

Seterusnya, bagi menggalakkan syarikat menyediakan perkhidmatan dengan izin, *cold chain facilities* untuk meningkatkan kecekapan pengedaran bahan makanan, galakan Taraf Perintis diberi untuk tempoh lima tahun atau Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60%. Bagi insentif cukai di kawasan yang digalakkan yang akan tamat menjelang akhir tahun 2000, ianya akan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2005. Dengan demikian, projek-projek yang ditempatkan di koridor Pantai Timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak akan terus menikmati tahap pengecualian cukai lebih baik dalam usaha kerajaan mewujudkan pembangunan wilayah yang seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan mengurangkan kos kendalian perniagaan pula, kerajaan memperkenalkan langkah-langkah berikut:

- (i) syarikat perkilangan dan perkhidmatan yang digalakkan diberi pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas alat ganti dan bahan guna habis sehingga 31 Disember 2003;
- (ii) syarikat pengangkutan kontena atau *hauliers* diberi pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas *prime mover* dan *trailer*, dengan izin;
- (iii) syarikat perladangan diberi pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas jentera dan peralatan;
- (iv) syarikat yang memberi perkhidmatan bagi menjimatkan penggunaan tenaga diberi pengecualian cukai pendapatan di samping pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas mesin dan peralatan berkaitan;
- (v) perbelanjaan modal ke atas mesin dan peralatan yang digunakan oleh syarikat bagi tujuan menjimatkan penggunaan tenaga diberi Elaun Modal Dipercepatkan dan peralatan berkaitan diberi pengecualian duti import dan cukai jualan;

- (vi) perbelanjaan yang layak bagi elaun modal kenderaan baru dinaikkan daripada RM50 ribu kepada RM100 ribu dengan syarat harga kenderaan tidak melebihi RM150 ribu;
- (vii) perbelanjaan bagi mendapat sijil halal, sijil kualiti dan akreditasi diberi potongan sekali dalam pengiraan cukai pendapatan;
- (viii) perbelanjaan perkhidmatan reka bentuk pembungkusan produk bagi pasaran eksport diberi potongan dua kali dalam pengiraan cukai pendapatan;
- (ix) kadar tertinggi duti setem *ad-valorem* bagi dokumen pindah milik hartanah dikurangkan kepada 3%; dan
- (x) kadar duti setem spesifik untuk pelbagai dokumen diseragamkan kepada RM10.

Tuan Yang di-Pertua, dengan langkah-langkah percukaian ini, kos kendalian perniagaan dan kos pengeluaran sektor swasta dapat dikurangkan, sementara tahap kecekapan dan produktiviti dapat ditingkatkan. Dengan demikian, daya saing negara akan terus bertambah kukuh. Sehubungan itu, pengeluaran tempatan perlu beralih kepada menggunakan kaedah pengeluaran yang lebih cekap dan berteknologi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meneruskan agenda sosial masyarakat penyayang, kerajaan mencadangkan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) pengecualian duti eksais sebanyak 50 peratus ke atas kereta dan motosikal buatan nasional diberikan kepada golongan orang cacat anggota;
- (ii) pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas semua peralatan yang direka khas untuk kegunaan orang kurang upaya;
- (iii) kesemua bayaran rawatan perubatan di hospital kerajaan diberi pengecualian sepenuhnya kepada golongan orang kurang upaya; dan
- (iv) bayaran dokumen perjalanan kepada golongan orang kurang upaya diberi pengecualian sepenuhnya.

Bagi menggalakkan budaya membaca dan meningkat ilmu pengetahuan di kalangan rakyat pula, kerajaan memberi pelepasan cukai pendapatan sehingga RM500 setiap tahun untuk pembelian buku termasuk bukit teks sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sangat menghargai sokongan dan komitmen kakitangan perkhidmatan awam termasuk anggota keselamatan. Justeru kerajaan telah pun menaikkan gaji kakitangan awam dan memberi beberapa imbuhan termasuk kenaikan elaun perumahan bagi kakitangan kategori tertentu. Dalam belanjawan ini, jumlah pinjaman perumahan dan kenderaan ditingkatkan. Begitu juga kerajaan telah menaikkan beberapa jenis elaun bagi kakitangan awam termasuk polis, tentera, guru dan doktor.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan ini sesungguhnya merupakan belanjawan yang penting bagi membawa negara daripada wawasan strategik kepada pelaksanaan strategik untuk terus menjana pertumbuhan ekonomi serta menjamin kesejahteraan kepada semua rakyat. Ia juga bertujuan untuk menjurus negara ke arah ekonomi baru. Mari kita berusaha bersungguh-sungguh untuk mempersiapkan negara bagi menghadapi cabaran dan rintangan berikutan perkembangan globalisasi, liberalisasi dan gelombang digital. Pencapaian yang dinikmati selama ini adalah hasil daripada usaha kita yang berterusan demi memastikan negara terus maju dan sejahtera.

Usaha-usaha ini tidak akan tercapai tanpa sokongan semua pihak dan segenap lapisan masyarakat. Kestabilan politik dan sokongan padu rakyat amatlah penting untuk memastikan negara terus menikmati tahap kemajuan sosial dan ekonomi yang berterusan. Justeru itu, kita mesti membulat tekad untuk membina negara yang aman makmur dan maju ke arah mencapai Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2001 dan bagi memperuntukkan sejumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu

dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak.

11.33 pagi.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di sini bagi merakamkan setinggi-tinggi tahniah serta terima kasih di atas pembentangan Belanjawan Negara Tahun 2001 oleh Yang Berhormat Tun Daim yang telah dibentangkan di Dewan ini di pagi yang mulia ini. Saya menganggapnya sebagai satu belanjawan penyayang di mana daripada beberapa perkara yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Tun Daim, terdapat beberapa pelepasan cukai, bukan sahaja di kalangan individu tetapi juga masyarakat umum serta juga syarikat-syarikat yang beroperasi di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, prospek belanjawan tersebut yang begitu komprehensif yang padat serta jelas telah menampakkan kepada kita matlamat kerajaan mencapai Wawasan 2020 dengan pelaksanaan beberapa dasar fiskal dan kewangan pintar tanpa mengetepikan kepentingan dan kebajikan rakyat jelata terutama sekali mereka dari golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana. Walaupun demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai beberapa komen dan pandangan yang saya kira perlu diambil kira oleh pihak kerajaan dari sudut kaca mata kepentingan kaum pekerja dalam negara kita.

Berdasarkan kepada peruntukan belanjawan ini, adalah dijangkakan sekitar 1.4 juta pembayar cukai yang mana kebanyakannya adalah terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana akan menerima faedah dari beberapa pelepasan dan pengecualian cukai seperti rebat, cukai suami dan isteri, pekerja yang dinaikkan daripada RM110 kepada RM350 dan RM60 kepada RM350.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta maaf. Berhenti satu minit. Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(1), sekarang saya menjemput Yang Berhormat Datuk Long untuk mempengerusikan Majlis Mesyuarat.

[Datuk Long bin Jidin *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Long bin Jidin: Sila Yang Berhormat.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya mengucapkan tahniah kerana Tuan Yang di-Pertua telah dilantik untuk mempengerusikan mesyuarat sidang pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, pencen kakitangan awam. Anggota-anggota pasukan beruniform seperti tentera, bomba, polis dan unit pencegah penyeludupan turut menerima elaun yang lebih tinggi berdasarkan kepada pangkat dan kategori mereka manakala beberapa faedah yang lain ialah seperti pemberian elaun kepada pengetua sekolah rendah dan menengah di antara RM100 ke RM500 dan asas pencen kakitangan awam juga turut dinaikkan daripada RM180 kepada RM280 sebulan. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kadar pencen kakitangan awam ini, saya ingin mengimbas kembali dalam ucapan saya dalam Belanjawan tahun lepas dan pertanyaan saya dalam Dewan ini, saya telah mencadangkan bahawa minimum pencen kakitangan awam harus dinaikkan menjadikannya RM500 sebulan kerana Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita sedia maklum, jika sekiranya pencen walaupun kerajaan telah pun mencadangkannya RM250 namun demikian ia masih lagi jauh dari apa yang dicadangkan oleh Pergerakan Kesatuan Sekerja kerana seperti mana yang kita sedia maklum Tuan Yang di-Pertua, harga kehidupan, *cost of living*, dengan izin telah meningkat dari masa ke semasa. Sudah tentu dengan RM250 saya kira daripada segi untuk cukup berbelanja walaupun hanya di antara suami isteri saya kira masih lagi jauh tinggal ke belakang.

Walaupun demikian, saya mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana telah menaikkannya sebanyak RM100 saya berharap jumlah ini tidak tinggal RM250 untuk beberapa tahun akan datang, saya berharap kerajaan akan mengkaji dari masa ke semasa. Jika boleh kajian dibuat pada pembentangan Belanjawan pada tahun akan datang. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pulang kembali sistem pembayaran gaji guru, polis, angkatan tentera hendaklah diasingkan daripada skim penamatan perkhidmatan SSB. Golongan ini harus mempunyai satu sistem gaji yang berasingan kerana tugas mereka sangat penting iaitu untuk menjaga kepentingan mendidik dan juga keselamatan negara serta rakyat jelata contohnya seperti anggota angkatan tentera dan polis di negara kita.

Di samping pembayaran imbuhan dan kenaikan gaji, kerajaan harus mempertimbangkan untuk melanjutkan tempoh kontrak perkhidmatan mereka di kalangan angkatan tentera sekurang-kurangnya kepada 50 tahun bagi membolehkan mereka ini tidak berkhidmat sampai waktu 34 tahun masih lagi muda, telah saya menjelaskan pada tahun lepas dan saya berharap kerajaan akan dapat menimbang kerana 34 tahun masih lagi muda Tuan Yang di-Pertua waktu mereka meninggalkan perkhidmatan. Mereka kalau hendak bekerja pun dalam syarikat swasta, besar kemungkinan tidak ada peluang mereka bekerja. Kalau mereka diberi peluang, besar kemungkinan mereka hanya bekerja sebagai seorang jaga atau *security*, pegawai keselamatan sahaja tidak lebih dari itu dan berapakah pendapatan yang diterima oleh mereka.

Golongan inilah yang harus kita jaga Tuan Yang di-Pertua kerana mereka inilah yang telah memberi perkhidmatan kepada negara dan telah menjaga kita semua dan mereka inilah yang menjadi buah mulut kepada kita semua. Jika sekiranya kita menjaga mereka dengan baik dan memastikan kehidupan mereka berterusan dan kadar yang berpatutan saya percaya Tuan Yang di-Pertua, mereka akan menumpukan taat setia yang tidak berbelah bagi dan memberi sokongan terus kepada kerajaan untuk terus menjalankan perkhidmatannya demi untuk kepentingan negara kita.

Manakala guru pula adalah kalau golongan pendidik anak bangsa yang bertanggungjawab memberikan ilmu dan pengetahuan agar para pelajar mempunyai pelajaran dan kemahiran yang tinggi dan juga menjadikan mereka golongan profesional yang sangat diharapkan oleh kerajaan dan daripada gurulah mulanya anak-anak bangsa kita terdidik Tuan Yang di-Pertua.

Dari itu seperti mana yang kita dengar dalam Soalan Jawab Lisan pagi tadi bahawa terdapatnya beberapa masalah kita lihat berapa banyak guru yang waktu siang belajar, mengajar di sekolah, waktu malam mengadakan kelas-kelas tuisyen dan sebagainya semata-mata Tuan Yang di-Pertua untuk mencari, menambah pendapatan mereka dan kebanyakan mereka ini tidak mempunyai cukup pendapatan dan kita semua tahu mereka adalah guru kita. Saya juga mengetahui guru saya tetapi kadangkala kita membandingkan di antara gaji guru kita dengan gaji kita sekarang, gaji guru kita lebih jauh daripada gaji yang kita peroleh sekarang ini. Jadi itu sebab

mengapa saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, masih lagi saya meneruskan usaha ini pada tiap-tiap kali saya akan berucap hendak memastikan kerajaan menjaga kepentingan mereka. Jika sekiranya penyampaian dasar kerajaan dan sebagainya hendak disampaikan, gurulah yang paling penting. Sila.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bercakap masalah guru ini, saya ingin sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat kerana kita tahu bahawa agenda pembangunan perguruan di negara kita ini terutama sekali berkaitan dengan perkara-perkara hal ehwal *welfare* atau kebajikan, saraan dan gaji berbanding dengan negara-negara di kawasan ASEAN ini berkemungkinan kita merupakan satu kumpulan yang telah mendapat faedah ataupun tempat te rbaik kalau kita bandingkan di Indonesia dan kalau kita bandingkan di Filipina apatah lagi Thailand, Cambodia dan sebagainya. Kadang-kadang kita agak terlari sedikit daripada persoalan-persoalan perkhidmatan terutama sekali guru ini oleh kerana negara Malaysia meletakkan pendidikan merupakan asas pembangunan negara sebab itulah di dalam Budget kita beberapa tahun ini, lebih daripada sepuluh tahun saya mengikuti Budget kita, Belanjawan kita, kita telah meletakkan pendidikan sebagai satu daripada *core budget* ataupun perbelanjaan yang terbanyak.

Kita berkemungkinan sebagai sebuah negara yang ingin menjaga keselamatan umpamanya sebagai setengah-setengah negara seperti Amerika dan lain-lain meletakkan pertahanan sebagai asas *budget* mereka. Jadi dalam hal-hal begini, saya ingin penjelasan Yang Berhormat, apakah kedudukan guru-guru di negara kita masih di tahap yang tidak membanggakan para guru sendiri dan kita semua. Apakah kita melihat sistem saraan kita secara relevannya kepada keadaan semasa berbanding dengan profesion-profesion yang lain ataupun kita sudah mencapai satu tahap yang boleh dibanggakan kalau dikira kedudukan saraan yang diberikan kepada guru-guru kita, *welfare* dan sebagainya di negara kita ini berbanding dengan negara-negara ASEAN yang lain. Jadi saya ingin sedikit, walaupun cadangan Yang Berhormat dilihat agak baik untuk masa hadapan tetapi apakah *status quo* guru kita berbanding dengan guru-guru ataupun pendidik di negara ASEAN khususnya ataupun di peringkat antarabangsa amnya. Terima kasih di atas laluan.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Dari segi perbandingan jika hendak diambil kira daripada keadaan guru-guru di rantau negara-negara ASEAN kecuali Singapura, saya kira dari segi pendapatan dan sebagainya kita lebih baik daripada mereka. Namun demikian ini tidak semestinya kita tidak boleh memperbaiki nasib mereka menjadikannya kita yang terbaik di antara negara-negara ASEAN kerana seperti mana yang kita sedia maklum kerajaan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menjadikan negara kita ini sebagai pusat *excellent studies*. Jadi ke arah ini, kita ingin melihat bahawa tenaga pengajar adalah merupakan tenaga yang paling penting untuk menjayakan dasar kerajaan.

Dari segi pembayaran di antara gaji di antarabangsa memang. Saya mengetahui soal gaji guru-guru ini memang menjadi satu masalah di peringkat bukan sahaja negara kita tetapi juga di peringkat antarabangsa itu sendiri. Maka itulah sebabnya pertubuhan Kesatuan Sekerja Antarabangsa telah begitu gigih menekankan bahawa pendapatan, layanan, keistimewaan para guru-guru harus dipertingkatkan dari masa ke semasa kerana kata saya tadi, dari mereka inilah yang akan mendidik anak bangsa kita di masa akan datang. Kita seharusnya tidak mengabaikan kerja-kerja mereka dan saya yakin kerajaan memang sentiasa melihat sudut ini dan memastikan guru-guru mendapat pandangan di masa-masa akan datang. Saya menyatakan supaya gaji guru ini dikeluarkan kepada SSB kerana dalam SSB ini sepatutnya memang ada ciri-ciri yang kita anggap memang kita tidak bersetuju kerana beberapa perkara dan kenaikan pangkat dan sebagainya terletak kepada pengetua sekolah dan sebagainya.

Jadi dari sistem yang ada ini, ini tidak menggalakkan dan tidak memberikan satu manfaat kepada mereka. Saya berharap perkara ini akan dapat dipertimbangkan dari masa ke semasa dan juga bukan sahaja soal gaji, tempat tinggal terutama sekali mereka di pendalaman jauh dan sebagainya terdapat kadang kala mereka ini tidak mahu bertukar ke tempat pendalaman dan ini satu perkara yang membimbangkan kepada kita semua dalam usaha-usaha kerajaan untuk mempertingkatkan mutu sistem pelajaran dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu saya juga amat bersetuju dengan tuntutan kerja lebih masa yang telah dikemukakan oleh pasukan anggota polis. Seharusnya

kerajaan mengkaji tuntutan ini kerana mereka tidak semestinya bekerja lapan jam sehari. Kita lihat kadang kala waktu bulan puasa Tuan Yang di-Pertua, mereka ini berdiri cagak di mana juga tidak mengira masa telah sampai untuk berbuka puasa, mereka masih lagi bekerja. Jadi saya berharap kenapa tidak kita memikirkan untuk memberi pembayaran kerja lebih masa kepada mereka dan tuntutan mereka memang sewajarnya diberi seperti mana kerja. Dengan adanya tuntutan pembayaran kerja lebih masa ini, ini akan dapat menggalakkan anggota polis bekerja lebih berminat dan berdedikasi tidak menengok jam, bila sampai masa beliau meninggalkan tempat walaupun ada kesesakan lalu lintas. Saya pernah melihat sedemikian, kalau ada kerja lebih masa mereka akan tekun untuk menghabiskan kerja tersebut sehingga kesesakan lalu lintas, keselesaan orang awam dapat diatasi dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kerajaan akan dapat memikirkan perkara ini dan kalau boleh satu kajian dibuat oleh pihak kerajaan bagaimana caranya perkara ini dapat dilaksanakan bagi membolehkan pasukan anggota polis dapat menikmati pembayaran yang kita anggap kerja yang dilakukan oleh mereka dan sekali gus Tuan Yang di-Pertua, untuk meyakinkan kepada mereka untuk bekerja lebih tekun dan berkhidmat untuk kepentingan negara.

Tidak lupa juga saya ingin mencadangkan agar para anggota pasukan tentera dan polis diberikan latihan semasa bekerja agar mereka memperolehi kemahiran dan kepakaran tertentu, dan setelah mereka meninggalkan perkhidmatan tersebut mereka akan mudah mendapat kerja dan diterima oleh syarikat-syarikat swasta dan dalam negara kita. Di samping itu, mereka juga boleh membuka perniagaan ataupun perusahaan yang bersesuaian dengan kemahiran dan pengetahuan yang mereka perolehi.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya mereka ini diberikan latihan kemahiran, mereka bukan sahaja bila habis perkhidmatan akan bekerja dengan syarikat swasta malahan jika sekiranya mereka balik ke kampung mereka boleh membuat bekerja sendiri, sambilan. Ini salah satu daripada cabang mata pencarian yang akan diperolehi oleh mereka setelah mereka meninggalkan perkhidmatan. Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa dengan pengecualian cukai dan pemberian elaun seperti ini seperti mana yang telah diterangkan tadi pendapatan pekerja dan isi rumah

akan meningkat dan menambahkan kuasa pembelian mereka. Ini akan menggalakkan mereka berbelanja seterusnya merancang lagi pertumbuhan ekonomi negara kita.

Di samping itu, saya juga ingin mengingatkan kaum pekerja bahawa jika sekiranya pengecualian cukai ini telah diberi dan mereka diberi wang yang lebih sedikit, saya tahu walaupun demikian kebanyakan mereka ini walaupun cukai dibuat namun demikian cukup bulan saya kira sedikit sahaja yang baki kepada mereka dari segi penyimpanan kepada mereka. Saya ingin untuk mengingatkan kalangan kaum pekerja berjimat dan berhati-hati untuk berbelanja dan setelah kerajaan memberikan pelepasan cukai ini supaya mereka dapat menyimpan untuk masa tua mereka.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat belanjawan. Kesemua dasar di atas adalah selari dengan konsep belanjawan tersebut yang mana di antara lain menggariskan maklumat-maklumat seperti berikut seperti yang telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat tadi.

- menggalakkan perkembangan ekonomi negara;
- melaksanakan insentif strategi untuk meningkatkan daya saingan negara;
- memacu pembangunan negara ke arah mencapai status negara maju;
- meneruskan agenda masyarakat penyayang; dan
- berganding bahu bersama rakyat dalam persekitaran k-ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh soal pindaan Akta Cukai Pendapatan 1967. Dalam pada kita memperkatakan tentang faedah-faedah yang diperuntukkan di bawah belanjawan, saya ingin menarik perhatian Dewan terhadap cadangan pindaan ke atas Bahagian I Jadual VI Akta Cukai Pendapatan 1967. Setelah dibuat semakan yang mendalam dan teliti daripada pandangan saya dan penyelidikan yang saya lakukan, ini subject, dengan izin, kepada pembetulan yang akan dibuat oleh kementerian, saya ingin untuk membuat penjelasan bahawa cadangan pindaan tersebut hanya melibatkan pindaan ke atas Jadual VI Seksyen 13. Saya merasa gembira, Tuan Yang di-Pertua, kerana cadangan tersebut tidak melibatkan sebarang bentuk pindaan ke atas bayaran penamatan perkhidmatan,

bayaran penepian, pampasan dan faedah persaraan yang diterima oleh pekerja termasuk juga cukai-cukai yang dikenakan kepada *non-profit organization* seperti kesatuan sekerja, kesatuan majikan dan sebagainya.

Saya berharap Kementerian Kewangan akan dapat memberikan penjelasan kerana kebanyakan daripada rakan-rakan saya bertanyakan dan desas-desus menyatakan bahawa kesatuan sekerja dan kesatuan majikan iaitu *non-profit organization* akan dikenakan cukai oleh pihak kerajaan. Buat masa ini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa *non-profit organization* seperti kesatuan sekerja, kesatuan majikan dikecualikan daripada cukai. Saya berharap Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini akan kekal atau dengan izin, *status quo* dikekalkan dan dikecualikan kesatuan sekerja dan kesatuan majikan daripada dikenakan cukai-cukai yang harus dibayar oleh pertubuhan-pertubuhan demikian.

Begitu juga saya merasa gembira baru-baru ini setelah pandangan saya jelaskan, saya khuatir kerana banyak kesatuan sekerja bertanya kepada saya apakah cukai-cukai akan dikenakan seperti mana yang telah saya terangkan tadi terhadap pembayaran penamatan perkhidmatan, bayaran penepian pekerja, pampasan dan faedah persaraan dikenakan cukai. Saya telah dapat melihat kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan bahawa katanya cukai-cukai tidak dikenakan kepada pembayar-pembayar sedemikian. Saya berharap ianya akan diterangkan lebih jelas supaya *Hansard* ini dapat saya panjangkan kepada rakan-rakan saya yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, di samping isu Akta Cukai Pendapatan ini, saya juga ingin menyeru kepada kerajaan agar mempertimbangkan beberapa perkara lain seperti berikut yang telah tertinggal dan tidak diulas dalam belanjawan kerajaan:-

Pertama pembayaran bonus kepada kakitangan awam. Walaupun baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjelaskan kerajaan mungkin akan membayar bonus kepada kakitangan awam, saya khuatir perkataan 'mungkin', mungkin jadi atau mungkin tidak jadi. Itu yang saya khuatir, kakitangan awam banyak bertanya. Saya masuk pejabat di mana-mana mereka bertanya kepada saya, boleh dapat atau tidak boleh dapat. Saya pun hendak kata apa, saya bukan kerajaan, saya nyatakan tunggu dan lihat pada kenyataan Perdana Menteri yang telah dibuat. Pagi ini

kita telah bersama dengan Yang Amat Berhormat Tun Menteri Kewangan, saya berharap ia akan dapat dijelaskan, jika sekiranya boleh Tuan Yang di-Pertua, pembayaran bonus kakitangan awam ini harus dibayar semolek-moleknya sebelum Krismas atau sebelum Hari Raya Puasa menjelang.

Ada yang menyatakan bahawa kerajaan telah membayar gaji 10%. Saya ingat gaji 10% lain daripada bonus, Tuan Yang di-Pertua, bonus lain, gaji lain. Jadi keduanya berasingan, kebanyakan negara pembayaran gaji 12 bulan, 13 bulan *pay*, tidak termasuk bonus. Jadi saya berharap penyelesaian ini akan dapat dijelaskan dan saya ingin untuk memetik Tuan Yang di-Pertua, di negara lain umpamanya negara Jepun sendiri bahawa pembayaran bonus ini bukan dibayar kepada kakitangan awam sahaja, malahan pembayaran bonus juga dibayar kepada Menteri-menteri, Ahli-ahli Parlimen dan sebagainya. Besar kemungkinan rakan saya dalam Dewan ini must also include s Senator, jadi dengan izin saya ingat barangkali ini pun saya sokong jugalah kalau saya hendak dibayar.

Oleh kerana ini merupakan kalau kita ini senator, Tuan Yang di-Pertua, *we are part of the government servant*, the interpretasi yang sebenarnya *we are part of the government servant*, dengan izin. Jadi, once we are part of the government servants, we are also entitle to ask. Itu interpretasi saya. Besar kemungkinan ada orang menyatakan tidak tepat tetapi kalau kita gunakan kad Dewan Rakyat/Dewan Negara *authority card*, *we are part of the government servant*, jadi bermakna kita juga berhak dan kakitangan awam juga berhak untuk mendapatkan bonus.

Tetapi bonus ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menegaskan selain daripada apa yang saya jelaskan, bonus terutama sekali kepada mereka yang berpendapatan rendah, *the lower income group*. Merekalah yang sangat-sangat mengharapkan pembayaran, mereka inilah menunggu-nunggu bonus dapat dibuat, dapat dilakukan oleh kerajaan.

Saya yakin dengan apa yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan telah menyerahkan kepada Yang Berhormat Tun, Tun saya kira pun barang kali memang bersedia untuk menjelaskan perkara ini, pembayaran bonus kepada kakitangan awam terutama mereka yang berpendapatan rendah Saya yakin kerajaan prihatin kepada kakitangan awam yang berpendapatan

rendah dan jika sekiranya boleh pembayaran bonus ini dapat dilaksanakan sebelum hari Krismas ataupun sebelum Hari Raya Puasa.

Dengan adanya pembayaran bonus ini bukan bererti Tuan Yang di-Pertua, mereka menggunakan wang ini untuk perayaan. Pada konsep saya ialah soal yang paling penting kepada mereka kakitangan yang berpendapatan rendah untuk memastikan mereka mempunyai wang untuk membeli buku anak-anak sekolah menjelang tahun 2001 bila persekolahan bermula. Ini satu pertolongan yang akan diberi oleh kerajaan oleh kerana konsep ini telah berjalan beberapa tahun dan saya yakin konsep ini harus diteruskan oleh kerajaan untuk memberi pembayaran bonus.

Dalam masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat swasta, saya masih ingat Tuan Yang di-Pertua dalam belanjawan tahun lepas Yang Berhormat Tun telah mencadangkan juga kepada syarikat swasta turut serta memberi kenaikan gaji kepada kakitangan swasta. Tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, tidak banyak dapat kita lihat syarikat swasta membayar pembayaran gaji 10% seperti yang telah diusulkan oleh kerajaan, bukan secara paksa. Kebanyakan syarikat swasta hari ini Tuan Yang di-Pertua, membayar kenaikan gaji di antara 5% -7% kenaikan. Kadang kala kesatuan sekerja swasta berdepan dengan pihak syarikat yang tidak memberi pembayaran dan menolak tuntutan kesatuan dan terpaksa perkara ini dirujuk ke mahkamah. Bila sampai ke mahkamah akan memakan masa lebih daripada tiga tahun untuk mendapatkan keputusan.

Jadi, ini satu trend yang saya kira kurang sihat jika sekiranya kerajaan berusaha dan saya yakin kerajaan berusaha untuk mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negara kita. Dengan pemberian cukai yang telah diberikan oleh kerajaan kepada syarikat swasta negara ini untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dalam negara kita dan memberikan mereka satu ruang yang begitu luas untuk mereka berusaha, berniaga, meningkatkan ekonomi tetapi dari segi keuntungan, Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak juga melaburkan kepada pendapatan kaum pekerja. Mereka masih lagi enggan, tidak mahu memberikan kenaikan gaji yang sepatutnya dibayar kepada pekerja.

Jadi, saya tidak nampak mengapa syarikat-syarikat sedemikian berbuat demikian, sedangkan kerajaan telah memberikan banyak pelepasan cukai untuk

mereka. Reduce expenses, costing sudah berkurangan tetapi bila kita minta gaji katanya oh, kami sudah bayar gaji *part of* kita punya income, costing di antara 35% hingga 47%. Penilaian saya Tuan Yang di-Pertua pembayaran kos gaji syarikat swasta negara kita ini *average* kita boleh capai, kurang daripada 35% pendapatan syarikat. Sedangkan negara-negara lain luar negeri, Tuan Yang di-Pertua, bayaran gaji di antara 45% hingga 75% daripada pendapatan syarikat dilaburkan balik kepada pekerja. Dengan pelaburan ini syarikat akan dapat keuntungan kerana pekerja akan berkhidmat dengan gigih dan peningkatan aktiviti dan dengan secara sekali gus syarikat akan mencapai keuntungan yang lebih besar lagi.

Tetapi negara kita dengan pelepasan cukai yang diberikan oleh kerajaan banyak perkara, saya ingat kerajaan murah hati, kerajaan cukup bermurah hati kepada syarikat swasta dalam negara kita ini tetapi mereka tidak bermurah hati kepada kaum pekerja untuk memberikan gaji yang lumayan, gaji yang berpatutan untuk mereka. Saya berharap pihak syarikat swasta dalam negara ini mencontohi usaha kerajaan memberi gaji yang berpatutan, kenaikan dan berunding dengan kesatuan, mewujudkan perhubungan silaturahim yang lebih baik serta memberi pembayaran bonus kepada pekerja-pekerjanya. Saya tidak nafikan Tuan Yang di-Pertua, ada syarikat yang membayar bonus empat bulan bonus pun ada, tetapi kebanyakan purata syarikat masih lagi tidak yakin untuk membayar bonus kepada pekerja-pekerja.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, kita masih ingat kegawatan yang melanda dalam negara kita dua tahun yang lepas banyak pekerja gaji mereka telah dipotong di antara 10% hingga 30%. Saya telah jelaskan dalam sidang akhbar saya semalam dan ingin membangkitkan semula dalam Dewan ini, telah berkali-kali saya menjelaskan bahawa potongan yang telah dilakukan oleh pekerja ialah merupakan pengorbanan oleh pekerja demi untuk menyelamatkan negara, untuk memastikan kerajaan dapat memulihkan ekonomi negara kita ini dan pekerja tidak ditamatkan perkhidmatan, syarikat akan dapat beroperasi seterusnya dan memulihkan ekonomi, tetapi bila mana ekonomi telah pulih, syarikat mempunyai keuntungan, pengembalian potongan 10% hingga 30% ini tidak dikembalikan kepada pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, kami bukan minta bayar backdated (arrear), tunggakan kebelakangan, masukkan gaji pekerja sekarang atau mulai bulan Januari 2001, mengapa tidak dilakukan. Ini satu perkara yang boleh dilakukan oleh mereka semua.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua, ingin saya bangkitkan ialah soal pembinaan rumah kos rendah. Setelah meneliti belanjawan ini, saya mendapati bahawa Kementerian Kewangan tidak mencadangkan sebarang peruntukan ataupun mencadangkan isu berkenaan pembinaan rumah kos rendah untuk kemudahan rakyat terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah. Dalam pada itu, saya juga merasa hairan dengan beberapa kenyataan termasuk kenyataan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan katanya, harga siling rumah kos rendah di negara ini bermula di antara RM25,000 hingga RM45,000 mengikut kawasan atau zon. Dalam hal ini, kerajaan harus lebih telus dalam pelaksanaan dasar perumahan negara kerana orang ramai kadangkala confused, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kata kementerian ini RM25,000 hingga RM45,000, ada setengah mengatakan di antara RM45,000 hingga RM70,000, saya tidak tahu mana satu yang betul, mana satu yang jelas. Saya berharap kerajaan akan mengeluarkan satu kenyataan jelas dan terang di mana rakyat jelata, kalangan mereka yang berpendapatan rendah mengetahui sebenarnya apakah kos sebenar rumah rendah atau kos sederhana, ini harus dipastikan supaya rakyat memahami sebenarnya dari segi harga rumah yang ditentukan.

Kita tahu, saya pernah berbincang dengan housing developers, beberapa kalangan dari mereka, saya bertanya mengapa harga rumah itu mahal. Kata mereka, soal tanah. Satu perkara yang tidak dapat dielakkan, kos tanah yang begitu tinggi. Dan kalau sekiranya benar, kos tanah yang begitu tinggi, demi untuk membangunkan rumah kos rendah dan kadangkala kos sederhana (medium cost), banglo dan sebagainya, di kalangan mereka dikenakan begitu tinggi dan syarikat masih lagi mempunyai keuntungan yang besar, katanya sebab kerana kos ini tinggi kerana hendak menampung kos rendah, saya tidak yakin kenyataan mereka, I won't believe, dengan izin, I am not convinced, dengan perkataan lain, dengan izin, saya tidak convinced dengan kenyataan-kenyataan ini, saya fikir ada udang di sebalik batu.

Kita tidak nafikan memang mereka ini mencari keuntungan yang lebih. Dari keadaan ini, maka rakyat berasa kurang senang dan sebaliknya pula apa yang dilakukan oleh mereka, bebannya akan dipikul oleh kerajaan. Kerajaan dipersalahkan atas sikap sesetengah housing developer ini, kerajaan dipersalahkan, oleh kerana sikap mereka.

Jadi, saya berharaplah kerajaan akan dapat menggariskan sebenarnya apakah kos rumah, berapakah kos rumah, jumlahnya dan kos sederhana berapa jumlahnya dan sebagainya dan jika sekiranya boleh, kalau benar apa yang dinyatakan housing developers, harga tanah begitu tinggi dan kerajaan harus mengkajinya semula harga tanah ini supaya membolehkan housing developers, pemaju perumahan mendirikan rumah-rumah kos rendah yang boleh dimiliki oleh kaum pekerja di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambil menyatakan perkara ini, saya tahu, saya pernah bercerita dan berbincang dengan Yang Berhormat Tun, lahwa katanya kos rumah rendah ini harus mempunyai tiga bilik tidur, dua bilik air, ruang tamu dan sebagainya, itu satu dasar yang begitu baik, saya menyanjung tinggi usaha kerajaan, sememangnya harus diadakan facilities, kemudahan sedemikian, tidak seperti mana di masa-masa yang lepas di rumah pangsa dengan satu bilik dan satu bilik air dan tempat dapur, di sanalah anak, di sanalah suami, di sanalah anak perempuan, di sanalah anak lelaki tidur di dalam satu bilik dan sebagainya dan dasar yang telah dibuat oleh kerajaan untuk memastikan tiga bilik tidur, dua bilik air dan dapur adalah satu dasar yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya selain daripada memastikan pemaju perumahan mendirikan dua bilik air, tiga bilik tidur, ruang tamu, bilik masak dan sebagainya, soal pembayaran balik perumahan tersebut.

Ada dua perkara yang hendak saya terangkan. Semasa saya pergi ke luar negeri seperti Jepun, saya pernah terangkan dalam Dewan yang mulia ini, di negara Jepun, pembayaran balik rumah-rumah murah ini begitu murah sekali, demi kerajaan hendak menolong hendak memastikan mereka yang berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri, keselesaan dari keluarga dan anak mereka untuk belajar dan sebagainya, pembayaran balik begitu panjang, satu jangka yang begitu panjang. Ianya, kalau sekiranya bapa tersebut tidak dapat menghabiskan pembayaran

instalment rumah tersebut, ianya akan dipindahkan secara automatik hak milik tersebut kepada anak dan anaknya tidak dapat membayar balik, dipindahkan semula kepada cucunya yang akan datang, by-generation, kerajaan atau pemaju perumahan ataupun bank tidak menarik semula rumah-rumah tersebut dari mereka yang berkenaan. Ini satu besar kemungkinan boleh ditimbang oleh kerajaan, satu dasar yang boleh diambil kira untuk dilaksanakan dalam negara ini.

Saya juga telah diberitahu, ini juga saya hendak jelaskan dan kerajaan harus menjelaskan dengan terang dasar ini iaitu saya telah diberitahu kerajaan bercadang untuk melaksanakan skim sewa beli, seperti mana di negara Britain ataupun UK dibuat sewa dan beli. Sewa dahulu dan kira berapa banyak habis, lepas itu rumah ini akan dipunyai oleh hak milik. Ini kedua-duanya boleh dipertimbangkan tetapi yang penting, memastikan bahawa ianya harus disebar, diterangkan secara umum sebagai satu dasar, one dasar tidak completing di antara satu kementerian dengan satu kementerian yang lain, sebagai satu dasar perumahan negara dan ini akan menjelaskan lebih terang dan difahami oleh rakyat jelata, apakah dasar yang dibuat oleh kerajaan untuk menangani soal isu rumah. Dengan adanya keadaan yang sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, kita akan dapat melihat bahawa tidak wujudnya rumah-rumah setinggan dalam bandar-bandar dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, bila mana kita bercakap soal rumah setinggan, saya yakin sebagai seorang pekerja, saya selalu berdamping dengan mereka, mereka ini bukan suka untuk tinggal di rumah setinggan, tidak ada siapa juga yang ingin tinggal di rumah setinggan, kecuali sesetengah opportunist besar kemungkinan mendirikan rumah setinggan tetapi rumah sendiri ada disewakan dan rumah setinggan tersebut dengan adanya Mercedes, kereta besar dan sebagainya, semata-mata untuk mencari pendapatan. Ini can elemented dari segi dasar kerajaan, housing registration, check point dan sebagainya, kalau mereka ini telah ada rumah dan didaftarkan mereka tidak diberikan rumah kos rendah yang didirikan oleh kerajaan, this can be check melalui dasar yang ada oleh kerajaan.

Dengan adanya rumah sedemikian, rumah yang didirikan kos yang murah, pembayaran balik dalam jangka panjang dan sebagainya, ini kita akan dapat menyedarkan dari masyarakat pemuda-pemudi terjebak dalam keadaan yang tidak

diingini kerana kita tahu penyakit dadah telah bertambah dari masa ke semasa di kalangan muda-mudi, bukan berkurangan.

Walaupun wujudnya beberapa pusat serenti, namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, ini tidak dapat mengurangkan kalangan muda-mudi terjerumus dalam gejala yang kurang sihat, yang merugikan negara kita di masa yang akan datang. Ini satu perkara yang harus diambil perbandingan dari keseluruhannya, diambil ingatan oleh kerajaan dalam mewujudkan satu dasar yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga, soal isu umur bersara kakitangan awam. Perkara ini telah lama kita bincangkan dan telah saya bawa dalam Dewan ini, di luar Dewan berkali-kali tetapi masih lagi kerajaan belum lagi mengisytiharkan umur bersara seperti mana yang dicadangkan.

Saya ingin hendak mendapat tahu dari kerajaan bilakah dasar umur bersara ini hendak diisytihar oleh kerajaan, lanjutan umur bersara, banyak kakitangan awam bertanya-tanya kepada saya, kepada kesatuan sekerja, bilakah umur bersara kakitangan awam ini hendak dilanjutkan. Kepada saya perkara ini adalah satu perkara yang penting, yang harus difikirkan kerana kita tidak ingin melihat kakitangan awam yang terutama sekali dari kalangan supporting groups, bahagian sokongan, waktu mereka berumur 54 tahun bersara mereka masih lagi muda dan mempunyai anak yang banyak, masih lagi bersekolah, hutang rumah belum dijelaskan, saya tidak menyebut hutang kereta dan sebagainya, hutang rumah belum dijelaskan dan anak masih lagi bersekolah dan kemampuan mereka tidak ada untuk meneruskan hidup dan mereka kadangkala terpaksa bekerja buruh kasar dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, umur bersara patutlah menjadi satu perkara yang penting harus dikaji. Jika sekiranya dapat kerajaan melaksanakan lanjutan umur bersara ini, saya kira banyak kakitangan awam yang merasa gembira atas prihatinnya kerajaan terhadap nasib mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita semua sedia maklum, kaji hayat yang telah dibuat oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia negara kita telah meningkat iaitu 69 tahun bagi lelaki, 75 tahun bagi wanita. Dan umur bersara 54 tahun adalah masih jauh daripada kajian hayat yang dilakukan malahan umur bersara yang ada sekarang ini adalah dasar bekas saki baki penjajah.

Saya berasa gembira, bangga kerana semua nama penjajah setelah kita merdeka telah dihapuskan, it is nothing left English spend sama ada nama jalan, bangunan, port dan sebagainya, semua telah ditukar kepada nama negara kita, nama yang kita anggap dan kita rasakan begitu bangga kerana kita mempunyai nama kita sendiri. Tetapi saya merasa hairan mengapa umur bersara ini masih lagi kekal sedangkan di negara jiran di Singapura bercadang untuk menaikkan menjadikan 62 tahun daripada 60 tahun, negara Jepun di antara 60 tahun hingga 65 tahun, di negara-negara maju di Eropah di antara 60 tahun hingga 65 tahun, sedangkan saya kira judges, hakim-hakim dalam negara kita ini, umur bersara mereka adalah 65 tahun. They are part of civil servant, dengan izin. Mereka adalah sebahagian dari kakitangan awam, mengapa ada duanya kategori dalam usaha ini. Mengapa tidak kerajaan memikirkan melanjutkan dan mengisytiharkan, mengumumkan umur bersara kakitangan awam ini dilanjutkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pengumuman ini kelak, maka kakitangan swasta juga akan mempunyai nikmat yang sama kerana mereka juga akan dilanjutkan umur bersara mereka kerana kerajaan adalah majikan yang terbesar, the biggest employers, kalau kerajaan mengisytiharkan lanjutan umur bersara jadi 60 tahun dan swasta juga akan melanjutkan umur bersara para pekerja kakitangan swasta kepada 60 tahun, ini merupakan inter relate di antara satu sama lain. Apa yang dilakukan oleh kerajaan dan ianya akan juga dilakukan oleh syarikat swasta.

Tuan Yang di-Pertua, kita memikirkan rakyat negara kita. Rakyat negara kita, rakyat yang bekerja di negara kita, ini yang paling penting sekali, dan masa depan mereka untuk meneruskan hidup menyara keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang hendak saya terangkan ialah soal isu – perkara ini memang saya tidak lupa dan saya akan terus bercakap, soal Skim Penamatan Perkhidmatan, jaring keselamatan. Di mana saya tahu Majlis Tindakan Ekonomi Negara – saya berterima kasih kepada Tun yang telah berusaha bersama-sama saya dan juga Kabinet telah meluluskan Skim Penamatan Perkhidmatan ini. Pada asalnya, pergerakan skim dicadangkan RM1 majikan, RM1 pekerja. Tetapi, malangnya ditolak oleh majikan.

Dan, pada perayaan Hari Pekerja pada 29 Julai tahun ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mencadangkan, katanya kalau majikan tidak bersetuju RM1, katanya RM1 terlalu sangat mahal, saya tidak tahu bagaimana lokeknya majikan, saya pun tidak tahu, RM1 begitu besar kepada mereka, kata orang, macam roda kereta lembu besarnya, saya pun tidak tahu. Perdana Menteri mencadangkan kenapa tidak 50 sen, 50 sen majikan, 50 sen pekerja. Oleh kerana Perdana Menteri mencadangkan, saya pun bersetuju, saya kata okeylah, 50 sen, 50 senlah tidak apa, asalkan konsep ini dapat dilaksanakan.

Dan, setelah pengisytiharan ini dibuat dan Perdana Menteri sendiri telah meminta majikan menimbangkannya, namun demikian majikan masih lagi berdolak-dalih, beberapa perundingan tiga penjurur, majikan, persatuan sekerja dan kementerian, pihak majikan masih lagi menolak. Dengan alasan katanya, dia sudah bayar KWSP, sudah bayar PERKESO, sudah bayar ini, sudah bayar gaji, sudah bayar ini, semua dia cakap sudah bayar, kenapa mesti mahu bayar lagi. Kenapa katanya, kalau syarikat jatuh muflis, golong tikar bantal, kenapa syarikat lain hendak bayar. Kata kami semua, begitu juga SOCSO, PERKESO. PERKESO semua pekerja kena bayar, semua majikan kena bayar, tetapi tidak semua pekerja yang menerima kemalangan, tidak semua orang menerima bencana kemalangan semasa kerja ataupun balik kerja ataupun pergi kerja.

Kenapa hendak pertikaikan soal ini. Tidak semua yang mendapat faedah, jadi, masih lagi mereka berdolak-dalih, tidak mahu menerimanya. Saya sudah puas bercerita, sudah puas bercakap dan rakan-rakan saya sudah puas bersabar, kita sudah bersabar, dalam kegawatan dahulu kita berkorban tidak ada mogok, tidak ada apa, kita berkorban untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara dapat dipulihkan dengan segera. Tetapi majikan ini tidak menyanjung usaha-usaha yang telah kita lakukan.

Jadi, saya mencadangkanlah kepada kerajaan, oleh kerana syarikat-syarikat di negara kita ini tidak mahu menerima hakikat sebenarnya dan perkara ini telah berlarutan, saya takut pula bertahun-tahun perkara ini berlaku, saya harap ianya tidak akan wujud negara kita ketika kegawatan nanti, kalaulah berlaku kita telah mempunyai persediaan. Kita harus bersedia dari sekarang. Jadi, saya mencadangkan kepada kerajaan, soal berunding dengan syarikat ini saya tengok sudah menemui jalan

buntu. Kalau dalam *negotiation*, perundingan bersama Tuan Yang di-Pertua, barangkali pekerja walk-out daripada *negotiation*, sudah keluar sudah. Sama ada dia buat *picket* selepas masa kerja.

Jadi, saya mencadangkan, supaya kerajaan mengambil inisiatif pinda undang-undang dan bentang dalam dua-dua dewan ini, laksanakan. Saya ingat barangkali, telah laksana, majikan akan bersetuju. Majikan ini sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, memangnya susah hendak mendapatkan persetujuan mereka. Tetapi kalau sudah jadi undang-undang, saya ingat barangkali secara automatik mereka akan bersetuju. Begitu juga dengan SOCSO dahulu, pelbagai karenah pada suatu ketika, mereka juga tidak mahu menyumbang dan hendak menaikkan siling gaji pekerja, mereka juga menolak tetapi apabila sudah menjadi undang-undang, mereka tur ut. Jadi, pengalaman yang masa lepas membolehkan kita membuat sesuatu yang boleh memberi kebaikan kepada keseluruhan rakyat, keseluruhan kaum pekerja dalam negara kita.

Dalam masa yang sama, saya pernah bertanya dalam Dewan ini, dua, tiga hari yang lepas, dalam soal jawab iaitu pindaan kepada seksyen 292(1) Akta Syarikat dan jawapan telah diberikan oleh Setiausaha Parlimen dan saya memohon supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri meminda akta ini bagi membolehkan sesebuah syarikat yang jatuh mufliis, yang gulung tikar bantal, yang meninggalkan negara kita ini, segala aset, harta yang dilelong dijual dan pembayaran pampasan pekerja di anggap sebagai *secure creditors*, dengan izin. Dengan ini sahajalah maka pekerja akan dapat pembayaran.

Dalam keadaan seperti sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, tanpa pindaan seksyen 292(1) Akta Syarikat, segala apa juga pembayaran pampasan para pekerja kecuali gaji KWSP dan SOCSO pemampasan pekerja, perkhidmatan dan sebagainya tidak dianggap sebagai *secure creditors*, sebaliknya dianggap *unsecured creditors*. Jadi, sepertimana yang berlaku di Pulau Pinang 2,400 pekerja ditamatkan, Jabatan Buruh jatuh hukum syarikat mesti bayar RM10.4 juta tetapi hanya tinggal seba gai kertas sahaja. Tidak ada makna kepada pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon supaya kerajaan mengambil tindakan yang serius apa yang telah saya jelaskan ini kerana dari sinilah kita akan dapat

mengatasi kerumitan kadangkala rungutan di kalangan pekerja. Dan, cerita di sana-sini dan sebagainya sama ada di dalam teksi, bas stand, tempat kerja dan sebagainya dapat dikurangkan. Saya tidak yakin bahawa semuanya akan dapat dihapuskan, mulut tempayan boleh ditutup, mulut orang memang tidak boleh ditutup, tetapi kita akan dapat mengurangkan cakap-cakap ini daripada merebak dan sebagainya. Yang mana sedikit sebanyak akan menggugat kredibiliti kerajaan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, soal yang kelima ialah soal gaji minimum. Gaji minimum adalah merupakan satu perkara yang penting. Pagi tadi, saya bersama-sama dengan Dr. Latif, Timbalan Menteri Sumber Manusia, wawancara dalam TV1 pagi tadi. Ada satu panggilan daripada Kuantan, Pahang, seorang wanita bertanya kepada saya, bilakah gaji minimum ini hendak dilaksanakan. Katanya, suaminya bekerja sebagai pemungut sampah, Alam Flora, gajinya kurang daripada RM500, suami saya kerja, katanya, pungut sampah, pungut barang-barang buruk, masuk dalam kereta pemungut sampah, gaji hanya kurang RM500. Jadi, walaupun suami saya bukan seorang yang terpelajar tetapi takkanlah setakat itu, kurang RM500 untuk menanggung satu keluarga.

Ini satu suara, Tuan Yang di-Pertua, banyak suara lain lagi, kalau kita hendak buat satu research, penyelidikan, pertanyaan, saya ingat barangkali keseluruhannya akan menyatakan bahawa pendapatan yang diterima oleh mereka adalah tidak begitu memuaskan. Mengikut kajian paras pendapatan kemiskinan dalam negara ini adalah RM464 sebulan. Itu kajian yang telah dibuat tiga, empat tahun yang lepas, masa telah berubah. MTUC telah mencadangkan supaya gaji minimum dinaikkan. Kalau dahulu orang mengatakan gaji RM1,200 terlalu sangat tinggi, kami dengan suka hati menurunkan menjadikan RM900 berasaskan kepada perbelanjaan makanan, perumahan, kenderaan, perubatan, anak-anak sekolah. Ini semua basic, Tuan Yang di-Pertua.

Dan, kalau dalam satu keluarga kalau lima orang, seorang isteri, seorang suami, tiga anak, dua sekolah, satu tidak sekolah, kalau hendak dikirakan pada keseluruhannya, RM900 pun tidak cukup. Paling kurang RM1,400. Maka itulah sebabnya keadaan hari ini, kita lihat kebanyakan pekerja terpaksa bekerja dua kerja, ada yang buat tiga kerja pun ada. Selepas waktu kerja, buat kerja sambilan semata-

mata untuk menambah pendapatan mereka. Apakah kita setelah mencapai kemerdekaan dan usaha kita untuk meningkatkan sara hidup, kita masih lagi tidak memikirkan ini. Saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam perjumpaan kita dengan beliau pada 28 Jun yang lepas beliau telah menjelaskan bahawa kerajaan bersetuju pada dasarnya untuk mewujudkan gaji minimum dalam negara kita ini.

Cuma soalnya ialah *quantum*, berapakah jumlahnya. Dan, jumlah ini yang tidak diterima oleh pihak majikan. Majikan masih lagi beranggapan, penetapan gaji harus dipulangkan kepada *market forces to decide*. Dia kata, *leave it market forces to decide*. Inilah perkataan yang saya dengar hampir tiga dekad, saya dengar percakapan majikan *leave it market forces to decide, leave it market forces to decide. Everytime* kita minta, kadang *leave it market forces to decide*, saya bertanya kepada majikan, adakah kita ini barang dagangan, *leave it market forces to decide* seperti harga ayam, ikan, sayur. Hujan lain harga, panas lain harga, ribut lain harga, adakah kita ini *market forces*, adakah kita barang dagangan?

Jadi, sudah sampainya sebagai sebuah negara yang hendak menuju ke negara maju, *newly industrial country*, dengan izin. Kita harus memperkenalkan satu penetapan gaji minimum untuk kita semua dan untuk rakyat dalam negara kita. Dan, inilah sebahagian daripada dasar kita, dasar masyarakat penyayang bukan sahaja pelepasan cukai dan juga perkara-perkara lain yang saya sanjung tinggi tetapi juga memperkenalkan satu undang-undang gaji minimum dan penetapan gaji minimum adalah merupakan satu perkara yang penting. Satu perkara yang penting yang berlandaskan kepada usaha kerajaan, usaha negara kita untuk mewujudkan masyarakat penyayang, kita sayang pada mereka. Jadi, maknanya kalau kita sayang pada mereka, kita harus prihatin kepada pendapatan mereka. Dan, demi untuk mewujudkan mereka ini terus berdedikasi, berkhidmat untuk kepentingan syarikat dan negara, mereka harus juga diberikan kesempatan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara gaji minimum ini saya akan terus mencadangkan dan terus kita akan berunding dan pada masa yang sama saya juga sepertimana skim penamatan perkhidmatan jika sekiranya syarikat gagal berbuat

demikian, saya juga mencadangkan supaya kerajaan membuat perundangan atas gaji minimum ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara enam, soal Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Itu soal isu Tuan Yang di-Pertua. Satu perkara iaitu Skim Anuiti yang telah dijalankan, telah menjadi satu perbincangan yang hangat dalam kalangan pergerakan persatuan sekerja.

Jadi, sepertimana yang diketahui umum, KWSP telah melaksanakan Skim Anuiti ini kepada ahli-ahlinya melalui lapan buah syarikat insurans yang dilantik oleh KWSP. Berdasarkan pengalaman kami, skim tersebut mempunyai banyak kelemahan-kelemahan. Di antaranya, premium yang tinggi tetapi pulangan yang rendah, suami isteri penerima kepada skim tersebut tidak mendapat dan menerima pencen seumur hidup seperti mana pencen yang biasa kerana pembayaran pencen tersebut dihadkan kepada si penerima hanya 10 tahun. Jika seorang suami meninggal dunia setelah bersara 55 tahun, 60 tahun dia meninggal dunia, isterinya dapat cuma 5 tahun baki 10 tahun, ini yang menjadi masalah. Jadi itulah menyebabkan pekerja merasa kurang yakin. Tambahan pula, Tuan Yang di-Pertua, ini telah disuarakan oleh lapan buah syarikat insurans ini. Yang menjadi masalah ialah syarikat insurans ini membuat propaganda yang begitu agresif.

Satu, menggunakan ejen-ejen mereka turun ke bawah dengan menawarkan insentif-insentif kepada pemimpin Kesatuan Sekerja katanya, “kalau kamu *endorse* skim ini, kami akan beri kamu lawatan luar negeri, dapat ini, berapa hari dan sebagainya”.

Kedua, kadangkala mereka paksa pekerja masuk dan menyatakan boleh dapat itu, boleh dapat ini tetapi skim tersebut tidak membekalkan apa yang dinyatakan oleh ejen insurans dan persatuan insurans pula menyatakan katanya, dengan jumlah 9.3 milion pencarum, mereka akan dapat mengumpulkan RM9 bilion. Bila orang tengok RM9 bilion begitu besar, berapa keuntungan jika insurans ini melabur dalam pelaburan mereka, keuntungan balik begitu besar sedangkan pulangan balik kepada pekerja begitu kurang sekali jika dibandingkan dengan KWSP yang bayar 6% sekarang ini - dividen pada tiap-tiap tahun - 6%, dibayar tiap-tiap tahun. Jadi pekerja

buat kiraan, kalau mereka bersara mereka dapat lebih dari apa yang dibayar oleh syarikat insurans yang berkenaan.

Jadi, saya mencadangkan perkara ini dikaji dan saya telah mencadangkan dalam Lembaga Pengarah, saya sendiri di Lembaga Pengarah KWSP bahawa skim ini kalau boleh dijalankan *in-house* seperti mana soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy tempoh hari bahawa kalau boleh pihak kerajaan mengkaji supaya skim ini dijalankan *in-house* dan bukannya dijalankan oleh insurans yang berkenaan. Jadi, ini akan dapat membolehkan pulangan balik yang terjamin dan juga penyimpan KWSP akan merasa lega bahawa wang mereka tidak dilaburkan dan memberi keuntungan kepada insurance company yang tidak ada kena-mengena dengan pencarum itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, soal kedua ialah hilang upaya dan kematian di mana kami telah diberitahu bahawa jumlah pembayaran daripada pembayaran yang ada sekarang daripada RM1,000 hingga RM30,000 telah meningkat dari masa ke semasa dan pembayaran ini diambil dari keuntungan yang diperolehi oleh KWSP dan keuntungan ini juga dibayar untuk dividen yang diisytiharkan kepada tiap-tiap tahun dan ini dapat banyak bantahan daripada kalangan pekerja dan saya telah diberikan tugas untuk mengemukakan cadangan kepada kerajaan supaya skim ini dikekalkan seperti lama. Walaupun pindaan kepada Akta ini telah dibuat, saya kira kerajaan boleh mengkajinya semula demi untuk kepentingan pencarum-pencarum KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, soal ketujuh ialah Pertubuhan Keselamatan Sosial. Selanjutnya saya ingin menyentuh beberapa isu bersabit dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (SOCSO) yang mana kita semua maklum bahawa secara umum SOCSO ditubuhkan bagi tujuan berikut:

- (i) menyediakan perlindungan insurans dan bayaran perkhidmatan kepada pekerja akibat kehilangan keupayaan bekerja seperti kemalangan di tempat kerja dan kemalangan semasa dalam perjalanan pergi dan balik dari tempat kerja; dan

- (ii) menyediakan bayaran pencen kepada pekerja-pekerja yang bersara atas sebab-sebab kesihatan dan hilang upaya dan sebagainya.

Kesemua bentuk-bentuk bayaran ini mampu disediakan oleh PERKESO berasaskan kepada dana yang terkumpul dari caruman kepada ahlinya iaitu majikan dan pekerja semenjak ianya ditubuhkan pada tahun 1970. Bagaimanapun, saya merasa agak terperanjat serta kecewa dengan kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Dr. Abdul Latiff bin Ahmad baru-baru ini walaupun saya beranggap ianya merupakan satu kenyataan yang tulus, yang transparansi, ke mana arah tujuan, bagaimana keadaan SOCSO ini akan wujud di tahun-tahun yang akan datang dan perlunya tindakan-tindakan telah diambil bagi meyakinkan, memastikan PERKESO berfungsi dan memenuhi tujuan-tujuan asalnya.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa segala apa juga cadangan yang hendak dibuat oleh kerajaan untuk menambah 1% setiap enam tahun sekali sehingga mencapai maksimum 4% kepada sumbangan KWSP harus dikaji dan diberikan penjelasan dengan lebih mendalam. Rakyat, pekerja dan juga majikan ingin tahu sumbangan yang telah dibuat oleh kedua-dua majikan dan pekerja.

Seperti mana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, PERKESO bukan macam KWSP. KWSP, pekerja buat pembayaran -11%, majikan -12%, bila mana mereka bersara wang ini akan dikembalikan. Itu dalam Akaun I - 60% untuk simpanan masa tua; Akaun II - perumahan dan pembelian komputer dan Akaun III - untuk perubatan. Tetapi PERKESO orang cakap *there's one-way traffic*, satu sahaja bayar, tidak dikembalikan bilamana tua boleh pencen tetapi akan dibayar jika menerima kemalangan waktu kerja atau dalam perjalanan pergi balik ataupun pencen ilat akan dibayar. Ini konsep PERKESO Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya tidak nampak mengapa wang PERKESO ini berkurangan dan rakyat ingin tahu, pekerja ingin tahu, berapakah jumlah pendapatan yang diterima dan berapakah jumlah yang telah dikumpul, berapa pelaburan telah dibuat, berapa

keuntungan telah diperolehi dan sebagainya. Saya ingin mengingatkan, Tuan Yang di-Pertua, kepada pengendalian SOCSO ini ianya tidak harus terkeluar daripada dasar asalnya. Saya kata, keluar daripada dasar asalnya ialah tentang soal rancangan pembelian perumahan dirancang oleh kerajaan. Kita ada agensi memberi pinjaman perumahan, kenapa PERKESO harus masuk dalam rancangan ini. Biar agensi lain memberi pinjaman perumahan.

Kemudian soal pemberian *scholarship* dan sebagainya, ini satu daripada cabang. Saya tidak fikir barangkali Keselamatan Sosial perlu dikaji, bukan dari segi pembayaran pinjaman persekolahan dan sebagainya. Jadi, konsep ini harus dikaji, Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan wang simpanan PERKESO ini dapat terus berada dalam tahap yang baik dan pekerja mendapat pulangan balik setelah menerima kema langan sama ada dalam masa balik kerja ataupun pergi kerja ataupun pencen ilat dan sebagainya. Kedua-dua skim ini saya kira mempunyai satu tujuan yang sama. Konsepnya memberi keselamatan masa tua, menyimpan masa tua dan keselamatan sosial.

Saya mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, apa salahnya kalau skim kerajaan dibuat, PERKESO, KWSP dicantumkan menjadi satu agensi. PERKESO dan KWSP dicantumkan menjadi satu agensi, ianya lebih besar, lebih kuat dan pelaburannya akan dapat dilabur lebih menarik.

Dari segi pelaburan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat barangkali kerajaan juga - saya ingin untuk memberi cadangan jika sekiranya mana-mana agensi kerajaan yang telah diswastakan, *diprivatise*kan, perwujudan saham dalam agensi-agensi yang telah diswastakan ini sebahagian daripadanya hendaklah diperuntukkan kepada PERKESO dan KWSP. Dengan ini, dengan secara tidak langsung, PERKESO dan KWSP, mereka adalah rakyat kalangan kaum pekerja. Mereka ini adalah kalangan kaum pekerja, jadi dengan secara tidak langsung mereka akan dapat menikmati daripada pembahagian saham yang diberi oleh kerajaan kepada bumiputera dan bukan bumiputera dan sebagainya. Jadi, saya mencadangkan selain daripada percantuman PERKESO dan KWSP untuk mewujudkan keteguhan kewangan di tahun-tahun yang akan datang dan memastikan bahawa pembayaran balik kepada pekerja, menjamin pembayaran balik kepada pekerja dan taraf kedudukan kedua-duanya menjadi sebagai

satu teras tabung dana kaum pekerja negara ini. Saya juga mencadangkan supaya mana-mana agensi kerajaan yang telah diswastakan sahamnya, hendaklah juga diberikan kepada KWSP dan juga PERKESO.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini, saya mengucapkan terima kasih kepada Dr. Abdul Latiff Timbalan Menteri, yang menyatakan terdapatnya pemalsuan dokumen tuntutan dan perkara ini serius. Saya kira satu kes yang telah di *identified* oleh kerajaan, oleh PERKESO, besar kemungkinan banyak lagi dan Menteri Sumber Manusia telah mencadangkan supaya satu *independent body* iaitu, badan bebas dilantik untuk mengkaji sejauh mana pemalsuan dokumen tuntutan ini dibuat oleh pekerja.

Jadi, bukan sahaja badan ini mengkaji pemalsuan dokumen dibuat, tetapi badan ini juga harus mencadangkan cara-cara mana PERKESO dapat digerakkan lebih berkesan dan melicinkan tuntutan dan memastikan kelemahan-kelemahan dalam memproses tuntutan-tuntutan ini dapat diatasi selain daripada memastikan orang-orang yang *genuine*, benar-benar membuat tuntutan dapat menerima tuntutannya dengan secepat mungkin, tidak menunggu masa yang begitu lama sehingga terlantar di hospital berbulan-bulan, baru mendapat pembayaran, setelah surat khabar menyiarkan perkara keadaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang hendak saya bangkitkan ialah soal tambang bas. Kadar tambang bas di negara ini telah dinaikkan mengikut zon pada bulan Julai yang lalu di sekitar di antara 13.3% hingga 33.33%.

Kenaikan tersebut menyaksikan tambang bas naik dengan begitu mendadak dan ianya memberi kesan yang hebat kepada rakyat terutamanya di kalangan pengguna perkhidmatan pengangkutan awam dalam negara kita. Kenaikan tambang ini Tuan Yang di-Pertua, dilakukan 10 tahun sekali. 10 tahun sekali.. Kenapa tidak kerajaan berfikir mencadangkan kenaikan tambang ini dicadangkan tiap-tiap tiga tahun sekali dan satu kenaikan yang minimum, yang rendah dan tidak membebankan rakyat. Tidak sekali gus 10 tahun menyebabkan 33% naik tambang. Ini akan membebankan rakyat terutama sekali mereka yang menggunakan perkhidmatan awam dan juga kalangan mereka yang berpendapatan rendah. Malahan baru-baru ini

kerajaan telah mengisytiharkan kenaikan tambang ini perlu mengikut zon. Dari satu zon ke satu zon.

Kalau seorang itu tinggal di zon A, dia hendak pergi ke zon B, dia mesti *finish* zon A, naik zon B pergi ke C, dia mesti beli tambang naik bas lain. Jadi, kena bayar. Akhirnya dia kena bayar di antara RM2 dan RM3. Ini akan membebankan kepada penumpang. Kenapa kerajaan tidak memikirkan seperti mana di luar negeri satu tiket ini dibeli dengan harga RM1. kah, RM1.50 boleh pakai dalam masa satu jam, dia boleh menaiki mana-mana bas, dari satu zon ke satu zon dalam masa satu jam. Ini akan dapat meringankan orang awam dan meringankan juga syarikat-syarikat yang beroperasi dalam negara kita. Di luar negeri Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat perkhidmatan awam ini mendapat bayaran atau subsidi daripada kerajaan dalam bentuk wang tunai ataupun dengan pelepasan cukai, seluruh cukai dan sebagainya. Jadi, dengan ini perkhidmatan bas akan dapat beroperasi dengan baik dan tidak membebankan operator bas, pengusaha bas dan juga kepada orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lagi satu yang saya ingin membangkitkan ialah soal pengisytiharan cuti Hari Raya kedua pada tahun ini. Ini satu isu yang hangat dibincangkan. Saya tidak nampak mengapa majikan-majikan negara kita ini enggan untuk memberi tambahan cuti umum Hari Raya bergaji untuk tahun ini yang diisytiharkan oleh kerajaan, sedangkan Perdana Menteri dalam pengisytiharannya pada 4 Ogos, kalau tidak silap saya warta tersebut saya tidak bawa Tuan Yang di-Pertua, telah mengisytiharkan kerajaan telah bersetuju dengan kuasa yang diberikan oleh Dewan seperti mana yang kita telah meluluskan iaitu, mengikut Seksyen 8, Akta Cuti 1951, bahawa kerajaan telah mengisytiharkan dua hari cuti Hari Raya pada tahun ini dan cuti ini cuti bergaji.

Kami telah dihubungi ramai pekerja terutama sekali mereka yang tidak mempunyai kesatuan. Di kalangan mereka, syarikat IKS, *industry, small medium size* yang menyatakan kalau hendak cuti boleh cuti, tetapi ambil cuti tahunan. Setengah pula menyatakan kalau hendak cuti boleh cuti, cuti tanpa gaji. Kerajaan buat pengisytiharan bahawa cuti ini cuti bergaji, cuti umum mengikut (Di Bawah Akta 60D Akta Kerja) bahawa ia merupakan cuti bergaji. Mengapa syarikat ini menyatakan kepada pekerja, berbohong kepada pekerja bahawa mereka tidak tahu pengisytiharan

tersebut. Jadi, saya telah mencadangkan kepada kerajaan supaya warta ini hendaklah dihantar kepada seluruh syarikat supaya syarikat tahu bahawa pengisytiharan sudah dibuat. Cuti bergaji untuk dua hari.

Dan seperti mana kita sedia maklum, Tuan Yang di-Pertua, bukan kita yang minta tahun 2000 ini dua kali merayakan Hari Raya Puasa. Ini kerana kehendak Allah, peralihan masa ianya berlaku pada 32 tahun sekali. 32 tahun sekali Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya tidak nampak mengapa majikan enggan untuk memberi cuti bergaji kepada pekerja dan saya meminta kerajaan sekali lagi memberi amaran yang keras kepada pihak syarikat supaya mematuhi arahan-arahan ini kerana arahan ini adalah penting dan dengan arahan ini kelak, ianya akan dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh kaum pekerja supaya mereka tidak ditipu oleh pihak syarikat dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi hendak saya ceritakan dalam Dewan ini, ialah soal kesihatan. Kesihatan adalah merupakan satu perkara yang penting. Dalam masa lima minit saya hendak menjelaskan bahawa saya telah mendengar penjelasan yang telah dibuat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan pagi ini dalam Soalan Jawab Lisan bahawa katanya *professional group*, pakar-pakar yang berada di hospital hanya diberi elaun, *extra* elaun dan sebagainya, tidak merupakan gaji. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat *brain drain*, mereka pakar-pakar yang begitu baik telah meninggalkan hospital-hospital negara ini dan berkhidmat dalam swasta. Memang tidak dapat dinafikan mereka dapat bayaran gaji yang begitu tinggi yang diberi oleh syarikat swasta dan sedangkan kerap kali kita menyatakan kita kekurangan tenaga profesional, pakar-pakar dalam hospital negara kita. Kita perlu bawa masuk pakar-pakar dari luar negara, dari India dan sebagainya. Sedangkan pakar-pakar dalam negara kita lebih baik dari pakar-pakar yang ada di luar negeri. Kalau kita lihat hospital-hospital swasta, banyak orang luar negeri menggunakan hospital-hospital swasta walaupun bayaran tinggi tetapi kerana kepakaran doktor dari pelbagai bidang menyebabkan mereka yakin untuk mendapatkan rawatan di sini. Kenapa kita benarkan ataupun kenapa kita tidak jaga mereka. Kenapa tidak kita asingkan, kenapa selalu sangat birokrat kerana kita hendak samakan, kalau kita naikkan paras gaji ini, orang lain hendak naik dan sebagainya. Ini satu perkara yang kita boleh jelas kepada

umum bahawa kita perlukan tenaga mereka, kita perlukan mereka ini kerana kepentingan rakyat.

Dengan adanya kepakaran-kepakaran sedemikian berkhidmat dalam hospital-hospital negara kita, ini akan dapat dengan tidak secara langsung Tuan Yang di-Pertua, memberi kemudahan kepada rakyat untuk mendapatkan rawatan, pembedahan dan sebagainya dengan kos yang minimum. Ini satu perkara yang penting yang harus kita fikirkan supaya mereka ini tidak meninggalkan perkhidmatan awam, kekal berkhidmat dengan hospital negara kita.

Yang kedua, dalam soal kesihatan Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan soal keadaan-keadaan hospital dalam negara walaupun saya tahu kerajaan sedang berusaha untuk memperbaikinya tetapi saya ingat barangkali Tuan Yang di-Pertua, ianya harus dipercepatkan. Harus dipercepatkan walaupun kadang kala saya beranggapan hospital negara ini tidak seperti hospital yang kita dapat lihat di luar negeri seperti negara membangun Bangladesh ataupun di India dan sebagainya, tetapi hospital kita lebih baik daripada hospital tersebut.

Tetapi tidak semestinya kita telah puas hati dengan keadaan yang ada di negara kita. Sepatutnya kita lebih harus memikirkan untuk memperbaiki lebih baik dari masa ke semasa untuk memberi keselesaan. Ini semua Tuan Yang di-Pertua, kita bercerita ialah soal konsep masyarakat penyayang, *that is the concept*. Konsep masyarakat penyayang begitu besar. Interpretasi begitu besar dan luas serta meliputi semua bidang dari segi kesejahteraan rakyat, kepentingan rakyat dan sebagainya, ini yang harus kita fikirkan. Jadi, saya memohon Tuan Yang di-Pertua, kepada kerajaan supaya memberi peruntukan yang lebih besar tahun depan dan kalau pun tidak tahun depan, tambahan perbelanjaan dibuat, kita bersedia untuk meluluskannya untuk memperbaiki hospital, untuk memperbaiki kesihatan rakyat negara kita ini supaya kesihatan rakyat bertambah.

Hari ini kita telah mendengar Tuan Yang di-Pertua, rakyat negara kita ini telah, dahulu tibi sudah habis dah, malaria pun sudah hapus, sekarang ini telah mula masuk malaria, tibi orang masuk sebab pendatang asing yang masuk negara kita bawa penyakit dalam negara kita ini. Jadi, dengan ini, penambahan perubatan, projek perubatan bertambah dari masa ke semasa. Saya di MTUC selalu membantah supaya

mereka ini di saring betul-betul dan kalau boleh jangan bawa masuk mereka ke negara kita ini. Bayar gaji yang baik, gaji yang tinggi, rakyat negara kita ini bersedia untuk bekerja di mana-mana sekalipun walau sebusuk apa pekerjaan sekalipun. Kalau gaji itu berpatutan dan tinggi, mereka sanggup untuk bekerja Tuan Yang di-Pertua.

Begitu juga soal kita cerita kesihatan, kita harus tidak mengetepikan soal klinik-klinik d estet dalam negara kita ini, masih jauh lagi ketinggalan di belakang dari segi perubatan dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan, satu minit sahaja lagi. Jadi, saya juga memohon supaya klinik-klinik di estet ini diambil alih oleh kerajaan ataupun diperbaiki dari semasa ke semasa, memastikan doktor ada, tidak semestinya *dispenser* sahaja ada di sana, doktor mesti ada turut serta di dalam estet-estet dalam negara kita. Kita tidak harus melihat pekerja-pekerja estet ini tinggal jauh ke belakang Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap perkara ini akan dapat dipertimbangkan. Dengan ini, dengan penjelasan-penjelasan, dengan beberapa cadangan yang telah saya kemukakan, saya dengan ini menyokong Belanjawan tahun 2001 diluluskan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana jam kita tepat pukul 1.00, jadi Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang .

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan M. Ratnam.

2.30 ptg.

Tuan M. Ratnam: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bangun untuk menyokong anggaran belanjawan tahun 2001 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang berjumlah RM91.05 bilion.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia atas kesudian beliau untuk melantik saya

sebagai ahli Dewan Negara. Tidak ketinggalan juga penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu, Presiden Malaysian Indian Congress yang telah mencalonkan nama saya kepada Perdana Menteri Malaysia untuk dilantik sebagai ahli dalam Dewan yang mulia ini. Saya berjanji kepada Presiden saya Dato' Seri S. Samy Vellu bahawa saya akan mencuba sedaya upaya untuk menjalankan tugas yang diamanahkan kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, anggaran perbelanjaan tahun 2001 adalah lebih besar daripada tahun 2000. Ini menggambarkan kepada kita bagaimana seriusnya Kerajaan Barisan Nasional untuk membangunkan negara yang kita cintai ini dan sudah tentu matlamatnya untuk memberi kesenangan kepada rakyat jelata. Dalam membincangkan secara terperinci anggaran perbelanjaan ini saya suka menyentuh beberapa perkara terutama sekali yang melibatkan rakyat jelata.

Kenaikan Gaji Kakitangan Kerajaan – Kerajaan telah bersetuju menaikkan gaji kakitangan kerajaan sebanyak 10% mulai daripada bulan Januari 2000. Ini bermakna semua kakitangan kerajaan akan menerima sedikit gaji kebelakangan ataupun *arrears* dalam bahasa Inggeris, dengan izin. Selain daripada itu, kerajaan juga telah bersetuju menaikkan jumlah pinjaman dan elaun seperti berikut:

- Pinjaman perumahan kedua bagi membolehkan kakitangan kerajaan membeli rumah yang lebih selesa;
- Elaun pengetua dan guru besar sekolah;
- Elaun kritikal untuk doktor;
- Elaun makan untuk Angkatan Tentera;
- Elaun untuk pegawai kastam ;
- Elaun untuk pegawai bomba ; dan
- Elaun untuk anggota polis.

Dalam usaha kerajaan memberi insentif yang lebih kepada kakitangan kerajaan seperti yang disebutkan di atas, ada juga golongan kakitangan kerajaan yang nampaknya telah tertinggal. Sungguhpun peranan mereka sebagai pegawai kerajaan tidak banyak berbeza umpamanya kakitangan penjara, kakitangan Penjara tidak termasuk dalam golongan yang menerima insentif ini. Seperti yang kita sedia

maklum tugas mereka juga sukar dan merbahaya. Saya harap kerajaan juga dapat menimbang elaun insentif ini kepada kakitangan Penjara.

Tuan Yang di-Pertua, selalu kita baca di surat khabar bahawa kerajaan mengalami kekurangan doktor perubatan dan berapa banyak berhenti kerja dan memasuki sektor swasta. Yang demikian kerajaan terpaksa *recruit*, dengan izin, doktor *expatriate* dari luar negara kita dengan gaji yang berlebihan. Apakah salahnya jika kerajaan membayar gaji yang berpatutan seperti yang dibayar oleh hospital swasta kepada doktor-doktor ini. Sekiranya doktor-doktor tempatan dibayar gaji seperti dibayar oleh klinik ataupun hospital swasta, doktor-doktor tempatan tidak akan berhenti dari kerajaan. Ini juga akan kurangkan aliran keluar wang *foreign exchange*, dengan izin, dari negara kita yang dibawa balik oleh doktor-doktor *expatriate* itu.

Cukai Pendapatan – Dalam Anggaran Belanjawan tahun 2001 ini kerajaan juga telah membuat beberapa pindaan kali ini yang memberikan faedah kepada pembayar cukai. Antaranya adalah seperti berikut:

- Tax rebate –

Pembayar cukai yang berpendapatan rendah dan sederhana akan mendapat rebat cukai pendapatan dari RM110 sekarang kepada RM350. Kalau seorang perempuan pembayar cukai yang suaminya tidak ada pendapatan bercukai akan diberi elaun rasmi seperti yang diamalkan sekarang kepada isteri pembayar cukai..

- Pesara –

Kerajaan juga telah bersetuju menaikkan jumlah pencen kakitangan kerajaan yang menerima pencen sekarang hanya sebanyak RM180 sebulan kepada RM280 tertakluk bahawa kalau mereka kakitangan kerajaan mestilah telah berkhidmat lebih dari 25 tahun dan kalau mereka anggota Angkatan Tentera mestilah telah berkhidmat lebih dari 21 tahun. Penerima kenaikan pencen ini patut berterima kasih kepada kerajaan.

Walaupun begitu, saya berpendapat kerajaan patut mengkaji semula dasarnya ini. Dengan keadaan sara hidup yang tinggi sekarang, saya mencadangkan supaya kerajaan menaikkan pencen

yang diterima oleh semua pesara dinaikkan kepada RM280 sebulan, tidak kira berapa lama mereka telah berkhidmat dengan kerajaan. Ini adalah sebagai mengenangkan jasa mereka kepada kerajaan dan dengan kenaikan ini mereka juga dapat menikmati faedah seperti pesara-pesara yang lain.

Butir-butir yang saya sebutkan tadi sebahagian besarnya adalah melibatkan insentif untuk kakitangan kerajaan ataupun kakitangan yang sudah bersara. Dengan adanya pandangan dan perhatian yang serius oleh kerajaan terhadap mereka, saya berharap kakitangan kerajaan termasuk yang telah bersara akan terus menyokong kerajaan supaya kita dapat mewujudkan kerajaan yang kuat dan stabil. Tanpa kerajaan yang kuat dan stabil, rakyat termasuk kakitangan kerajaan sendiri akan menghadapi banyak masalah. Saya menyebutkan ini oleh kerana akhir-akhir ini terutama sekali selepas pilihan raya tahun 1999 ada kakitangan kerajaan yang sabotaj kerajaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membahaskan Anggaran Perbelanjaan tahun 2001 mengikut kementerian dan jabatan, saya ingin juga memberi sedikit pandangan.

Kementerian Pendidikan – Institusi pendidikan adalah satu subjek yang sangat penting. Sebuah negara yang tidak mempunyai dasar pelajaran yang baik tidak akan mencapai kejayaan. Malaysia adalah negara yang bernasib baik kerana pucuk pimpinan kita semenjak merdeka hinggalah hari ini memberi perhatian yang serius dalam bidang pelajaran. Semasa negara kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 kita ada sebuah universiti sahaja tetapi sekarang sudah ada 12 buah universiti termasuk universiti awam dan swasta. Dalam Anggaran Belanjawan tahun 2001 Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa empat buah universiti lagi akan ditubuhkan iaitu di Melaka, Pahang, Perlis dan Negeri Sembilan. Ini adalah tanda yang sangat baik kepada negara kita. Tidak timbul masalah untuk melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian lagi seperti di masa-masa yang lalu.

Satu perkara penting yang kita tidak boleh abaikan ialah rakyat negara ini terdiri dari pelbagai keturunan dan mengamalkan pelbagai bahasa. Justeru itu, bahasa memainkan peranan penting bagi menyatukan rakyat negara kita. Dalam hal ini, semua rakyat telah bersetuju bahasa perpaduan dan bahasa rasmi negara ini adalah

Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Melayu. Dasar ini telah berjaya dan kita boleh lihat hasilnya sekarang. Apa juga kejayaan yang kita capai sekarang adalah berpunca dari dasar bahasa yang saya sebutkan tadi kerana Bahasa Kebangsaan telah dapat menyatupadukan rakyat negara ini. Dasar bahasa ini dapat diterima oleh seluruh kaum yang ada di negara ini.

Walaupun begitu, atas kesedaran pemimpin negara ini bahawa perpaduan rakyat adalah penting. Kaum-kaum lain tidak dihalang mempelajari bahasa ibunda mereka di sekolah. Ini adalah sesuatu yang sangat istimewa. Baru-baru ini timbul sedikit kekeliruan apabila kerajaan mewujudkan Sekolah Wawasan. Ada di kalangan rakyat negara ini berpendapat Sekolah Wawasan bertujuan untuk meminggirkan bahasa ibunda kaum lain. Hal ini patut diberi penerangan secara luas supaya tidak dipolitikkan terutama sekali oleh parti-parti pembangkang seperti apa yang berlaku di Pilihan Raya Kecil Lunas baru-baru ini.

Dalam soal bahasa ibunda ini, Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang ada di negara ini, dari segi sejarahnya adalah sekolah-sekolah yang dibina oleh pihak estet sendiri dan sudah tentu banyak kelemahannya. Apabila negara kita mencapai kemerdekaan dan sesuai dengan dasar pelajaran negara ini, sekolah-sekolah tersebut telah diambil alih oleh kerajaan sama ada sebagai sekolah kerajaan ataupun bantuan kerajaan. Oleh kerana keadaan yang demikian, masih ada sekolah-sekolah Tamil di negara ini yang belum mendapat kemudahan yang lengkap.

Kerajaan kita tidak boleh teruskan dengan alasan bahawa oleh sebab sekolah-sekolah Tamil itu adalah di dalam estet iaitu tanah orang swasta, kerajaan tidak dapat naik taraf sekolah itu dan juga tidak dapat memberi kemudahan seperti sekolah-sekolah kerajaan. Alasan ini tidak boleh diterima lagi oleh orang-orang dengan *common sense*, dengan izin. Sekolah Tamil di sektor perladangan telah dikenalpasti secara rasminya sebagai yang termiskin dalam sistem pendidikan keseluruhannya. Pada tahun 1990, sebilangan 81 ribu pelajar telah didaftarkan di 533 sekolah Tamil dengan 85% daripadanya adalah di sektor perladangan. Setengah sekolah ini adalah bekas rumah pengasapan, bangunan percantuman dengan kuil dan bangunan-bangunan terbiar.

Jawatankuasa Pendidikan MIC telah menjalankan kajian pada tahun 1998 di kalangan 346 buah sekolah Tamil dan mendapati kebanyakan sekolah-sekolah ini tidak mempunyai meja, kerusi, bilik darjah, perpustakaan, kantin, padang permainan, tandas dan sebagainya. Dalam satu temuramah, 90% daripada pekerja menyatakan rasa ketidakpuasan hati terhadap pendidikan yang dikendalikan dalam sektor perladangan. Walau bagaimanapun, pekerja-pekerja ladang tidak berpeluang menghantar anak-anak mereka ke sekolah yang lebih baik memandangkan faktor ekonomi dan pengangkutan.

Laporan Murad menyatakan bahawa murid sekolah perladangan mempunyai pencapaian yang lemah dan selalunya meninggalkan alam pendidikan pada usia muda dan membuat kerja-kerja yang berpendapatan rendah. Sekiranya kerajaan benar-benar dengan suci hati ingin menaikkan taraf sekolah-sekolah Tamil di ladang-ladang, kerajaan perlu mengadakan peruntukan khas dan ambil balik, dengan izin, *acquire the land*, tanah itu dari estet dengan bayaran pampasan kepada estet. Ini bermakna tanah itu akan menjadi tanah kerajaan dan kerajaan juga boleh menaikkan taraf sekolah Tamil di estet kepada sama dengan sekolah-sekolah kebangsaan. Saya berharap Kementerian Pendidikan patut mengambil tindakan yang sesuai supaya kekurangan tersebut dibantu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang manusia, selain makan minum dan pakaian, rumah adalah salah satu keperluan asas yang sangat penting. Rumah atau tempat tinggal yang baik akan melahirkan keluarga bahagia dan seterusnya akan melahirkan warganegara yang bertanggungjawab yang akan menjadikan negara ini sebagai sebuah negara maju. Pembangunan projek-projek perumahan semenjak 30 tahun yang lalu atau lebih tepat lagi selepas negara mencapai kemerdekaan begitu pesat sekali. Di mana sahaja kita pergi di seluruh tanah air kita ini, kita boleh lihat projek perumahan tumbuh seperti cendawan selepas hujan.

Hampir 90% dari projek-projek perumahan ini dilaksanakan oleh pihak swasta. Seperti yang kita sedia maklum, pihak swasta akan mengutamakan keuntungan. Akibatnya, rakyat yang berpendapatan rendah masih tidak ada peluang untuk membeli rumah. Kerajaan negeri biasanya mengenakan syarat kepada pemaju supaya membeli rumah murah di projek-projek mereka tetapi syarat hanya tinggal di

atas kertas sahaja. Rakyat berpendapatan rendah terus dahagakan rumah. Kerajaan juga telah luluskan Rancangan Perumahan Ladang-Ladang dan Lombong, *Estate And Mining Workers Housing Scheme*, dengan izin, semasa Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri.

Sekarang pekerja-pekerja di ladang hanya 50% orang India dan 50% lagi adalah bumiputera. Saya kurang faham mengapa kerajaan tidak mengambil perkara ini dengan berat. Selepas merdeka, banyak ladang telah dipunyai oleh syarikat-syarikat tempatan seperti Sime Darby, KL Kepong atau Taiko Plantations dan sebagainya. Banyak ladang besar seperti Guthrie adalah kepunyaan Perbadanan Nasional Berhad (PNB). Ini adalah kepunyaan kerajaan sendiri yang sehingga sekarang enggan meneruskan hasrat kerajaan untuk wujudkan rancangan perumahan bagi pekerja ladang-ladang. Sepatutnya, syarikat-syarikat gergasi ini contohi dengan permulaan rancangan ini.

Saya mencadangkan undang-undang yang mewajibkan, *make it compulsory or make it a law*, dengan izin, supaya kesemua ladang-ladang dan lombong mengadakan rancangan perumahan untuk pekerja-pekerja beliau. Dengan cara ini, apabila ladang-ladang itu bertukar tangan ataupun menjadi rancangan perumahan dan perindustrian, pekerja-pekerja tidak perlu berhijrah ke bandar dan mendirikan rumah-rumah setinggan di mana gejala-gejala sosial bermula.

Kerajaan telah membuat program untuk menyelesaikan masalah rumah tanpa izin. Wilayah Persekutuan akan bersih dari rumah tanpa izin dalam tempoh dua tahun yang akan datang. 37 ribu rumah akan dibina bagi menempatkan setinggan ini. Saya berharap dalam usaha kerajaan hendak membersihkan rumah tanpa izin di wilayah dalam tempoh dua tahun ini, tidak akan berlaku perkara-perkara yang boleh menyusahkan rakyat. Janganlah rumah-rumah tanpa izin ini dirobuhkan sewenang-wenangnya tanpa menyediakan rumah lebih dahulu.

Satu perkara lagi yang patut diambil perhatian oleh kerajaan semasa menempatkan semula rumah-rumah tanpa izin ialah kesesuaian rumah kepada keluarga setinggan ini. Biasanya, penduduk rumah setinggan ini telah tinggal di rumah itu berpuluh tahun dan oleh kerana keluarga telah bertambah, maka rumah setinggan mereka telah menjadi besar. Tetapi apabila ditempatkan ke kawasan

penempatan yang baru, mereka ditawarkan rumah kos rendah yang mempunyai tiga atau dua bilik. Perkara ini sudah tentu akan menjadi masalah besar kepada keluarga ini. Oleh itu, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya keluarga-keluarga setingan yang besar seperti ini patut mendapat lebih dari sebuah rumah apabila dipindahkan. Saya rasa cadangan saya ini patut mendapat pandangan yang serius dari kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat negara ini haruslah bersyukur dapat tinggal di sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen. Dengan sistem yang sedemikian, sebuah kerajaan yang mantap dan stabil dapat diwujudkan setiap kali selepas pilihan raya. Kestabilan politik inilah yang telah mendorong ramai pelabur asing berminat terhadap negara ini. Kestabilan politik yang dinikmati ini bukanlah sesuatu yang wujud dengan izin, *by chance*. Sebaliknya, adalah hasil daripada perancangan dan pengimplementasian setiap rancangan kerajaan dengan berkesan.

Sekiranya kita menyorot kembali peristiwa-peristiwa politik di beberapa rantau dunia, ini akan jelas bahawa bukan mudah untuk wujudkan pemerintahan yang stabil, lebih-lebih lagi dalam konteks negara Malaysia di mana terdapat masyarakat majmuk. Wajarlah kerajaan pimpinan Barisan Nasional diberi pujian atas kejayaan mereka mengemudi kerajaan dan membina pengisian kemerdekaan yang sebenar. Bermula daripada Rancangan Malaysia Pertama dan seterusnya dalam setiap rancangan ekonomi lima tahun, kerajaan telah menggariskan dasar-dasar kewangan dan fiskal untuk membangunkan negara ini.

Kita sedia maklum satu dasar yang telah menggubal dan mencorak pengagihan sumber-sumber ekonomi dan seterusnya yang telah berjaya menyusun semula struktur masyarakat adalah Dasar Ekonomi Baru. Matlamat Dasar Ekonomi Baru adalah serampang dua mata untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Syabas dan tahniah kepada penggubal-penggubal dasar ekonomi ini pada ketika itu kerana dengan adanya dasar yang sedemikian, semua kaum yang bermastautin di negara ini telah mendapat keuntungan melalui Dasar Ekonomi Baru. Pembahagian ekonomi secara lebih adil telah berlaku sejak dekad 70-an hinggalah kini.

Saya percaya tidak ada satu kaum pun yang boleh menuduh bahawa dasar ini telah membelakangkan mereka. Namun satu perkara yang agak terserlah ialah ada

kaum-kaum yang telah mengambil bahagian secara aktif dalam pembangunan ekonomi dan menikmati kejayaan demi kejayaan dan ada kaum yang tidak dapat ikut arus pembangunan ekonomi yang begitu pesat ini. Ingin saya merujuk di sini, satu-satu kaum yang tertinggal kerana tidak dapat lari sepantas kaum-kaum lain ialah masyarakat India, khususnya masyarakat India luar bandar.

Sesiapa yang arif tentang sejarah negara ini akan faham bahawa pertalian di antara orang-orang India dan ladang-ladang getah di negara ini. Sebentar tadi, dalam ucapan saya, saya telah menyatakan bahawa masyarakat India khususnya pekerja estet-estet getah ini tidak melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti ekonomi yang terdapat di negara ini secara aktif. Sebenarnya, ada beberapa faktor yang akan saya huraikan di bawah yang membawa kepada keadaan untuk mereka.

- Kejahilan mereka tentang peluang-peluang ekonomi yang wujud dalam setiap rancangan pembangunan ekonomi;
- Tidak mempunyai kepakaran yang diperlukan;
- Kekurangan modal;
- Kekurangan program-program khas untuk menggalakkan penglibatan mereka;
- Sikap mereka sendiri yang tidak berani mengambil risiko;
- Tidak dapat bertahan bersaing dalam perniagaan dari kaum-kaum lain yang telah jauh maju dari mereka;
- Status mereka sebagai golongan minoriti di negara ini;
- Tidak mempunyai latar belakang perniagaan yang kuat;
- Tidak memiliki tanah secara luas;
- Institusi kewangan yang teragak-agak untuk memberi pinjaman modal; dan akhirnya
- Suasana estet itu sendiri yang tidak mendorong mereka untuk melepasi belenggu kemiskinan ini.

Akibat daripada apa yang saya sebutkan tadi menjadikan kaum keturunan India ini agak ketinggalan jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain terutama sekali di dalam bidang ekonomi. Kalau dibuat kajian, sungguhpun kaum keturunan India

adalah rakyat minoriti tetapi dalam banyak masalah, mereka menjadi rakyat majoriti menghadapi masalah seperti:

- Bilangan rumah setinggan kaum India lebih banyak daripada kaum lain;
- Jumlah kemiskinan kaum India lebih ramai berbanding kaum lain;
- Dari segi pelajaran pula, kaum India agak mundur jika dibandingkan dengan kaum lain.

Oleh itu, saya mengesyorkan supaya dalam usaha untuk menyelesaikan masalah setinggan, tidak ada kuota-kuota tertentu diwujudkan tetapi hendaklah menyelesaikan masalah setinggan secara menyeluruh. Pihak pengurusan estet juga hendaklah melaksanakan dasar yang dibuat oleh kerajaan supaya pihak estet menyediakan rumah untuk dijual kepada pekerja estet tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pelajaran pula, berhubung kait dengan sosioekonomi masyarakat India, satu lagi tindakan yang harus dan segera diambil ialah langkah-langkah untuk meninggikan taraf pendidikan dan pencapaian kanak-kanak India. Satu cara untuk meninggikan taraf sosioekonomi mereka ialah melalui pencapaian akademik yang tinggi. Lebih ramai lulusan dalam bidang profesional harus diwujudkan setiap tahun. Bagi memenuhi matlamat ini, pendidikan awal yang baik harus disediakan. Oleh itu saya cadangkan penubuhan tadika-tadika KEMAS di kawasan estet. Buat masa ini kebanyakan pelajar di estet tidak menghadiri kelas-kelas tadika. Sehubungan dengan itu juga sekolah-sekolah Tamil di atas tanah estet haruslah ditukar status dan dipindahmilikkan kepada kerajaan supaya sekolah-sekolah ini menjadi sekolah bantuan penuh daripada sekolah bantuan modal sahaja.

Isu ini telah lama berlarutan dan satu penyelesaian haruslah dicari dengan segera. Kalau perlu, kerajaan harus ambil alih tanah yang berdekatan untuk bina sekolah Tamil yang baru supaya bangunan dan infrastruktur sekolah Tamil seperti sekolah-sekolah kebangsaan lain. Saya percaya peratus pencapaian sekolah-sekolah Tamil ini khususnya dalam UPSR akan meningkat apabila kemudahan-kemudahan akademik yang lebih baik dan juga guru-guru terlatih yang lebih ramai diwujudkan di sekolah-sekolah Tamil. Begitu juga untuk memastikan lebih ramai lulusan

profesional India dihasilkan setiap tahun, syarat memasuki fakulti-fakulti di semua institusi-institusi pengajian tinggi haruslah dilonggarkan khususnya bagi pelajar-pelajar yang datang dari keluarga yang miskin. Pengambilan pelajar-pelajar India ke institusi pengajian tinggi haruslah sejajar dengan peratusan komposisi pendidikan iaitu sebanyak 10%.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Seperti kita sedia maklum, keputusan pilihan raya kecil Lunas adalah satu keputusan yang telah mengejutkan kita semua. Walaupun kemenangan parti pembangkang yakni calon parti keADILan adalah tipis sahaja iaitu sebanyak 530 undi, kekalahan Barisan Nasional di kubu kuatnya sudah tentu tidak dapat diterima dengan hati yang senang oleh pucuk pimpinan Barisan Nasional. Parti MIC salah satu parti komponen Barisan Nasional telah diberi peluang untuk meletakkan calonnya memandangkan kawasan itu salah satu di antara dua yang telah diagihkan kepada MIC di negeri Kedah maka dengan kematian mendiang Dr. Joe Fernandez iaitu bekas ahli Dewan Undangan Negeri Lunas secara mengejut, pucuk pimpinan sekali lagi memberi peluang kepada parti MIC untuk mencalonkan calon yang sesuai untuk menjadi calon Barisan Nasional. Encik S. Anthonysamy merupakan calon yang memenuhi segala kriteria seperti yang dikehendaki oleh Barisan Nasional dan dengan persetujuan Perdana Menteri beliau diterima sebagai calon untuk DUN 34 Lunas. Apa yang menarik perhatian di sini ialah kawasan pilihan raya Lunas adalah satu kawasan yang mempunyai komposisi pengundi Melayu sebanyak 43%, dengan pengundi Cina 37% dan pengundi India sebanyak 20%.

Satu perkara yang agak ketara di sini ialah pengundi India hanyalah minoriti di sini namun parti Barisan Nasional telah sudi untuk meletakkan seorang calon berbangsa India. Jelas di sini consensus yang dipersetujui di antara parti-parti komponen dihormati di sini. Kaum India dan parti yang mewakili Barisan Nasional iaitu MIC tidak diperlekehkan dan faktor kaum tidak menjadi penentu dalam pemilihan calon. Sebaliknya parti Barisan Alternatif telah mengetepikan calon parti komponen mereka dari DAP iaitu Encik S. Nilamagam hanya kerana beliau keturunan India dan pengundi India pula merupakan minoriti di DUN Lunas. Bukanlah jelas kelihatan parti Keadilan Nasional yang mengagungkan nilai-nilai keadilan untuk

semua kaum di Malaysia telah menonjolkan satu sifat mereka iaitu dengan izin, racial extremism.

Kalau mengikut perhitungan dan percaturan politik mereka, hanya calon dari kaum yang majoriti di kawasan boleh menjadi calon di satu kawasan Pilihan Raya sudah tentu tidak akan ada satu calon pun dari kaum India di negara ini, manifestasi dan inilah tidak akan ada perwakilan kaum India sama ada di Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri. Menyedari hakikat inilah, sejak parti Perikatan hinggalah kini Barisan Nasional kaum minoriti diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam proses politik di negara ini. Langkah sedemikian sudah memastikan kaum India tidak dengan izin, marginalise di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sehubungan dengan ini politik perkauman yang ekstrim tidaklah sesuai untuk negara ini. Kerjasama kaum yang ditonjolkan oleh Barisan Nasional ialah yang sesuai untuk membawa kestabilan politik dan seterusnya pembangunan ekonomi. Seperti kita sedia maklum, kebebasan bersuara, perhimpunan dan berpolitik adalah terjamin dalam sistem demokrasi tetapi apabila kebebasan ini disalahgunakan dan menjadi keterlaluan ia akan menggalakkan pertembungan nilai-nilai negatif yang seterusnya boleh menjadi ancaman terbesar kepada sistem demokrasi yang diamalkan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa terpenggal untuk mengutarakan isu itu di sini kerana dalam masa kempen pilihan raya selama sepuluh hari di Lunas, parti pembangkang telah mengamalkan segala macam cara yang menonjolkan sifat undemocratic mereka. Penggunaan kata-kata kesat terhadap penyokong Barisan Nasional, mengoyakkan poster Barisan Nasional, menahan bas yang membawa penyokong Barisan Nasional, memeriksa kad pengenalan mereka, memainkan isu-isu agama dengan pengundi-pengundi beragama Islam, super *impose*kan gambar calon Barisan Nasional, Encik S. Anthonysamy sebagai paderi Kristian adalah antara langkah-langkah yang diamalkan oleh Barisan Alternatif hanya untuk membawa kemenangan kepada Barisan Alternatif. Dengan izin, they are willing to stood so low just to win but let me remind them the end does not justify the means.

Tuan Yang di-Pertua, harus disedari oleh semua yang cintakan negara ini apa jua bentuk extremism pun tidak ada tempat di negara ini, negara Malaysia. Perkara

ini telah ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dr. Mahathir bin Mohamed baru-baru ini. Sanggupkah kita untuk melihat negara kita berpecah belah atas dasar kaum, agama, bahasa dan budaya? Kalau parti-parti politik yang mengambil bahagian dalam setiap pilihan raya sama ada pilihan raya umum ataupun kecil, bertalam dua muka iaitu berkempen secara berlainan semasa dengan orang Melayu dan kempen secara lain semasa bersama dengan orang Cina dan India. Poster-poster di kawasan Cina adalah poster tanpa janggut dan serban putih itu manakala di kawasan orang Melayu, berjanggut dan serban putih. Inilah yang akan membawa kepada penggeseran kaum dan akhirnya kemungkinan berlakunya perang saudara sudah wujud. Yang tahan bas itu adalah salinan-salinan permit bas yang dikeluarkan oleh LPKP lengkap dengan senarai nama dan nombor bas. Saya hairan bagaimana beliau boleh dapatkan butir-butir ini.

Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli Barisan Alternatif telah menakut-nakutkan penyokong Barisan Nasional yang datang dengan bas. Beliau ancam akan bakar bas jika tidak mengikut arahan beliau, telah pecahkan cermin bas, telah pukul pemandu bas, telah gunakan kata-kata kasar dan lucu, telah bawa bas ke dalam taman mewah belakang bilik gerakan pemuda KeADILan di kawasan itu. Dalam Balai Polis Lunas pun Encik Iznam telah gunakan kata-kata kasar seperti rascal kepada seorang ahli Exco kerajaan negeri Kedah iaitu Datuk Saravanan. Inikah adil? Inikah demokrasi parti KeADILan kata, orang Kristian tidak boleh masuk negara Islam ini dalam bulan puasa iaitu bulan Ramadan, orang-orang Islam tidak boleh mengundi yang bukan Islam. Itulah yang dia kata. Saya cadangkan supaya kerajaan pinda undang-undang pilihan raya di mana calon-calon ataupun parti-parti yang bertanding sekiranya menggunakan taktik-taktik kotor, kata-kata kesat dan ugut penyokong satu parti seperti di Lunas dengan cara automatiknya, hilanglah kecalonannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Anggaran Belanjawan tahun 2001. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Siti.

3.12 ptg.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bismillahir rahmanir rahim. Ribuan terima kasih di atas keizinan yang diberikan

kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan tahun 2001. Di peringkat pemerintahan negara, aspek belanjawan merupakan agenda yang sangat penting dalam mengurus dan mentadbir sebuah negara dalam segenap bidang baik dari sudut ekonomi, pembangunan, politik, pentadbiran, sosial, kebajikan dan apa jua yang menjadi peranan wajib satu-satu institusi kerajaan.

Dalam konteks negara Malaysia kita hari ini belanjawan yang memakan belanja melebihi daripada RM91 bilion ini yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Tun Daim, Menteri Kewangan Malaysia kita tadi wajar hendaklah mengambil kira akan kejayaan-kejayaan dan kelemahan-kelemahan yang menjadi hambatan bagi perkembangan negara seluruhnya dalam segenap aspek dan peringkat kesan daripada Rancangan Malaysia Ketujuh di samping berusaha menangani apa jua krisis, masalah dengan kadar segera, bijak dan bertanggungjawab khususnya dalam rangka Rancangan Malaysia Kelapan yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal pendidikan dan kerohanian. Bagi saya, ia merupakan dua aspek yang saling bertautan yang kalau kita tengok berdasarkan Belanjawan 2001 ini kerajaan masih gagal meletakkan keutamaan terhadap usaha-usaha kepada pembangunan insan di mana kita semua tahu insan merupakan satu aset yang sangat penting dalam kehidupan lantaran mereka adalah sebagai utusan, sebagai seorang khalifah Allah di muka bumi. Justeru itu saya mencadangkan supaya kerajaan memberi priority kepada usaha membanyakkan dan memperlengkapkan lagi dalam sektor-sektor pendidikan Islam di semua peringkat. Penumpuan kerajaan dalam mengutamakan pendidikan Islam mestilah dilihat dari sudut pengukuhan potensi sebenar ke atas sumber-sumber kemajuan negara, dengan hanya bersandarkan pendidikan Islam hasil daripada perolehan di peringkat sekolah dan IPT adalah tidak wajar dan tidak memadai. Rakyat hanya memahami Islam di peringkat permukaan sahaja tetapi tanpa memahami tasawur ataupun gambaran sebenar Islam sebagai seorang Islam yang sebenar. Inilah yang menjadi antara faktor penting dalam permasalahan keruntuhan sahsiah dan pertumbuhan gejala sosial yang begitu menular dalam negara kita hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan di sini bahawa pembangunan negara kita hari ini berdasarkan kepada pembangunan material dan kurang

mengambil berat terhadap pembangunan rohani atau pembangunan insan itu sendiri. Kita lihat bagaimana sejarah telah membuktikan banyak bangsa yang berada di dalam dunia hari ini jatuh kerana mereka telah mengetepikan pembangunan insan itu sendiri. Jadi untuk menyelesaikan masalah ini kita kena kembali kepada penyelesaian secara Islam sebagaimana yang telah dite tapkan oleh Allah S.W.T.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada Belanjawan 2001 ini disebutkan bahawa kerajaan merancang untuk menubuhkan empat buah universiti bagi menambah lagi sejumlah universiti yang telah ada. Usaha ini merupakan satu usaha murni kerajaan dalam memastikan rakyat negara ini dapat meneruskan kelangsungan tuntutan ilmu di- peringkat yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun saya berpandangan bahawa adalah wajar usaha peningkatan mutu dan taraf pendidikan rakyat diberikan perhatian utama terlebih dahulu sebelum kerajaan sibuk memperbanyakkan IPTS dan IPTA atau kolej-kolej pengajian tinggi.

Peruntukan harus diberi kepada usaha menaik taraf kemudahan prasarana sekolah ataupun IPT di samping menggariskan pelan tindakan dalam menyelesaikan masalah-masalah pendidikan yang timbul seperti kekurangan makmal sains, makmal komputer, peralatan amali, alat-alat bantuan mengajar dan belajar, sama ada di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah hinggalah kepada peringkat kolej dan universiti. Sebagai satu contoh kita tengok di satu perkampungan di Pusat Beladin, Kuching Sarawak. Bagaimana ada di kalangan remaja di sana terpaksa berhenti sekolah selepas tamat pengajian Darjah Enam semata-mata kerana tidak ada kemudahan sekolah menengah rendah dan kalau ada pun tempatnya jauh terpaksa menggunakan laluan sungai. Bukan setakat itu sahaja banyak lagi kawasan pedalaman yang banyak lagi yang sangat kekurangan semua perkara dari segi kemudahan pembelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, situasi ini perlu diambil perhatian agar kita mampu menyediakan pembangunan seimbang di dalam mahu pun di luar bandar. Saya sangat bimbang apabila memikirkan keadaan anak-anak kita yang berada di luar bandar yang baru mengenali permainan-permainan seperti gasing, congkak dan sebagainya. Tetapi kalau dibandingkan anak-anak yang berada di bandar sudah

mahir dengan komputer. Satu jurang yang sangat besar antara kanak-kanak di bandar dan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek ini saya juga ingin menyentuh tentang ketidakcekapan dalam urusan tadbir pendidikan negara iaitu isu kertas soalan SPM yang bermula daripada penyusunan jadual yang tidak sistematik. Ini seterusnya menyebabkan pertindanan beberapa subjek yang diambil oleh para pelajar. Para pelajar bagaimanapun disyorkan untuk menggugurkan subjek berkenaan dan meminta ibu bapa menghubungi Lembaga Peperiksaan Malaysia atau LPM untuk tindakan selanjutnya. Saya rasa amat kesal kejadian seumpama ini berlaku kepada calon SPM 2000 dan menyifatkannya sebagai suatu yang menyedihkan.

SPM merupakan suatu penilaian terpenting di peringkat sekolah menengah untuk menilai kemampuan pelajar meneruskan pengajian mereka ke peringkat menara gading. Oleh itu SPM perlu dikendalikan dengan baik dan seharusnya tidak berlaku sebarang masalah sama ada dari segi aspek teknikal mahupun penyusunannya. Ketidakcekapan ini sudah tentu mengganggu konsentrasi calon untuk menjawab soalan dengan baik dan tidak mustahil akan menjejaskan keputusan SPM 2000 bagi calon tersebut, khususnya di dalam keputusan negara keseluruhannya. Kejadian yang berlaku ini tidak munasabah dan memalukan sistem peperiksaan di negara ini dan menunjukkan betapa rapuhnya aspek teknikal penyusunan dan kerahsiaan peperiksaan di negara kita Malaysia.

Belum pun reda isu pertindanan kertas soalan tersebut, negara sekali lagi dikejutkan dengan satu isu kertas soalan SPM yang tidak cukup dan dicetak dengan tidak lengkap. Sebagai contohnya pada 14 November 2000, kertas soalan bahasa Inggeris tidak cukup di cetak di Sekolah Alam Shah dan Sekolah Menengah Megah Shah Alam. Pada 16 November 2000 kertas soalan Matematik I dicetak tidak lengkap di 15 pusat peperiksaan di Perak dan 17 pusat peperiksaan di Pahang. Pada 20 November 2000 halaman 9,10, 11 dan 12 kertas soalan Kimia II tidak bercetak di Sekolah Menengah Gunung Rapat. Kesilapan dan kesalahan yang banyak ini menunjukkan kepada kita betapa Kementerian Pendidikan khususnya pihak LPM tidak prihatin sehingga memungkinkan masalah ini terjadi kepada tiga kertas soalan yang berlainan.

Adakah ini menunjukkan kertas soalan tersebut tidak disemak bilangannya sebelum dibungkus untuk diedarkan ke semua pusat peperiksaan. Dalam keadaan negara yang masih berjaga-jaga dalam menghadapi musim banjir, LPM pula seakan-akan tidak berjaga-jaga dalam menghadapi kemungkinan terkandasnya pelajar daripada mengambil peperiksaan akibat banjir. LPM sepatutnya telah menetapkan tarikh alternatif untuk mengadakan sesuatu peperiksaan secara menyeluruh di seluruh negara dan bukannya dengan mengadakannya secara berasingan seperti apa yang berlaku sekarang ini.

Ini menunjukkan sikap kurang cekap dari segi pengurusan yang begitu ketara dan teruk, di peringkat atasan yang sewajarnya perkara ini tidak berlaku. Kita turut kesal perkara seumpama ini masih lagi berlaku dalam keadaan negara kita menuju kepada era teknologi maklumat k-ekonomi dan sebagainya. Saya menyarankan kepada pihak LPM supaya mengkaji semula kaedah pengambilan bagi sistem peperiksaan terbuka bagi mengelakkan kerumitan dalam penyusunan jadual kerana ia melibatkan masa depan puluhan ribu pelajar. Penelitian yang terbaik perlu dijalankan dalam penyusunan jadual dan jadual peperiksaan haruslah dikeluarkan lebih awal agar calon boleh membuat semakan awal untuk mengelakkan pertindihan. Pihak sekolah bagaimanapun haruslah sama-sama bertanggungjawab untuk membantu dalam urusan ini. Contohnya di mana-mana, jadual mesti dikeluarkan sebanyak tiga kali bagi kemudahan semakan pelajar.

Saya juga menyarankan agar diadakan satu talian *toll* percuma dengan tujuan untuk memberi kemudahan kepada ibu bapa dan calon untuk mengajukan sebarang kekeliruan dan aduan kepada LPM. Pegawai daripada LPM perlu dipastikan ada bagi bertanggungjawab untuk memantau proses pencetakan, pembungkusan dan pendedaran kertas soalan. Bagaimanapun tanggungjawab pencetakan soalan haruslah diberi kepada syarikat yang benar-benar mampu dan layak dari segi pengalaman, tenaga kerja dan sebagainya bagi mengelakkan kejadian yang sama berulang.

Saya juga suka menyentuh dalam belanjawan ini dalam kempen menabung. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Belanjawan 2001 juga tidak kedapatan satu usaha di pihak kerajaan untuk menggiatkan lagi kempen menabung di kalangan rakyat

jelata. Usaha murni suatu ketika dahulu tidak diteruskan yang diwar-warkan dan kelihatan seolah-olah hangat-hangat tahi ayam sahaja. Kerajaan sewajarnya memberi satu insentif untuk galakan penabungan di kalangan rakyat Malaysia. Kita tidak mahu rakyat negara mencontohi rakyat Amerika, rakyat yang mana cukup rendah angka penabungannya dan sentiasa berbelanja besar. Kita juga tidak mahu rakyat Malaysia menjadi orang yang kaya dengan hutang dan kaya dengan berhutang. Ini juga mungkin adalah faktor mengapa jumlah rakyat Malaysia yang muflis begitu besar sehingga menjangkau angka lebih kurang 79 ribu orang.

Kesedaran penggunaan perlu juga di titik beratkan. Seajar dengan itu kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna haruslah memainkan peranan yang lebih pro-aktif dan efektif dalam mewujudkan kesedaran kepenggunaan di kalangan rakyat jelata dengan menekankan kefahaman mereka terhadap hak umum para pengguna. Kempen-kempen kesedaran ini harus dijalankan secara telus dan menyeluruh dalam usaha meningkatkan taraf kualiti hidup rakyat. Kementerian juga harus peka dan berusaha menjalankan satu kajian yang menyeluruh berkenaan dengan pola perbelanjaan rakyat Malaysia di samping memperkenalkan dan membiasakan rakyat kita dengan sistem 3R iaitu *repair*, *reduces* dan *recycle* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, bonus kakitangan kerajaan. Izinkan untuk saya turut menyentuh berkenaan isu pemberian bonus kepada kakitangan awam. Berdasarkan kepada belanjawan yang kita lihat pada tahun ini, sejumlah lebih kurang 900 ribu kakitangan kerajaan dan 6,000 kakitangan awam tidak mendapat apa-apa daripada kerajaan. Ketiadaan bonus dalam peruntukan belanjawan ini disebabkan oleh kenaikan gaji mereka dalam peruntukan Belanjawan 2000 yang dibentangkan pada tahun lepas.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan ini adalah tidak wajar, apatah lagi bagi kerajaan yang sentiasa mendesak dan memaksa rakyatnya berterima kasih dan bersyukur kepada kerajaan di atas segala pembangunan dan kemajuan yang diberi yang telah diadakan di negara ini. Kakitangan kerajaan dan kakitangan awam merupakan mereka yang banyak menyumbang dan membantu parti pemerintah iaitu

Barisan Nasional dalam meneruskan dan memperkasakan agenda pembangunan negara.

Saya berpendapat adalah amat tidak wajar dan tidak mengenang budi seandainya pemerintah tidak langsung mengambil peduli soal ini. Walau bagaimanapun saya tetap mengalu-alukan pelepasan cukai pendapatan yang telah diberikan kepada kakitangan awam yang berpendapatan kurang daripada RM3,000. Di samping itu saya juga menyeru kepada pihak kerajaan agar memberi lebih penumpuan kepada mereka yang berpendapatan RM1,500 ke bawah dalam usaha mewujudkan satu layanan yang adil dan saksama kepada seluruh rakyat negara ini.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Yang Berhormat saya minta laluan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh bagi laluan?

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Ini istilah tidak mengenang budi kerajaan kepada kakitangan awam ini saya rasa boleh kita ambil perbandingan. Kalau kita seorang ayah, berkira dengan begitu cermat dan pada satu ketika kita juga menyara anak-anak kita ini. Tetapi ada juga satu ketikanya kita kena melihat kemampuan kita. Kalau apa yang anak kita minta itu tidak mampu kita hendak beri, adakah kita dianggap sebagai tidak mengenang budi, tidak sayang kepada anak. Saya rasa kalau disebutkan tadi kakitangan kerajaan, pemimpin Barisan Nasional lebih sayang, sebab mereka ini adalah yang mendukung kerajaan. Lebih kita rasakan, kita di sini pun merasakan sama-sama.

Tetapi apakan daya dalam keadaan ini, kerajaan lebih arif. Kalau kita lihat faktor perkembangan ekonomi dunia sekarang ini. Kita harus bersyukur dengan apa yang kita ada pada hari ini. Saya percaya sekiranya kerajaan mampu kerajaan akan beri. Jadi istilah tidak mengenang budi itu tidak timbul. Kita saling seperti aur dengan tebing, jadi saya rasa perkataan itu tidak berapa tepat. Jadi saya terasa jugalah, terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat di atas peringatan itu. Cuma saya hendak memberi penjelasan, apabila kerajaan sentiasa mengungkit persoalan rakyat tidak bersyukur dan tidak berterima kasih kepada kerajaan, jadi timbal baliknya kerajaan juga kena berterima kasih jugalah kepada

rakyat, kalau suruh rakyat berterima kasih bersyukur kepada kerajaan, maka kena ada timbal balik jugalah, itu maksud saya dalam penjelasan saya tadi.

Seterusnya dalam krisis harga minyak, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini dunia dilanda kebimbangan apabila harga minyak naik secara drastik sehingga menyebabkan suasana yang agak tegang terutama di negara-negara Kesatuan Eropah, beberapa penduduk negara terbabit seperti Perancis dan Britain mengadakan mogok yang meninggalkan kesan lumpuh ke atas beberapa sektor ekonomi negara terbabit. Bahang yang lebih besar akan terasa di rantau ini jika harga minyak tidak disekat ke paras yang lebih stabil.

Kerajaan menerusi Belanjawan 2001 wajar mengambil kira krisis harga minyak yang menyerang ASEAN kini. Kita baru sahaja melepasi satu saat yang cukup kritikal iaitu dalam sejarah ekonomi negara selepas kemelesetan ekonomi yang melanda dalam tahun 1997 yang lepas. Negara wajar berhati-hati terhadap masalah ini dan merangka langkah-langkah yang perlu dalam mengatasi permasalahan ini daripada terus meninggalkan kesan yang negatif terhadap negara. Negara mustahil untuk mampu berhadapan dengan kemelut ekonomi yang kuat selepas baru sahaja berperang dengan kemelesetan akibat kejatuhan nilai ringgit Malaysia.

Kita harus mengambil kira bahawa ekonomi merupakan satu rantaian yang mana segala masalah terutamanya dengan kenaikan harga minyak akan menjejaskan semua sektor ekonomi yang ada baik dalam mahupun luar negara. Memanglah benar bahawa kehidupan era globalisasi ini menuntut kepada penerapan dan asas yang kuat dalam ilmu pengetahuan untuk semua bidang khususnya ekonomi, sains dan teknologi.

Justeru itu, semua di antara kita adalah bertanggungjawab untuk melengkapkan diri dengan kemahiran-kemahiran baru dan menyusun semula keutamaan dalam menerap budaya berteknologi tinggi dan keusahawanan yang dinamik dan mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Oleh yang demikian, persediaan ke arah itu adalah perlu dan kerajaan itu sendiri merupakan satu jentera yang cukup relevan dan bertanggungjawab sebagai pemudah cara kepada seluruh entiti di dalamnya dan khususnya rakyat jelata untuk

membangkitkan bersama menuju kepada era baru dengan kekuatan dan iltizam yang baru untuk memartabatkan agama, bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, bagi saya Belanjawan 2001 ini lebih mene kankan kepada unsur yang ada sedikit sikap balas dendam, contohnya iaitu bagaimana dalam belanjawan ini telah mengkhianati satu juta rakyat Terengganu daripada terus menikmati royalti minyak yang telah mereka nikmati sejak 25 tahun yang lalu. Belanjawan 2001 mempunyai kelemahan yang nyata dalam merangsang dan menjaga kepentingan kebajikan rakyat yang ramai dalam menghadapi krisis ini maka kita lihat bagaimana penyelesaian yang telah dibuat oleh kerajaan memberi tekanan yang semakin hebat kepada rakyat.

Dalam keadaan sekarang ini, kita lihat rakyat di luar bandar menghadapi suatu tekanan yang hebat apabila kejatuhan harga getah, harga kelapa sawit dan begitu juga ditekan dengan kenaikan setengah daripada harga barang-barangan, maka ini merupakan satu perkara yang patut diambil kira oleh pihak pemerintah.

Ketidakadilan ini juga bukan setakat itu sahaja, kita lihat bagaimana dalam negara kita yang mendakwa satu negara yang adil, yang mesra rakyat, satu belanjawan yang mengambil berat kepada semua pihak, kenapakah kita melihat bagaimana geran peruntukan wajib untuk dua negeri yang diperintah oleh pembangkang sentiasa dilewat-lewatkan. Kadang-kadang di akhir Disember, akhir tahun baru dibayar. Ini merupakan suatu kezaliman, penganiayaan kepada jutaan rakyat yang mana mereka juga adalah rakyat Malaysia.

Dalam keadaan inilah maka kita mengharapakan supaya kerajaan memberi suatu penyelesaian yang baik supaya tidak timbul suatu masalah sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, masalah yang berlaku di Lunas. Sebenarnya apa yang berlaku di Lunas

Datuk Haji Karim Ghani: Tuan Yang di-Pertua, minta sedikit penjelasan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Saya tidak beri jalan, sebab tinggal sedikit sahaja lagi. Tidak beri laluan. Sebagaimana apa yang berlaku di Lunas, banyak Yang Berhormat yang telah menyebut persoalan Lunas ini sejak daripada hari semalam, jadi kita boleh melihat sebenarnya kalau di Lunas sebelum pilihan raya tidak ada jalan raya, tetapi semingggu hendak pilihan raya, jalan nya siap, kenapa

pembangunan datang apabila Yang Berhormat meninggal, baru pembangunan datang. Ini suatu persoalan dan rakyat sekarang ini sudah tidak boleh dimomokkan dengan benda, walaupun diberi beraskah, diberi apa, rakyat hendak kepada keadilan.

Jadi, kalau kita lihat di sini, apa insiden yang berlaku, saya tidak menyokong keganasan, saya tidak menyokong satu perkara sikap-sikap yang keterlaluan, saya tidak menyokong, tetapi apa rasionalnya kedatangan berbelas-belas bas, 17 bas atau 14 bas datang di hari mengundi, kalau benar-benar mereka hendak menolong parti Barisan Nasional, kenapa mereka tidak datang dua, tiga hari untuk sama-sama berkempen. Ini merupakan satu curiga yang sangat mendalam di kalangan mereka, jadi sebab itulah sebagai kerajaan atau kita semua, kita kena perhatian perkara ini supaya di masa akan datang tidak timbul suatu keadaan

Datuk Haji Karim Ghani: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta laluan?

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:rakyat yang akan menolak sehingga berlaku sebagaimana yang di Lunas, mengejutkan semua pihak.

Jadi, sekadar itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan M. Ratnam: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia sudah habis, tak payah laluan. Yang Berhormat Puan Jamilah.

3.35 ptg.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebenarnya saya tidak berhajat bercakap lagi, sebab nampak sangat dua-duanya dari Kelantan, tetapi apa boleh buat, kerana saya memberi peluang seminit meninjau, tidak ada yang bangun, saya pun bangunlah. Walau bagaimanapun, mungkin idea dan isi kandungan kami seimbang, mungkin ayat-ayatnya yang berlainan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya berpeluang untuk mengambil bahagian pada hari ini. Sebagaimana yang kita ketahui umum, ekonomi negara telah dikatakan pulih dan semakin bertambah baik atau pertumbuhannya sangat memberangsangkan, oleh itu sekiranya berita yang dikhabarkan itu benar, mengapakah pihak kerajaan begitu lambat untuk membuat keputusan sama ada akan memberi bonus atau tidak kepada kakitangan kerajaan.

Saya ingin menyeru kepada kerajaan agar tidak berfikir panjang untuk memberi bonus tersebut kerana kakitangan kerajaan hanya bergantung kepada gaji bulanan semata-mata. Memandangkan pada hujung tahun ini kita umat Islam akan menyambut hari raya, di samping pada awal bulan Januari pula, anak-anak akan mula bersekolah semula, maka sudah pasti ibu bapa terpaksa berbelanja lebih untuk tujuan tersebut.

Sehubungan itu, amatlah tidak kena sekiranya pihak kerajaan tidak meluluskan bayaran bonus tersebut dengan secepat mungkin. Jadi, di sini saya menyeru kepada pihak kerajaan agar segera memberi bonus bagi membantu meringankan

Datuk Haji Karim Ghani: Tuan Yang di-Pertua, ..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan, beri jalan atau tidak?

Datuk Haji Karim Ghani: Adakah Kerajaan Negeri Kelantan dan Kerajaan Terengganu membayar bonus kepada kakitangan kerajaan negeri pada tahun ini?

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih. Saya tidak mempunyai fakta mengenai soalan itu, tetapi cukuplah apa yang diberitahu oleh kawan saya tadi bahawa kelewatan Kerajaan Pusat membayar geran kepada Kerajaan Kelantan.

Saya merayu kepada pihak kerajaan agar segera memberi bonus bagi membantu meringankan bebanan yang ditanggung oleh ibu bapa lebih-lebih lagi yang mempunyai ramai anak yang bersekolah.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita berhadapan dalam masalah keruntuhan akhlak di kalangan remaja. Pusat-pusat hiburan dan sebagainya telah menjalankan aktiviti yang boleh meruntuhkan akhlak sama ada para remaja ataupun di kalangan orang-orang dewasa sendiri. Kita amat dukacita dengan Pesta Buih yang dianjurkan di Bangsar baru-baru ini. Iklan yang dipaparkan sungguh-sungguh memalukan. Tetapi apakah tindakan yang dikenakan kepada penganjur pesta tersebut? Adakah memadai dengan mengenakan denda hanya RM2,000 sahaja? Kenapa tidak diberhentikan atau digantung sahaja lesen penganjur pesta tersebut kerana aktiviti-aktiviti yang dianjurkan seperti ini benar-benar memberi kesan yang negatif kepada masyarakat, apatah lagi kepada anak-anak muda dan remaja kita.

Di sini saya ingin menyeru kepada kerajaan agar mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap pengusaha-pengusaha pusat-pusat hiburan dan sebagainya yang didapati telah melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Di sini saya juga tertarik untuk menyentuh berkaitan dengan program yang disiarkan di televisyen sekarang. Program-program yang ditayangkan termasuklah drama-drama yang disiarkan kebanyakan tidak begitu membantu dalam peminda han minda atau peningkatan ilmu yang positif. Kita semua sedia maklum bahawa televisyen merupakan media yang begitu terpengaruh kepada perkembangan minda, emosi dan personaliti ataupun akhlak.

Di sini saya ingin menyeru agar penyiaran program televisyen termasuk drama dan sebagainya menjurus kepada pembentukan akhlak dan sahsiah serta pengisian ilmu yang lebih bermoral. Kita juga amat dukacita dengan iklan-iklan yang disiarkan di televisyen di mana kebanyakan iklan yang disiarkan mempamerkan wanita yang sepatutnya kita memelihara mereka, tidak sepatutnya wanita dijadikan sebagai bahan pelaris jualan. Saya amat mengharapkan kepada kementerian yang berkenaan agar mengambil langkah-langkah yang sewajarnya supaya wanita tidak lagi dijadikan bahan pelaris barangan pada masa akan datang.

Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk menyeru kepada HAWA agar mengambil langkah-langkah proaktif untuk mempertahankan maruah wanita yang dijadikan pameran sama ada di televisyen dan juga di papan-papan iklan dan seterusnya di majalah-majalah hiburan yang tumbuh begitu menggalakkan di pasaran sekarang.

Pengeluaran majalah-majalah yang menjolok mata seharusnya disekat dan dibanteras dari sekarang. Pihak Kementerian Dalam Negeri sepatutnya perlu mengkaji semula syarat-syarat ataupun garis panduan termasuklah istilah-istilah bahan lucah yang tidak bermoral supaya majalah-majalah yang memaparkan gambar wanita yang menggiurkan serta mendedah sebahagian anggota tubuh badan sepatutnya disekat dan tidak harus berada di pasaran. Kita perlu peka terhadap kesan-kesan atau pengaruh bahan-bahan bacaan tersebut dalam pembentukan akhlak anak-anak muda generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya tertarik untuk menyentuh isu berkenaan Kementerian Kesihatan. Mutakhir ini kita amat dukacita kerana begitu banyak kejadian amuk, pembunuhan yang tidak dirancang berlaku di negara kita. Orang awam termasuk kanak-kanak menjadi mangsa kepada pesakit mental ataupun pesakit jiwa. Kementerian Kesihatan dicadangkan supaya lebih peka terhadap akibat dan kesan sekiranya pesakit jiwa dibiarkan bebas di rumah tanpa pengawalan ataupun menempatkan mereka di hospital sehingga mereka sembuh.

Saya amat terperanjat apabila mendapat maklumat bahawa di negara kita ini terdapat hanya 60 orang pakar psikiatri penyakit mental kronik di mana jumlah ini tidak mencukupi jika dibandingkan dengan jumlah pesakit sekarang. Oleh itu, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sumber Manusia perlu berusaha untuk menambah bilangan doktor ataupun pakar psikiatri bagi menampung keperluan pesakit mental sekarang. Saya juga mencadangkan supaya Akta Mental 1992 dikaji semula bagi menyesuaikan dengan keperluan dan tuntutan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah diperjelaskan berulang-ulang kali tentang usaha Kementerian Pendidikan untuk menyediakan pelajar yang celik komputer, celik IT melalui perwujudan sekolah bestari. Di sini saya ingin membawa Yang Berhormat sekalian untuk memikirkan tentang dasar pendidikan sekarang. Kita amat bimbang akan wujudnya jurang yang luas di antara kemudahan pendidikan di kawasan luar bandar dan di bandar berdasarkan tinjauan-tinjauan yang pernah saya bertanya pihak-pihak yang berkenaan, didapati kebanyakan sekolah-sekolah di kawasan luar bandar masih ada yang daif.

Kemudahan infrastrukturnya yang masih tidak mencukupi dan masih banyak lagi keperluan seperti rumah-rumah guru, apatah lagi untuk menikmati kecanggihan komputer atau Internet. Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar kerajaan memberi peruntukan dan perhatian yang lebih kepada sekolah-sekolah di luar bandar nun di pedalaman sana agar anak-anak di kawasan tersebut juga dapat menikmati kemudahan pendidikan yang setara dengan apa yang dinikmati oleh anak-anak di kawasan bandar.

Sudah tiba masanya agar keputusan peperiksaan yang cemerlang di kawasan luar bandar dijadikan ukuran bukan keputusan cemerlang di bandar kerana di bandar

mempunyai infrastruktur yang cukup, tuisyen disebabkan kemampuan oleh keluarga dan penjaga. Dan juga bahan-bahan bacaan kelas-kelas pengayaan dan sebagainya yang sedia wujud di persekitaran kota berbanding dengan desa.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh isu berkaitan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Ilmu dan maklumat kepenggunaan amat terhad di kalangan masyarakat umum sekarang. Begitu juga pengguna kadangkala tidak mengetahui hak mereka sebagai pengguna di sisi undang-undang. Di sini saya ingin mendapat penjelasan, apakah peranan yang dilaksanakan oleh pihak kementerian untuk memberikan pendidikan kepenggunaan kepada pengguna. Di samping itu, saya ingin mencadangkan kepada kementerian agar membuat pengawasan dan pemantauan yang berterusan terutama sekali apabila kerajaan mengumumkan kenaikan, memperolehi bonus atau pada musim-musim perayaan.

Saya membuat andaian ini iaitu duit belum diperolehi, baru sahaja diumumkan tetapi peniaga-peniaga terus menaikkan harga barangan walaupun barangan tersebut stok lama dan tidak melibatkan apa-apa penambahan dari segi kos. Di sini saya menyeru kepada kementerian agar mengambil tindakan tegas terhadap peniaga-peniaga yang menaikkan harga-harga barang secara sewenang-wenang kerana Hari Raya dan Hari Krismas akan disambut tidak lama lagi. Sekarang sudah pasti pengguna-pengguna akan berpusu-pusu ke pusat membeli-belah bagi memenuhi keperluan perayaan tersebut. Pada ketika inilah kita dapati jualan-jualan murah, cheap sale akan wujud di kebanyakan gedung-gedung perniagaan. Kita mengharapkan jualan murah ini benar-benar kos jualan yang lebih rendah daripada kos asalnya tanpa berlaku sebarang penipuan. Oleh itu saya amat mengharapkan agar kementerian meningkatkan operasi supaya di samping 13 barang kawalan, barang-barang keperluan lain juga dijual pada harga yang munasabah dan jualan murah yang dicanangkan tidak hanya pada nama sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berkenaan Tabung Haji. Isu Tabung Haji telah pun beberapa hari kali dihebahkan di dalam akhbar iaitu berkaitan pelaburan untuk membeli saham MAS. Saya amat mengharapkan agar duit Tabung Haji iaitu duit simpanan rakyat yang disimpan sedikit demi sedikit atas

tujuan untuk menunaikan fardu haji tidak disalahgunakan untuk membantu syarikat-syarikat yang bermasalah. Duit yang disimpan di Tabung Haji merupakan satu amanah yang wajib dijaga dengan baik agar kredibiliti Tabung Haji yang bertanggungjawab menguruskan bakal-bakal haji tidak akan tergugat.

Saya ingin memohon penjelasan di sini kerana Tabung Haji melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti pelaburan di pelbagai sektor sama ada di dalam ataupun di luar negara. Berapakah jumlahnya pelaburan mengikut sektor, dan apakah jaminan supaya pelaburan yang dilaksanakan tidak melibatkan unsur-unsur riba, tidak halal dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, isu Sekolah Wawasan yang saya hanya menyentuh sedikit sahaja yang dicadangkan dan dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan. Saya merasa pelik, kenapa Sekolah Wawasan ini tidak mendapat kata sepakat dari pihak-pihak yang terlibat. Adakah ini disebabkan dan membuat sesuatu dasar Kementerian Pendidikan tidak membuat kajian yang mendalam atau tidak mendapat maklum balas dari masyarakat umum terlebih dahulu kerana pendidikan merupakan perkara penting yang melibatkan keseluruhan rakyat. Oleh itu di sini, saya ingin mencadangkan supaya kementerian sepatutnya mendapatkan sokongan dari masyarakat umum terlebih dahulu sebelum dilaksanakan. Walau bagaimanapun, hasrat kerajaan untuk mengintegrasikan kaum melalui pendidikan adalah positif. Tetapi pada perlaksanaannya dan tindakan kerajaan pada sebahagian rakyat menampakkan dasar perpaduan kaum itu tidak sebegitu subur, dengan pewujudan tindakan diskriminasi terhadap golongan-golongan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik untuk menyentuh berkaitan pendapatan para petani kita. Sebagaimana yang kita maklum, baru-baru ini berlaku banjir di beberapa tempat di seluruh negara di mana tanaman-tanaman padi ditenggelami air, tentu sekali pendapatan penanam-penanam padi terlibat dan terjejas. Di sini saya berharap kepada pihak Kementerian Pertanian serta agensi-agensinya yang terlibat untuk memberi bantuan bagi melaksanakan kerja-kerja dengan lebih profesional tanpa diskriminasi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri pandangan saya, di sini saya ingin menyentuh berkenaan isu wang ihsan. Mengikut fahaman saya, ihsan dalam

perspektif maknanya ialah bekerja dalam bentuk sukarela dan diberi kepada mereka yang memerlukan tanpa sebarang perjanjian. Apa yang berlaku di negeri Terengganu, adalah merupakan satu perjanjian yang telah dilaksanakan lebih 20 tahun berlalu, pembayaran royalti, perjanjian di antara Petronas dengan negeri Terengganu. Sekarang perjanjian ini tidak teruskan bahkan ditubuhkan sebuah jabatan yang menjalankan tugas-tugas kerajaan negeri yang dipilih oleh majoriti rakyat. Saya ingin mencadangkan supaya sekiranya kerajaan pusat benar-benar mempunyai sifat ihsan, bantulah dan bantulah negeri-negeri yang memerlukan bantuan seperti Perlis, Kedah, Kelantan dan juga negeri-negeri lain. Ini lebih baik lagi kalau pihak kerajaan pusat dapat menghapuskan hutang-hutang kerajaan negeri kepada kerajaan pusat sebagaimana satu ihsan di dalam menempuhi agenda baru, abad baru.

Saya rasa setakat itu sahajalah pandangan saya di dalam membahaskan Belanjawan 2001 dan saya turut menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

3.53 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. saya juga ingin mengambil bahagian di dalam perbincangan Perbelanjaan 2001. Saya ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan di atas usaha-usaha mereka untuk memberi beberapa galakan yang penting bagi pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat bagi pembangunan negara yang lebih berkesan dan juga menggalakkan sektor kita lebih giat lagi dalam ICT. Seperti contoh, saya menyentuh tentang galakan untuk memberikan komputer kepada seseorang pekerja itu oleh syarikat. Ini tidak akan dianggap sebagai satu manfaat berupa barangan.

Oleh yang demikian, maka ini akan menggalakkan lebih syarikat itu membeli komputer kepada pihak pekerjanya. Saya difahamkan di negeri Pulau Pinang, apabila pengumuman semacam ini telah dibuat maka satu syarikat iaitu Intel telah memberikan komputer kepada seseorang itu berharga RM15,000, seseorang pekerja itu berhak mendapat RM15,000 komputer untuk penggunaan sendiri. Dan, layanan ini bukan sahaja diberikan kepada pekerja-pekerja yang ada tetapi bagi mereka yang telah tamat perkhidmatan dengan syarikat itu pun menikmati satu kemudahan seperti ini. Ini adalah satu galakan yang baik bagi saya, yang diberi oleh kerajaan dan saya

berharap banyak lagi kilang-kilang, banyak lagi syarikat-syarikat akan mengambil kesempatan ini untuk memberikan satu kemudahan supaya pada satu masa nanti kita akan meningkatkan lagi pengalaman dan pengetahuan kita dalam sektor ini. Jadi, galakan dalam cadangan perbelanjaan itu, saya sangat mengalu-alukan kerana kebaikannya tentu ada.

Saya juga amat tertarik kepada cadangan perubatan iaitu seseorang itu berhak dapat menghapuskan cukai pendapatan sebanyak RM500 setahun untuk pemeriksaan kesihatan. Saya sangat mengalu-alukan cadangan ini kerana ini merupakan satu tindakan pencegahan iaitu sebelum sesuatu masalah itu berlaku apabila kita menggalakkan seseorang itu mendapatkan pemeriksaan tahunan, maka apa masalah yang mungkin wujud pada satu masa nanti sudah kita dapatnya pada awal dan sebelum ia menjadi serius.

Cadangan RM500 setahun itu akan membolehkan seseorang itu masuk ke hospital, mungkin duduk sana satu, dua hari untuk mendapatkan satu pemeriksaan yang cukup supaya semua masalah yang ada itu telah diuji dan selepas itu mereka dapat perubatan yang sesuai. Sungguhpun penggalakan ini hanya dihadkan kepada RM500 satu tahun, ini merupakan satu permulaan yang baik. Saya harap pada tahun-tahun yang akan datang, perkara ini harus dikaji dan kalau sesuai maka amaun yang diperuntukkan iaitu RM500 itu boleh ditingkatkan kepada satu amaun yang lebih sesuai.

Satu lagi langkah yang sangat saya mengalu-alukan ialah potongan cukai bagi pemberian biasiswa oleh syarikat. Ada dicadangkan bahawa seseorang itu berhak mendapat biasiswa daripada syarikat sekiranya pendapatan rumah itu kurang daripada RM5,000 dan juga sekiranya pelajar berkenaan tidak mendapat apalagi pendapatan iaitu, syarikat-syarikat boleh memberikan biasiswa kepada pelajar ini dan biasiswa itu akan dipotong cukai yang diberikan kepada syarikat. Saya harap langkah seperti ini akan menggalakkan lebih syarikat memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar di sini dan dengan berbuat demikian maka masyarakat kita bolehlah meningkatkan pendidikan mereka ke peringkat ijazah dan ini akan menambah lagi sumber manusia kepada negara, kepada pembangunan negara dan perkhidmatan sosial di dalam negara kita.

Saya harap galakan-galakan ini akan diumumkan dengan seluas-luasnya bukan sahaja syarikat-syarikat besar tetapi syarikat-syarikat kecil juga boleh memberikan insentif ini mungkin kepada pekerja-pekerja mereka atau kepada anak-anak pekerja mereka sebagai satu permulaan. Kalau ini dapat dibuat maka

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh, minta maaf satu minit untuk berhenti.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(1) sekarang saya menjemput Tuan Haji Gapar bin Gurrohu untuk mempengerusikan Majlis Mesyuarat.

[Tuan Haji Gapar bin Gurrohu *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Baik, sila.

Dato' Dr Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tadi telah menyentuh tentang pemberian biasiswa oleh syarikat kepada seseorang pelajar itu dan pemberian biasiswa ini layak diberi potongan cukai. Dengan langkah ini saya sangat berharap bahawa lebih banyak syarikat akan mengambil kesempatan sebagai satu galakan kepada pekerja mereka. Kalau mereka pilih anak-anak pekerja mereka dan berikan biasiswa ini maka bukan sahaja pekerja itu akan menghargai tindakan syarikat itu tetapi mungkin akan tinggal lebih lama dalam syarikat itu untuk menikmati kemudahan semacam ini dan saya harap semua pihak akan memberitahu sesiapa yang ingin menyumbang kepada galakan ini supaya ia dapat diperluas kepada lebih ramai rakyat kita.

Saya juga ingin menyentuh tentang galakan yang diberi dalam perbelanjaan ini untuk membawa balik rakyat Malaysia yang mempunyai kepakaran khusus. Dalam ucapan kepada Dewan pada pagi ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan ada menyenaraikan semua insentif itu dan tidak payahlah saya menyentuh tentang itu kerana beliau telah sebutkan satu demi satu tentang insentif-insentif demikian. Apa yang saya ingin menyentuh hanya dari segi pelaksanaan, cara pelaksanaan ini supaya kita dapat mempelawa balik rakyat Malaysia yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara dan yang boleh memberi lagi banyak perkhidmatan kepada negara kita iaitu, cara bagaimana mereka boleh dibawa balik. Ada dicadangkan bahawa satu jawatankuasa khas ditubuhkan untuk maksud ini. Biasanya apabila kita mendengar ada galakan-galakan tertentu maka apabila sampai ke peringkat

perlaksanaan selalu ada banyak masalah mungkin imigresen kata ini tidak betul, mungkin kastam kata ini tidak betul, mungkin pihak lain kata ini tidak boleh, mungkin kesihatan kata ini tidak boleh dan sebagainya. Jadi, ada dicadangkan satu jawatankuasa khas ditubuhkan tetapi apa bila sampai ke pelaksanaan seorang itu balik ke negara kita dan mungkin dia tunggu empat bulan, lima bulan masih tidak dapat apa jawatan tetap.

Saya ada satu contoh baru-baru ini di negeri Pulau Pinang, seorang rakyat itu dengan satu kepakaran yang khusus dan mustahak kepada negara kita telah balik dari Australia oleh kerana beliau rasa boleh menyumbang kepada negara kita. Beliau telah menjual rumah dan sebagainya dan balik ke sini dan apabila sampai sini tunggu selepas enam bulan masih tidak dapat apa-apa pekerjaan. Sungguhpun kita kata kepakaran itu sangat penting, beliau telah membuat permohonan kepada Kementerian Kesihatan kerana kepakarannya ialah dalam bidang perubatan. Tetapi selepas menunggu, tiba-tiba tidak dapat apa dan selepas itu dia telah kembali ke Australia. Ini merupakan satu kerugian yang besar kepada negara kita. Sungguhpun kita ada cadangan-cadangan yang baik tetapi dari segi pelaksanaan macam mana ini boleh dilaksanakan. Kalau kita tubuhkan satu jawatankuasa khas ini, adakah jawatankuasa khas ini diberi kuasa dengan serta-merta menawar kepada orang ini satu pekerjaan bila ia balik dan kita telah pastikan bahawa kepakaran itu sangat khusus kepada negara kita dan sangat diperlukan di dalam negara kita. Kalau kita boleh berbuat demikian, maka ada harapan bahawa ini boleh dilaksanakan dengan baiknya. Banyak daripada orang ini mereka tidak bergantung kepada pendapatan sahaja kerana pada mereka, mereka ada fahaman nasionalisme, mereka hendak balik untuk menyumbang kepada negara tetapi apabila menghadapi masalah-masalah seperti yang saya sebutkan, maka mereka kena memikir tiga, empat kali sebelum datang ke sini apabila mendengar cerita-cerita daripada kawan-kawan mereka ini akan menjadi satu *disincentive* bukan satu *incentive* tetapi sebaliknya tidak akan menggalakkan mereka balik ke sini.

Kita pun tahu dari segi gaji dan ganjaran lain mungkin di sini tidak begitu banyak kalau dibandingkan dengan apa yang mereka telah dapat di tempat-tempat yang mereka sedang bekerja. Tetapi oleh kerana rasa cinta kepada negara mereka

telah rela balik ke sini untuk menyumbang kepada negara dan oleh kerana itu, saya haraplah bukan sahaja sebutkan, senaraikan sepuluh insentif tetapi apabila datang, tunggu satu hari di sini, tunggu dua hari di sana, tidak dapat tawaran, menghadapi banyak masalah sehingga mereka pun tidak mahu menyumbang lagi kepada negara kita.

Saya berharap jawatankuasa khas yang ditubuhkan ini akan diberi kuasa-kuasa tertentu untuk membuat keputusan yang cepat untuk mengkaji kes-kes dengan teliti dan untuk memberi tawaran tanpa merujuk kepada birokrasi ini, birokrasi sana, sehingga melambat-lambatkan proses ini.

Saya juga ingin menyentuh tentang pelepasan cukai *individual* untuk tujuan yuran pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi Tempatan. Pada masa kini, pelepasan ini hanya RM2,000 tetapi ada dicadangkan bahawa itu akan ditingkatkan kepada RM5,000. Bagi saya, ini adalah satu cadangan yang amat baik dan ini akan menggalakkan lagilah lebih orang mengambil kesempatan ini untuk melanjutkan pelajaran ini ke Institusi Pendidikan Tinggi Tempatan. Tetapi apa yang mungkin menjadi masalah kalau ini juga boleh diatasilah ialah demikian. Pada satu peringkat kita menggalakkan kata kalau seseorang itu guna duit sendiri untuk melanjutkan pelajaran maka berhak mendapat RM5,000 setahun sebagai pelepasan cukai individual. Kalau ramai mendapat ini dan mereka telah ke Institusi Pengajian Tinggi dan telah mendapatkan ijazah-ijazah tertentu dan mungkin mereka telah korban dari segi tidak mendapatkan apa-apa bantuan mungkin kena dapat pelepasan kerja itu tanpa gaji dan sebagainya untuk mengikuti ini. Kalau mereka berbuat demikian dan selepas itu dapat ijazah dan bila balik ini tidak diakui, mereka masih memegang jawatan yang lama itu. Minggu yang lalu, kita telah mendengar jawapan daripada Kementerian Pendidikan tentang berapa banyak guru yang telah melanjutkan pelajaran mereka telah mendapatkan ijazah tetapi apabila balik ke sekolah tidak ada jawatan. Mereka masih dapat *post* yang lama dan dari bilangan yang disebutkan itu lebih kurang 2,000 guru telah mengambil kesempatan ini untuk melanjutkan pelajaran tetapi apabila hanya 1,000 lebih sahaja yang dapat tawaran untuk jawatan yang lebih tinggi. Bagi yang lain, mereka masih tidak dapat apa-apa. Bagi saya ini mungkin tidak diselaraskan. Kalau kita bagi insentif ini di mana katakan sekarang 2,000, pada

tahun hadapan boleh dapat potongan pelepasan 5,000 ini merupakan satu galakan yang baik. Tetapi apabila mengambil kesempatan ini telah menikmati kemudahan ini apabila balik nanti tidak ada *post* mereka masih kekal di jawatan yang lama dan kalau ini selalu berlaku maka ini jugalah satu *disincentive* kepada sesiapa yang ingin menceburi diri dalam perkara ini untuk melanjutkan pelajaran.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Ya, ada laluan Yang Berhormat.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Minta laluan Tuan Yang diPertua. Memandangkan keadaan ini mengenai guru yang telah mendapat kelulusan ijazah daripada universiti-universiti bukankah ini satu keadaan yang tidak memberi insentif untuk guru-guru dan mereka yang boleh menyumbang kepada ekonomi. Bukankah ini akan terjejas penubuhan k-ekonomi di negara kita? Apakah pendapat Yang Berhormat Dato'.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih atas pertanyaan itu. Bagi saya apa yang penting ialah seseorang itu telah rela berkorban kerana banyak daripada mereka ini yang mengambil kesempatan untuk melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi itu telah ada keluarga, tanggungan tertentu dan apabila mereka mengambil kesempatan untuk menghentikan pekerjaan mereka buat sementara waktu dan terus pengajian tinggi ini bagi saya ini sudah menjadi satu cabaran dan satu pengorbanan daripada mereka dan sama ada ini akan menguntungkan sesuatu sektor atau sektor yang lain bagi saya itu tidak begitu penting kerana dari segi sumber manusia itu yang penting. Kita sekarang menuju ke Wawasan 2020 dan bila kita hendak sampai ke sana apabila kita telah merancang ini sama ada kita mencapai atau tidak, ini semua terpulanglah kepada diri sendiri iaitu, kepada rakyat.

So, bagi saya kalau sesiapa itu akan menyertai skim ini ada satu kebaikan tetapi dari segi sama ada ini atau sektor lain tetapi mungkin kita tidak perlu kira begitu banyak asalkan mereka telah meningkatkan pengetahuan, taraf mereka dan mereka dapat menyumbang kepada negara. Tetapi yang penting kita mesti menentukan tidak ada halangan kepada sesiapa yang ingin berbuat demikian dan apabila mereka telah berkorban mereka tentu harap apabila sudah berjaya, sudah dapat ijazah mereka akan diberi satu jawatan yang sesuai dengan kelayakan mereka dan bukan balik seseorang,. katakan seseorang sekarang dia Pembantu Teknik,

apabila dia telah mendapat ijazah, sekarang dia sudah menjadi Jurutera tetapi bila balik dia masih Pembantu Teknik. *So*, bagaimana dia ada minat untuk menyumbang kepada jabatannya. Tentu sekarang dia carilah peluang hendak lari ke sektor-sektor lain. *So*, semasa kita mengambil kira perkara ini, kita juga kena lihat ke hadapan supaya seseorang itu apabila dia balik nanti, dia dapat satu hadiah, kalau kita mahu sebutkan hadiah, yang bersesuaian dengan pengalaman orang inilah. Jadi sungguh pun saya sangat mengalu-alukan perlepasan sebanyak RM5,000 ini.....

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Yang Berhormat Dato', ada laluan.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Beri laluan. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat bila Yang Berhormat sedang membincangkan tentang kegunaan tenaga manusia yang begitu baik, mengetahui bahawa apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan, Tun Dato' Daim Zainuddin, dalam membentangkan Belanjawan, dia menyebut juga tentang penyelidikan dan pembangunan. Insentif diberi tetapi kedudukan menyeluruh dalam negara tentang penyelidikan dan pembangunan adalah begitu mengecewakan. Jadi, timbul ilham semasa Yang Berhormat bercakap tadi dan disebut oleh Yang Berhormat Dr. Marimuthu, pada saya bagaimana pandangan Yang Berhormat kalau sekiranya jabatan yang berkenaan dijadikan sebagai suatu polisi galakan untuk meneruskan penyelidikan dan pembangunan.

Oleh kerana dia ini mempunyai pengalaman pengetahuan yang lebih, luar negara dia nampaknya lebih, balik pulang kalau tempat yang sama macam Yang Berhormat sebut, saya bersetuju. Jadi, mengambil peluang ini kerajaan memberi ruang untuk dia menggunakan pengetahuan dan pendidikan yang tinggi itu untuk menjalankan satu projek khas yang dia rasa boleh menyumbang dan ini kalaulah dibayangkan ada 100 orang balik dengan kepakaran tinggi dan dia mulakan projek kecil mengikut kepakaran dia sendiri, mungkin ini sebenarnya menyumbang untuk mewujudkan budaya R&D. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang bersetuju bahawa apabila seseorang yang mempunyai kepakaran tinggi itu balik ke sini, adalah lebih baik kalau orang ini diberi banyak kemudahan supaya idea-idea dan pengalaman-pengalaman dia itu boleh digunakan di sini. Kalau seseorang yang mempunyai kepakaran yang khusus itu balik ke sini dan ia dapati kemudahan ini

tiada, kemudahan itu tiada, dia balik sahaja dan dia tidak digunakan dengan sepenuhnya untuk menyumbang kepakaran kepada negara, lebih baik dia berada di luar negara.

Selaras dengan menggalakkan orang ini balik, kita juga mesti memastikan ada jawatan-jawatan yang sesuai bagi orang ini dan adalah lebih baik kalau orang ini dibawa balik sebagai seorang yang akan melatih orang-orang tempatan kita supaya tahap pengetahuan kita dalam sesuatu perkara itu dapat ditingkatkan supaya semua pihak mungkin akan datang ke sini untuk belajar daripada orang yang telah balik ke sini dan mungkin harapan kita bahawa Malaysia akan mengeluarkan seorang yang akan dapat satu *Noble Prize* itu akan menjadi kenyataan.

Perdana Menteri kita telah menyatakan kenapa kita tidak boleh mendapat *Noble Prize*. Pada saya memang kita ada kepakaran-kepakaran tertentu yang boleh membawa kita ke tahap itu, tetapi apa yang menjadi masalah di sini kalau dari segi kemudahan, dari segi galakan, mungkin orang yang balik ke sini akan diberi satu jawatan pentadbiran dan tentu akan kehilangan kepakarannya. Kalau dia balik dan kita ada satu unit yang telah ditubuhkan dan sebagainya, maka ini tentu boleh dilakukan. Sebagai contoh, di satu hospital di Pulau Pinang, mereka telah jempuit balik seorang pakar perubatan. *So*, apabila orang ini balik sahaja, dia telah meninjau kelengkapan-kelengkapan yang ada dan dia telah dapati banyak yang menjadi peralatan biasa di tempat luar negeri, di hospital itu tidak ada. Oleh kerana itu dia telah membuat cadangan dan hospital itu telah memberi satu peruntukan sebanyak RM2 juta bagi dia membeli peralatan-peralatan yang mustahak itu.

Dengan itu, maka hospital itu sekarang telah menjadi satu pusat yang penting kerana kelengkapan itu dan banyak orang telah datang ke hospital ini untuk mendapat rawatan. Oleh kerana hospital ini telah bersetuju, sekarang peralatan ini tidak ada tetapi oleh kerana ini sangat mustahak, maka kita belanja. Ini sebagai contohlah. Kalau kita ikut idea ini dan apabila orang ini balik, ia diberi kemudahan-kemudahan tertentu seperti ini, maka itu tentu akan menjadi satu galakan kepada dia untuk balik.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Ya, laluan Dato'.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli : Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya amat tertarik dengan contoh kejayaan tadi. Saya rasa perbincangan tentang R&D dan

peluang untuk *brain power* untuk memanfaatkan dengan maksimum untuk kebaikan negara kita amat baik. Oleh kerana itu, saya ingin bertanya pendapat Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa *environment* suasana kita sekarang, cara pentadbiran kita sekarang, iklim pekerjaan kita sekarang, struktur pekerjaan kita sekarang tidak memungkinkan *success story* yang satu itu jadi di banyak tempat. Saya tertarik dengan contoh tadi, bayangkan apa pendapat Yang Berhormat Dato' kalau sekiranya kita wujudkan suasana di seluruh negara, mungkin 10 tempat, mungkin 20 tempat secara terancang dalam bidang-bidang yang lain seperti pendidikan, elektronik, pertanian, angkasa lepas dan sebagainya di mana *we design that future*, dengan izin, supaya adalah tempat bagi mereka menggunakan pengetahuan tadi.

Jadi, saya rasa saya sebenarnya hendak berbincang juga tajuk ini dalam perbahasan saya sendiri, tetapi kerana “tercuit” oleh Yang Berhormat Dato' menyebut *success story* yang begitu baik, pada saya relevan saya sebut sekarang dan ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Dato' sendiri. Boleh jadi message umpamanya kepada pertubuhan seperti MIMOS yang kita tahu diwujudkan oleh kerajaan untuk menjalankan R&D untuk negara. Apakah peranan MIMOS, R&D patut menjadi *the master planner* untuk yang saya sebut tadi. Cukuplah itu. Saya cakap, saya pula bahas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih atas pertanyaan itu. Adalah benar bahawa untuk syarikat-syarikat swasta senang bagi mereka berbuat demikian tetapi malangnya di pihak kerajaan adalah sukar bagi penukaran minda dan sebagainya terhadap perkara ini.

Sebagai satu contoh lagi kerana ini telah ditanya, sebagai contoh, di satu syarikat di Pulau Pinang dan yang menjadi suatu pusat penyelidikan, ini adalah satu multinational company (MNC) dan mereka telah pilih Pulau Pinang sebagai pusat penyelidikan mereka. Bagi mereka apabila mereka telah menyelidik satu teknologi, itu hanya untuk satu masa mungkin enam bulan. Dalam masa enam bulan itu, mereka mesti sampai ke peringkat pengeluaran selepas menyelidik, kena buat dan kena jual dalam masa enam bulan itu.

So itu satu masa yang singkat kerana selepas enam bulan itu, sudah tiba teknologi baru. Apabila mereka memohon lesen daripada kementerian untuk buat ini, buat itu, mereka diberitahu bahawa permohonan lesen ini kena ambil masa sekurang-kurangnya lapan bulan. Jadi, bagaimana mereka boleh mengikut perkembangan teknologi yang begitu pesat dalam tempoh enam bulan kena selidik, kena buat, kena jual dalam masa itu kerana selepas enam bulan itu mereka tutup kilang itu dan ke teknologi baru dan mungkin menjualkan teknologi itu kepada satu syarikat yang tidak begitu penting kerana di dunia persaingan begitu hebat maka mereka kena tukar.

So, ini menjadi satu masalah kalau pihak kerajaan masih tidak memikirkan dan tidak mengetahui masalah-masalah mereka. Apabila mereka datang ke sini minta ini, oh, ini tidak boleh, ini kena ambil masa tiga bulan, dua bulan, empat bulan sehingga mereka tidak boleh buat. *So*, bagi saya kalau kita benar-benar mahu maju ke hadapan, kita patut tukar minda kita. Sekarang apabila kita dengar ICT, kita selalu ingat Bangalore, India. Sebelum ini siapa ada dengar Bangalore? Bangalore bukan satu tempat yang mustahak di India tetapi sekarang dalam era IT ini, sana sudah menjadi satu pusat.

Kepada maklumat yang diberi kepada saya itu lebih penting daripada Silicon Valley. Dan tidak lama lagi di dunia ini dua negara jiran kita yang akan berada di hadapan dalam perkara ICT ini ialah India dan China. Dan kalau kita tidak berkembang sama pesat seperti mereka maka kita akan ketinggalan dan kita mungkin dapat teknologi generasi ketiga, generasi keempat tetapi orang sudah ke hadapan. Kalau kita ada satu skala satu, dua, tiga, empat, lima, Bangalore mungkin sudah dekat lima. Kita masih mungkin di satu atau dua skala sahaja. *So*, kita betul-betul perlukan usaha ini kalau kita hendak maju.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Datuk Ghazi minta laluan. Jemput.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Yang Berhormat Dato', terima kasih. Saya sekali lagi tertarik dengan cerita kisah kejayaan Bangalore ini. Lima kali dia lebih hebat daripada kita mengikut skala itu saya ingat betul dan saya tertarik juga kata dia lebih hebat daripada silikon. Kita ada Koridor Raya Multimedia. Bagi pihak rakyat Malaysia saya ingin tahu apa secret rahsia Bangalore, resepi Bangalore sehingga dia dapat pada tahap lebih hebat daripada Silicon Valley. Ini hendak kita marfaatkan

kepada semua masyarakat kerana kalau resepi itu dia tahu, mari kita bersama-sama menggunakan fikiran, kreativiti kita untuk sampai ke situ. Bukan senang tetapi lebih banyak orang tahu resepi, lebih banyak orang cuba, lebih banyak R&D dibuat untuk hendak sampai dapat resepi itu. Jadi ini saya hendak dengar ini. Saya tahu sikit-sikit tetapi bila saya dengar Yang Berhormat Dato' kata tadi saya hendak dengar kisah dalaman ICT ini. Saya tahu luaran sahaja. Terima kasih Dato'.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasihlah. Bagi mereka tidak ada apa rahsia yang penting. Kita telah dengar banyak kali, dengan izin, necessity is the mother of invention iaitu di tempat itu rakyat ramai tetapi kemudahan itu sedikit sahaja kerana kewangan tidak cukup dan sebagainya. Katakan kita ada 10 orang di sini dan kita hanya ada satu komputer. 10 orang kena gunakan komputer ini. Kalau satu orang duduk di depan komputer ini dua jam kerana software itu begitu lambat, kerana turn around time begitu lambat maka orang lain itu sudah tidak cukup masa. So, bagi orang itu mereka telah memikirkan bagaimana kita boleh mempercepatkan proses itu supaya dalam satu jam itu 10 orang semua boleh habiskan kerja mereka. So, ini telah memberi insentif kepada mereka untuk memikirkan bagaimana boleh.

Kalau saya tulis satu software untuk memproses sesuatu dan itu akan mengambil masa satu jam untuk memproses. Kalau saya boleh keluarkan satu lagi software untuk mengurangkan masa itu ke 10 minit, itu sudah menjadi satu kemajuan yang sangat besar. Oleh kerana itu di tempat ini kemudahan tidak cukup telah mendesak mereka memikirkan bagaimana boleh share, boleh berkongsi peralatan itu dan bagaimana boleh mempercepatkan. So, satu mesin yang diberikan kepada mereka telah betul-betul digunakan seratus peratus. Mungkin pagi sampai malam, pagi sampai malam tidak berhenti dan masih tidak mencukupi. So, bagaimana kita boleh ada satu kemajuan dalam bidang ini, iaitu hanya melalui proses kalau kurangkan masa. So, dengan itu pemikiran mereka telah bertambah baik. Dan oleh kerana itu mereka telah dapat satu kemajuan yang terpuji sekarang sehingga tempat mereka telah menjadi suatu tempat yang menarik sekarang dan bila kita dalam industri ICT kita sebut Bangalore kita sudah tahu. Mungkin Tuan Yang diPertua boleh mengaturkan satu lawatan bagi kita ke tempat ini untuk menyemak sama ada ini

benar atau tidak. Bagi saya, kalau kita ada satu lawatan semacam ini untuk mengkaji itu bukan satu pembaziran wang rakyat.

Berbalik kepada beberapa perkara yang saya ingin sentuh lagi iaitu tentang beberapa cadangan lagi. Dalam pembentangan itu ada juga dicadangkan bahawa projek-projek perumahan kos rendah itu akan ditingkatkan dan juga peruntukan-peruntukan tertentu kepada projek-projek terbengkalai itu akan diberi supaya projek-projek ini dapat dijalankan terus dan sebagainya. Tiap-tiap kali kita menghadapi masalah projek-projek terbengkalai maka kita mengatasinya dengan memberikan lebih peruntukan supaya ini dapat kita meneruskan sehingga habis. Bagi saya, kita selalu tidak mengkaji kenapa perkara ini berlaku. Kita patut tiap-tiap kali dapat masalah, masuk wang dapat masalah, sumbang lagi, tetapi kita tidak kaji pokoknya kenapa perkara macam ini telah berlaku dan mengambil tindakan yang sesuai untuk mengatasinya.

Bagi saya, kalau tiap-tiap kali kita menyelamatkan sesuatu projek itu kerana projek itu telah terbengkalai dengan tidak mengkaji sebab-sebabnya kenapa ini berlaku, sampai bilakah kita akan mendapat satu pengajaran tentang masalah itu. Lebih baik kerajaan mengkaji sebab-sebabnya sesuatu perkara semacam ini berlaku dan mengambil tindakan-tindakan yang sesuai untuk mencegah perkara ini berlaku tiap-tiap kali kita menghadapi kemelesetan ekonomi tahun 1985 satu kali, 1990-an satu kali, 1996 kita menghadapi masalah lagi. Dan tiap-tiap kali cara yang sama digunakan, kita akan beri peruntukan yang lebih supaya projek-projek terbengkalai ini dapat dijalankan dan semasa ini saya menyerulah kepada kerajaan supaya mengkaji latar belakang ini kenapa ini telah menjadi satu masalah dan mengambil satu langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah ini.

Jangan tiap-tiap kali sungguhpun dalam perkara yang disebutkan sekarang mungkin projek-projek yang sudah ada kalau ketinggalan macam itu sahajalah akan menyusahkan khasnya banyak projek yang ada kandungan rumah kos rendah itu kita patutlah mengambil tindakan untuk membolehkan projek itu berjalan supaya pada akhirnya rakyat yang telah mungkin keluarkan wang KWSP mereka, telah keluarkan wang simpan mereka dan sebagainya untuk membeli ini tidak menjadi mangsa. Tetapi apa yang kita harus buat ialah mengkaji kenapa perkara ini berlaku supaya kita

dapat mengambil tindakan untuk mengelak daripada berlakunya perkara ini tiap-tiap kali. Bagi saya, ini bukan satu perkara yang susah kerana kita harus mengkaji dasar sahaja. Pada satu ketika kerana dasar kita telah membolehkan seseorang pemaju itu mengambil duit pertaruhan, mengambil duit membayar mengikut peringkat pembinaan itu mengambil duit ini tetapi tidak menggunakan duit ini untuk projek itu. Mungkin dia ambil duit ini beli kereta Mercedes, buat lawatan ke luar negara dan mungkin membeli saham atau buat business lain. Dan apabila di sana telah menghadapi masalah, sekarang projek ini tidak boleh berjalan dan rakyat telah mengeluarkan duit itu.

Saya ada satu kes yang telah berjumpa dengan saya. Seorang penjaja telah membeli satu rumah kedai, sudah bayar sehingga RM20,000. Apabila projek itu ketinggalan sahaja Kementerian Perumahan telah datang buat pemeriksaan kepada projek itu, buat tinjauan dan sebagainya dan selepas itu kata tidak boleh buat apa. Dan apabila seorang pemaju yang baru itu mengambil alih projek itu, dia kata saya tidak bolehlah memberi kepada harga yang anda beli itu, kalau anda mahu teruskan sekarang kena bayar yang lebih tinggi. Dan sekarang orang ini tidak mampu lagi dan semua wang simpanannya sudah habis, iaitu RM20,000 sudah habis. Dan dasar-dasar yang ada pada ketika itu telah membolehkan kejadian ini berlaku. So, selepas itu kerajaan telah menjadi lebih bijaksana telah menukarkan dasar, katakan okay kita tubuhkan tabung, tiap-tiap projek ada satu tabung dan tabung ini hanya diguna untuk projek itu dan tidak boleh dikeluarkan untuk tujuan-tujuan lain. Itu sebagai satu daripada tindakan yang telah diambil.

Apabila kemelesetan ekonomi itu berlaku baru-baru ini orang-orang yang telah mengeluarkan wang KWSP, wang simpanan mereka masih menjadi mangsa. So, macam mana kerajaan boleh melindungi orang-orang semacam ini. Bukan kerana masalah mereka sendiri, ini kerana satu keadaan yang telah berlaku dan mereka telah menjadi mangsa. Bagi saya, kerajaan harus mengkaji bagaimana perkara-perkara semacam ini masih berlaku supaya mengambil tindakan yang berpatutan untuk mencegah dan bagi saya seolah-olah tiap-tiap kali ini berlaku kerajaan memihakkan pihak pemaju dan rakyat itu menjadi mangsa ataupun duit awam telah dikeluarkan untuk menyelamatkan projek-projek. Sampai bila ini akan berlaku.

Saya harap perkara ini akan diberi satu kajian yang teliti dan bukan sahaja tiap-tiap kali cadangan, “Keluarkan duit! Keluarkan duit!” untuk menyelamatkan projek-projek semacam ini. So, dalam cadangan belanjawan itu ada disebutkan bahawa projek-projek terbengkalai akan menerima bantuan untuk mereka teruskan tetapi semasa kita memberi bantuan, kita juga patut mengkaji latar belakang kenapa ia berlaku. Ambil tindakan yang sesuai untuk mencegah perkara itu tiap-tiap kali berlaku.

Saya juga ingin menyentuh tentang pembaziran. Dalam *budget* yang dicadangkan ini, kita akan belanja sebanyak RM91 bilion. Pada saya, ini adalah satu amaun yang begitu besar. Untuk mengurus sebanyak RM62.2 bilion iaitu 68.3% daripada jumlah RM91 bilion itu dan untuk pembangunan sebanyak RM28.836 bilion iaitu sebanyak 31.7%. Bagi perbelanjaan mengurus, kita selalu kena mengawasi kegunaan duit itu. Baru-baru ini, minggu yang lepas, semasa kita membahaskan perbelanjaan tambahan yang kedua itu, kita telah mengkaji apa yang berlaku dan saya telah menyentuh tentang kes-kes ini iaitu mV An Tai yang tenggelam di Pelabuhan Kelang itu pada tahun 1997. Ini sebagai satu contoh tentang pembaziran.

Jawapan yang saya terima pada hari itu ialah pada masa itu untuk mengeluarkan bangkai kapal mV An Tai itu, hanya RM4 juta lebih tetapi apabila hendak mengeluarkan bangkai kapal ini pada tahun ini, kos telah meningkat daripada RM4 juta lebih kepada RM17 juta untuk kerja yang sama iaitu mengeluarkan bangkai kapal. Kenapa perkara ini dibiarkan berlanjutan sehingga empat tahun, 1997 sampai sekarang, hujung tahun 2000 dan usaha sahaja diambil untuk mengeluarkan bangkai kapal. Bagi saya, ini adalah satu pembaziran. Sudah meningkat jadi empat kali kos itu. Adakah ini patut berlaku?

Kalau duit kita sendiri tentu rasa kurang senang hati, tetapi ini duit rakyat. Seolah-olah kita tidak peduli dan kita biarkan perkara macam ini. Ini satu contoh sahaja. Kalau kita semak balik, kita akan dapat banyak contoh di mana pembaziran itu berlaku. So, semasa kita telah memberi peruntukan tertentu dan sebagainya, saya minta pihak-pihak yang berkenaan mengambil berat tentang perkara-perkara pembaziran ini. Mungkin kita kena buat keputusan yang cepat. Tidak dalam kes mV An Tai itu, kita diberitahu, pemberian kontrak itu kepada satu syarikat. Dia telah

mula kerja beberapa bulan dan tidak dapat teruskan. So, telah ketinggalan. Selepas itu, panggil tender baru, tidak boleh buat keputusan. Selepas itu balik ke pelabuhan itu mengambil alih projek itu. Panggil tender baru, sekarang kena bayar begitu banyak.

Semasa kita tunggu kapal ini dikeluarkan, pelabuhan itu tidak dapat digunakan. Tiap-tiap hari kita sudah rugi berapa banyak? Kalau kita kirakan semua kos ini, bagi saya ini adalah satu pembaziran dan pihak yang bertanggungjawab, kalau di negara yang maju dan pegawai itu ada prinsip-prinsip tertentu, sudah letak jawatan. Siapa yang bertanggungjawab sudah letak jawatan. Jangan biarkan perkara ini berlanjutan sehingga sekarang.

Satu lagi contoh yang kita ada peruntukan di sini ialah untuk Perwaja. Kita juga ada peruntukan untuk Perwaja kerana kerajaan menjadi pemegang saham untuk syarikat ini. Kita sudah rugi berapa banyak dalam syarikat Perwaja ini. Syarikat-syarikat keluli yang lain telah dapat untung. Kalau kita baca Laporan Tahunan Southern Steel, sebagai contoh, mereka telah dapat keuntungan tetapi syarikat ini yang dimiliki oleh kerajaan, Kerajaan Terengganu pun sudah jual saham mereka kerana kerugian-kerugian yang dihadapi oleh syarikat ini. Mungkin satu keputusan....

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Ya Dato', ada yang minta laluan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Baik.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru sahaja Yang Berhormat sebut tadi bahawa Kerajaan Terengganu sudah jual syarikat-syarikat ini. Boleh saya dapat tahu, kerajaan manakah yang telah pun menjualkan syarikat-syarikat ini? Kerajaan PAS kah ataupun sebelum ini? Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Bagi saya, apabila kita sebutkan kerajaan, maka itu adalah satu entiti yang berterusan. Kita tidak boleh katakan kerajaan tidak bertanggungjawab. Katakan Kerajaan A sekarang buat satu perjanjian. Esok Kerajaan B telah menang dan menjadi kerajaan. Adakah perjanjian itu masih sah ataupun tidak sah? So, apabila kita kata kerajaan, kita katakan satu entiti dan tanggungjawab yang berterusan. So, sama ada kepada masa dahulu atau pada masa

sekarang, satu syarikat yang dimiliki oleh kerajaan telah menghadapi banyak masalah dan kita tidak dapat mengatasi masalah itu dengan apa tindakan yang telah diambil dan tiap-tiap kali kita kena tambah modal untuk menjaga syarikat ini supaya masih boleh berterusan.

Pada saya, adalah lebih baik pada satu peringkat, kita telah mengaku kalah dengan projek ini dan kita patut jualkan ini kepada pihak lain supaya pihak ini dengan usaha-usaha mereka, mungkin boleh mencari keuntungan dan boleh mengambil langkah-langkah yang tertentu supaya syarikat ini menjadi satu syarikat yang untung dan tidak menjadi syarikat yang masih memerlukan bantuan kerajaan tiap-tiap tahun. So, sampai bila? Saya minta kajian dibuat terhadap perkara ini dan ini sebagai contoh tetapi ini memang satu contoh yang penting kerana peruntukan yang diberi adalah lebih daripada RM2 bilion untuk syarikat ini.

Kalau kita kira dua daripada 91, bagi saya sudah satu angka yang begitu besar. Kita harus mengambil keputusan bukan sahaja mengkaji syarikat-syarikat ini, ada banyak lagi syarikat yang dimiliki oleh kerajaan yang telah menghadapi kerugian dan ini sebagai satu contoh sahaja. Kita telah mendengar dalam pembentangan laporan-laporan pihak pembangunan ekonomi negeri tiap-tiap Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri, mereka juga ada memiliki syarikat-syarikat yang rugi. Banyak daripada itu, patut mengadakan projek-projek yang boleh menyumbang kepada kerajaan iaitu pendapatan atau keuntungan daripada sana boleh digunakan untuk faedah rakyat.

Tetapi sebaliknya banyak daripada syarikat ini kena dapat bantuan dari kerajaan dan bukan sahaja tidak boleh sumbang kepada pembangunan negeri itu tetapi kena dapat bantuan dan di peringkat persekutuan masih juga ada masalah ini. Banyak daripada syarikat-syarikat itu juga mempunyai kerugian dan perlukan banyak bantuan daripada kerajaan. Bagi saya, ini adalah satu perkara yang tidak betul. Kita harus mengkaji kenapa perkara ini berlaku. Saya kurang pasti tetapi apabila saya dengar, saya belum buat tinjauan yang mendalam tentang maklumat ini.

Apabila sesuatu itu ditanya, kalau pihak syarikat ini akan mencari sahabat perkongsian, siapa yang anda mahu, kalau ditawarkan KWSP, Tabung Haji, Petronas dan beberapa lagi badan itu, banyak daripada pihak tersebut telah mencari Petronas

dan Khazanah Holdings. Kaku dilantik *partnership*, siapa yang ingin anda menjadikan sahabat perkongsian? Sebabnya mereka selalu cari Petronas ialah kerana Petronas mungkin satu badan yang telah lama menceburi diri dalam perniagaan dan lebih memahami konsep-konsep untung, rugi dan sebagainya.

Mungkin banyak daripada badan-badan ini masih kurang pengalaman. Mungkin orang-orang korporat itu patut masuk dan mungkin boleh ada idea-idea yang baru. Orang-orang dari kerajaan mungkin kurang pengalaman dari segi banyak falsafah, cara pekerjaan mereka, cara pemikiran mereka, semua mungkin ada yang tidak begitu sesuai bagi sesuatu syarikat. Oleh kerana itu, perkara ini harus juga dikaji dari segi bagaimana kita boleh mengurangkan pembaziran dalam pentadbiran negara dan kalau kita boleh kurang itu, maka bagi saya, apa yang diminta untuk mengurus itu dapat dikurangkan kepada satu tahap yang kita boleh katakan baik dari segi pentadbiran, keperluan dan sebagainya.

Saya telah menyentuh tentang kelemahan-kelemahan pentadbiran tadi apabila saya memberikan contoh-contoh itu dan sungguhpun dalam budget ini kita telah mengagihkan banyak peruntukan untuk latihan, bagi saya, latihan-latihan ini kena ditumpukan kepada kelemahan-kelemahan yang ada.

Kita ada badan-badan yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk mengkaji sebagai contoh MAMPU, INTAN. Kita telah tubuhkan badan-badan ini untuk mengkaji kelemahan-kelemahan dalam pentadbiran kerajaan. Adalah lebih baik badan-badan ini diberi mandat tertentu untuk mengkaji supaya perkara-perkara ini tidak berlanjutan sampai bila, saya tidak tahu tetapi selalu ada masalah sungguhpun kita ada badan-badan yang telah ditugaskan khas untuk mengkaji perkara-perkara kelemahan pentadbiran tetapi masih ada banyak kelemahan pentadbiran dari segi pelaksanaan, dari segi guna tenaga, dari segi perbelanjaan dan sebagainya. Saya harap badan-badan yang ditugaskan khas untuk mengkaji ini akan memberi lebih tumpuan kepada perkara ini.

Satu jabatan yang saya dapati diberi peruntukan yang lebih ialah BPR. Banyak daripada masalah yang dihadapi oleh negara kita berpunca pada pendapat saya daripada penyelewengan dan rasuah dan apabila saya mengkaji amaun yang diperuntukkan kepada BPR, saya melihatlah tahun 2000 diperuntukkan sebanyak

RM41.7 juta, 2001 diperuntukkan RM61.4 juta, *so*, ini nampaknya ada tambahan lebih kurang RM20 juta.

Ini adalah satu kebaikan tetapi apabila dikaji dengan teliti, RM20 juta itu, lebih setengah daripadanya ialah kerana kenaikan gaji dan Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan bukan kerana peruntukan ini akan diguna untuk meningkatkan lagi keberkesanan pihak BPR ini. Apabila pihak BPR telah menyiasat apa yang berlaku di PERWAJA sampai sekarang masih tidak ada satu penyelesaian, masih belum habis siasatan seperti ini dan kalau perkara-perkara yang besar ini kita tidak dapat selesaikan dengan cepat, maka masalah tentu ada dan pihak kakitangan kerajaan mungkin tidak mengambil berat tentang tindakan-tindakan BPR ini.

Kebelakangan ini, kita ada masalah lesen terbang di mana pihak JPJ sendiri terlibat dengan sekolah memandu iaitu pekerja-pekerja di JPJ sendiri terlibat dan ada beberapa telah dibawa ke mahkamah, telah dihukum, tindakan mahkamah telah didenda dan sebagainya tetapi perkara ini nampaknya begitu berleluasa.

Kita pun dengar baru-baru ini satu perkara yang selalu ada dalam surat khabar iaitu tentang MAS. MAS adalah satu syarikat penerbangan yang unggul di negara kita dan kita baca dalam surat khabar bahawa bahagian kargo mereka telah menghadapi banyak masalah. Kargo itu masuk katakan 20 juta tan, keluar 20 juta tan tetapi dari segi billing, mungkin 12 juta tan. *So*, dari segi perbezaan itu ada tetapi perkara ini harus disiasat dengan baik apabila dengar apa yang berlaku, pencurian barang-barang penumpang itu selalu berlaku dan semua yang disyaki itu ialah orang dalaman dan pihak BPR kena diberi kuasa yang lebih dan diberi peruntukan yang lebih supaya mereka dapat memainkan peranan yang penting ini.

Kalau kita dapati, saya kurang pasti, bahawa masalah ini telah kita hentikan atau kita telah selesaikan maka mungkin sekarang tiap-tiap syarikat yang disebutkan sebagai hendak masuk beli saham MAS itu telah menafikan, baru-baru ini SwissAir kata tidak ada, Qantas kata tidak ada. Tiap-tiap syarikat yang disebutkan itu sebagai hendak masuk beli dan mungkin pada akhirnya Khazanah Holdings kena masuk atau Petronas kena masuk dan beli. Tetapi masalah itu kerana apa yang telah berlaku dalam bahagian ini. *So*, kalau kita tidak meyakinkan orang-orang yang ingin masuk dalam syarikat ini akhirnya kerajaan sendiri kena masuk dan apabila kerajaan sendiri

masuk mungkin perkara itu akan menjadi lebih rumit, akan berterusan dengan lebih pesat lagi sehingga pada satu hari mungkin kerugian yang dihadapi oleh syarikat ini begitu besar, mungkin kena gulung tikar.

Ini saya tidak mahu berlaku kerana kita menggunakan duit rakyat untuk menyelesaikan perkara-perkara seperti ini. *So*, bagi saya fungsi BPR ini dari segi pencegahan rasuah itu sangat penting dan saya hanya lihat dari segi peruntukan kepada jabatan ini tidak begitu memuaskan pada pendapat saya dan saya harap ini akan diambil perhatian supaya perkara ini dapat diatasi.

Satu lagi kementerian yang saya ingin sentuh ialah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Saya selalu melihat apa usaha-usaha kementerian ini dari segi bagaimana boleh mewujudkan satu suasana yang lebih baik supaya rakyat lebih bersatu padu dan bersama-sama memajukan negara demi kebaikan kita pada masa hadapan.

Saya telah mengkaji peruntukan kepada kementerian ini dan yang diberikan ialah RM369.28 juta kepada kementerian ini dan apa yang saya kesal ialah dalam peruntukan ini, untuk kerja perpaduan negara banyak daripada budget yang diperuntukkan ini ialah untuk memberi subsidi kepada orang miskin dan sebagainya, itu lebih kurang dari RM100 juta lebih tetapi untuk kerja perpaduan negara pada tahun 2000 peruntukan ialah RM47.382 juta. Tetapi untuk tahun hadapan hanya diperuntukkan RM46.6 juta ia itu kurang daripada apa yang telah diperuntukkan pada masa sekarang. Kebelakangan ini kita telah melihat masalah-masalah di banyak tempat.

Baru-baru ini kita telah mendengar Yang Berhormat Ratnam tadi telah menyentuh tentang apa yang berlaku di Lunas dan bukan sahaja di Lunas tetapi pada keseluruhannya nampaknya kita ada banyak unsur-unsur sama ada perkauman, sama ada keagamaan dan sebagainya yang seolah-olah tidak menyatukan rakyat kita dan untuk kerja perpaduan negara ini pada tahun hadapan nampaknya kita sudah kurangkan peruntukan kepada kementerian ini untuk kerja perpaduan negara. Adakah ini patut dibuat? Bagi saya, selagi ada unsur-unsur yang kurang senang hati di negara kita maka kerja-kerja untuk perpaduan itu masih sangat mustahak dan masih diperlukan.

Kerajaan ada banyak rancangan yang baik, sebagai contoh sekolah wawasan. Bagi saya adalah satu projek yang baik demi perpaduan negara supaya semua anak-anak kita mula dari peringkat sekolah dapat peluang menikmati kemudahan-kemudahan bersama di dalam satu kawasan atau persekitaran sekolah yang bersama. Supaya nanti bila mereka menjadi dewasa, mereka telah memahami apa yang berlaku dan bagi saya ini adalah satu visi, satu wawasan yang betul. Tetapi apabila perkara ini akan dilaksanakan timbullah banyak kritikan, teguran telah menjadi satu isu yang begitu hebat di Lunas sehingga di satu tempat yang selamat begitu lama telah dihilangkan. Ini kenapa? Bagi saya ini kerana kerajaan ada satu visi perpaduan yang begitu penting tetapi apabila hendak melaksanakan telah menjadi satu keraguan yang begitu besar sehingga menjadi satu isu utama sehingga memecahkan perpaduan kita dan ini adalah satu perkara yang tidak harus berlaku. Kalau rancangan itu adalah satu rancangan yang tidak baik, tidak membawa faedah dan akan menjadi satu yang digunakan untuk menekan sesuatu pihak, itu kurang baik. Tetapi dalam perkara ini projek yang dicadangkan itu memang bertujuan mengadakan perpaduan, supaya semua pihak ini dapat datang melihat bagaimana cara setiap orang itu membuat sesuatu dan berkongsi kemudahan-kemudahan awam di satu tempat berinteraksi dan sebagainya.

Ini bagi saya adalah satu wawasan yang betul tetapi apabila ini dicadangkan sudah ada bantahan dari sini, bantahan dari sana, keraguan di sini, keraguan di sana. Dari segi perpaduan banyak lagi kerja yang kita belum habiskan. Saya harap selepas apa yang telah saya suarakan, pihak Kementerian Perpaduan Negara ini akan mengkaji dari segi peruntukan, sama ada untuk perkara yang begitu penting ini patutkah untuk tahun hadapan dikurangkan daripada amaun yang diperuntukkan pada tahun ini. Sungguhpun kekurangan itu bukan banyak, hanya lebih daripada setengah juta sahaja tetapi dari segi implikasi apabila kita mengkaji amaunnya sama ada sesuai atau tidak.

Dalam penjelasan pagi ini Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menjelaskan bahawa budget yang kita cadangkan pada tahun hadapan ialah untuk kita masuk ke Rancangan Malaysia Kelapan. Ini telah menanam asas-asas untuk kita masuk ke Rancangan Malaysia Kelapan. Dalam pembangunan negara kita telah

mengadakan rancangan satu, dua, tiga dan sebagainya, sekarang sudah sampai ke rancangan yang kelapan. Cabaran-cabaran itu sangat banyak. Tidak lama lagi apabila dilaksanakan AFTA, WTO, perjanjian-perjanjian semua ini kita kena buka pasaran kita kepada satu pasaran antarabangsa. Kita haruslah mengkaji dasar-dasar kita supaya semua ini adalah sesuai, semua ini boleh menghadapi cabaran-cabaran pada masa hadapan. Apabila kita mendengar penjelasan kenapa kita telah merekabentuk satu kenderaan yang bolehlah kita katakan usaha sendiri iaitu kereta WAJA. Bahawa kereta WAJA ini merupakan satu usaha sendiri, kita tidak payah bayar royalti atau sebagainya kepada mana-mana pihak kerana ini telah direkabentuk dan dibina sendiri. Ini adalah satu contoh yang baik dan dalam menghadapi masalah-masalah dan cabaran-cabaran pada masa-masa akan datang Apa yang dicadangkan pada tahun hadapan ialah supaya kita dapat menanam asas-asas kita untuk memperkukuhkan lagi ekonomi kita untuk menghadapi masa hadapan.

Dalam membaca apa yang telah dibentangkan itu, saya dapati kita kurang memberi tumpuan kepada perkara e-commerce dari segi bagaimana ini akan menjejaskan pendapatan kerajaan. Apabila semua syarikat itu menjual beli melalui Internet membuat e-commerce dan sebagainya, itu adalah satu implikasi yang sangat besar kepada pendapatan dari segi cukai bagi kerajaan. Sungguhpun kita menggalakkan aktiviti ini kerana kita tidak boleh membuat lain, ini sudah menjadi satu arah yang akan datang tidak lama lagi, tetapi adakah kita mengkaji bagaimana ini akan mempengaruhi pendapatan kerajaan pada masa hadapan. Bagaimana kita boleh mencari sumber-sumber lain supaya kita dapat meningkatkan cukai kepada pihak-pihak tertentu supaya pendapatan kerajaan kita masih kukuh, masih mencukupi untuk menjalankan segala aktiviti yang kita perlukan.

Saya telah mengkaji bagaimana implikasi e-commerce ini atau e-perdagangan ini akan menjejaskan pendapatan ini. Saya dapati itu tidak ada satu kajian yang terperinci. Saya harap apabila kita melaksanakan cadangan-cadangan itu maka perkara ini akan diberi satu perhatian yang serius supaya apabila kita menghadapi cabaran-cabaran itu kita sudah ada satu strategi yang penting supaya kita dapat mengatasinya dengan baik. Untuk kita menggalakkan perdagangan e-commerce ini kita juga kena meyakinkan bahawa tidaklah ada penyelewengan yang

berlaku. Banyak pihak masih takut dengan maklumat kad kredit kita digunakan untuk menipu seseorang itu. Baru-baru ini kita telah membaca dalam surat khabar bahawa sekarang sudah ada teknologi semasa kita swipe kad itu dan dalam perjalanan elektronik ini dari tempat kita membeli ke tempat yang mengeluarkan kad kredit itu, maklumat ini boleh disekat dan boleh digunakan untuk pihak-pihak tertentu dengan tujuan yang buruk.

Adakah kita telah mengambil kira bahawa ini telah menjadi satu perkara yang akan menjadi lebih biasa dan apakah tindakan-tindakan yang kita telah mengambil tentang perkara ini. Adakah kita telah memperkuat lagi bahagian jenayah perdagangan pihak polis, adakah mereka diberi lebih latihan dalam perkara ini. Adakah mereka didedahkan kepada apa yang digunakan oleh orang-orang jahat ini supaya mereka boleh mencegah perkara ini dari berlaku. Kebelakangan ini kita telah menghadapi masalah kad ATM. Banyak daripada duit itu telah dikeluarkan dan itu pun berlaku banyak di Pulau Pinang, kepada Ban Hin Lee Bank, sekarang sudah tidak ada lagi Ban Hin Lee bank sudah bergabung dengan Southern Bank. Tetapi itu telah berlaku dan apabila kita sampai ke satu era baru di mana kita guna banyak ICT, ini satu perkara yang akan berlaku dengan pesatnya. Kerana senang sahaja untuk sistem itu rosak dan banyak maklumat telah hilang dan kita tidak dapat mengesannya lagi.

Saya minta peruntukan yang diberikan kepada pihak Kementerian Dalam Negeri itu khasnya kepada pihak polis diagihkan sebahagiannya untuk memperkuat lagi latihan pegawai-pegawai di Bahagian Jenayah Komersial (Commercial Crime Division). Kerana apabila kita masuk ke era ICT ini banyak daripada perkara yang akan berlaku ialah dalam sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang kenderaan awam. Kita telah mengkaji banyak cadangan-cadangan daripada pakar-pakar dan sebagainya. Kita dapati banyak daripada pakar-pakar pengangkutan ini telah mencadangkan bahawa untuk kita mengatasi masalah lalu lintas maka pengangkutan awam itu kena diperbaiki. Dari segi pengangkutan awam, pihak yang akan memainkan peranan yang penting ialah LPKP iaitu Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan. Kita harus mengkaji dari segi keberkesanan peranan LPKP ini. Di dalam Kementerian

Pembangunan Usahawan ada budget untuk LPKP, tetapi saya dapati peranan LPKP dalam sektor ini nampaknya macam kurang memuaskan. Kita selalu ada, pada masa sekarang pun ada, apabila kita hendak mengambil bas daripada Puduraya ke Pulau Pinang. Kita masih dapati masih banyak penyelewengan yang berlaku. Mereka menjual tiket mengatakan bas ini akan bertolak pada masa ini, apabila kita sampai ke sana, bas pun tidak ada dan kita kena tunggu dan kita pun tidak tahu bila kita boleh naik bas. Apabila sampai ke musim perayaan macam sekarang, syarikat-syarikat telah mengambil kesempatan untuk menaikkan tambang bas. Apakah peranan LPKP dalam perkara ini, kenapa ini tidak dapat diawasi, kenapa ini setiap kali sampai musim perayaan sudah berlaku masalah yang semacam ini.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Yang Berhormat Dato' , boleh kita sambung pagi esok.

Dato' Dr Chin Fook Weng: Mungkin saya habiskan, terima kasih. Saya ada satu minit lagi. Jadi dalam perkara ini saya harap peruntukan yang digunakan oleh LPKP itu akan digunakan untuk mengkaji perkara ini macam mana kita dapat meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam supaya rakyat kita tidaklah selalu menghadapi masalah tiap-tiap kali.

Dengan kata-kata yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong anggaran Belanjawan bagi tahun 2001. Terima kasih.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: *[Bangun]*

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Saya rasa kita sambung besok. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr Chin Fook Weng dan oleh kerana masa sudah cukup, Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini maka Dewan ini ditangguhkan pada hari esok, Selasa 12 Disember, jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S.
(Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman,
S.P.D.K., D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T.
(Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
(Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- “ Menteri Pendidikan,
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N.,
D.P.C.M. (Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan,
Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
(Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun
(Dilantik)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datuk Christina Lorline Stephen Tibok (Sabah)
- “ Datuk Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)

- " Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)
- " Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
- " Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- " Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- " Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- " Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- " Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- " Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- " Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- " Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- " Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- " Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- " Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
- " Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- " Dato' Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- " Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- " Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- " Datuk M. Kayveas (Dilantik)
- " Tuan M. Ratnam (Dilantik)
- " Tuan M. Saravanan (Dilantik)
- " Dato' Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- " Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)
- " Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- " Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)
- " Tuan N. Marimuthu A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- " Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- " Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)

Yang Berhormat Dato' Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)

- “ Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
- ” Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan See Too Mee (Johor)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- “ Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato' Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Yew Tuan Chiew (Perak)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara

Abdullah Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

Mazidah binti Mohamed

Paizah binti Sallehudin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Marzila binti Muslim

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd. Azmi bin Embong

Sulaiman bin Sirad

Azzahar bin Hashim

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KETIGA

Jilid II

Bil. 24

Isnin

11 Disember 2000

K A N D U N G A N

PENUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Mengangkat Sumpah Di Luar Dewan (Halaman 1)
- Mengalukan Kedatangan Ahli Baru (Halaman 1)
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Halaman 1)
- Urusan Mesyuarat (Halaman 2)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman
2)

RANG UNDANG-UNDANG:

DN.11.12.2000

119

Rang Undang-undang Perbekalan 2001

(Halaman 23)